



DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

NEGERI SARAWAK

TAHUN 2013



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA**
彭亨州政府財政報告及管理
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
NEGERI SARAWAK
TAHUN 2013

KANDUNGAN



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	9
Akaun Hasil Disatukan	12
Akaun Pinjaman Disatukan	21
Akaun Amanah Disatukan	22
Penyata Akaun Memorandum	35
Rumusan Dan Syor Audit	47
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Kemajuan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh	51
Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua	56
Peruntukan Khas RM1 Bilion	57
Rumusan	59
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI NEGERI	
Latar Belakang	63
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri	63

PERKARA	MUKA SURAT
Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti	64
Objektif Pengauditan	64
Skop Dan Metodologi Pengauditan	65
Kawalan Utama	65
Penemuan Audit	77
Pemeriksaan Audit Mengejut	85
Penemuan Audit	85
Syor Audit	90
BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	93
Pengauditan Penyata Kewangan	93
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	94
Pengesahan Penyata Kewangan	94
Pembentangan Penyata Kewangan	94
Prestasi Kewangan	95
Syor Audit	110
BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	115
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	115
PENUTUP	119
LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	123
II Pernyataan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Dan Akauntan Negeri Sarawak	124
III Penyata Kedudukan Kewangan	125
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	126
V Penyata Prestasi Kewangan	128
VI Penyata Akaun Memorandum	129
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	130

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agenzi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – Pengauditan ini yang berpandukan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Islam Sarawak.

1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agenzi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2013 adalah tahun ketujuh pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan sehingga mencapai tahap cemerlang. Penarafan AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia dapat membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik seperti **Cepat, Tepat Dan Berintegriti**. Selain itu, sebagai usaha berterusan memupuk kesedaran dan iltizam integriti yang tinggi di kalangan penjawat awam dalam pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut juga dilaksanakan di beberapa Pusat Tanggungjawab terpilih seluruh negeri.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Sarawak Tahun 2013 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri sepanjang tahun 2013. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agenzi bagi melindungi semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakuruan yang serius.

3. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengubah asas perakaunan yang diamalkan sekarang iaitu Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan mulai tahun 2015. Perakaunan Akruan mengiktiraf dan merekodkan semua urus niaga pada masa ia berlaku. Selain itu, ianya menghendaki semua aset Kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup berserta semua jenis liabiliti Kerajaan ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Pelaksanaan dasar Perakaunan Akruan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan Transformasi Sektor Awam bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri hendaklah memantapkan lagi Pengurusan Kewangan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan stor sebagai persediaan awal ke arah tersebut. Justeru itu, pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat perlu dipertingkatkan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
13 Ogos 2014

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN B ERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah disahkan. Dokumen sokongan bagi mengesahkan semua angka telah disediakan dengan sewajarnya. Rekod perakaunannya juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2013.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 adalah RM23.36 bilion, meningkat sejumlah RM2.26 bilion berbanding RM21.10 bilion pada akhir tahun 2012. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri mencatatkan surplus sejumlah RM2.13 bilion berbanding RM2.57 bilion pada tahun 2012. Kutipan hasil menurun sedikit sejumlah RM24.40 juta atau 0.3% menjadi RM7.16 bilion berbanding RM7.19 bilion pada tahun 2012. Tambahan pula, tunggakan hasil meningkat sejumlah RM74.25 juta atau 78.8% menjadi RM168.53 juta daripada RM94.28 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM417.91 juta atau 9% iaitu daripada RM4.62 bilion pada tahun 2012 kepada RM5.03 bilion pada tahun 2013.

3. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM66.31 juta atau 2.8% daripada RM2.41 bilion pada tahun 2012 kepada RM2.47 bilion pada tahun 2013. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut turut meningkat sejumlah RM72.80 juta atau 12% daripada RM611.20 juta pada tahun 2012 kepada RM684 juta pada tahun 2013. Jumlah pelaburan telah meningkat pada tahun 2013 menjadi RM27.58 bilion. Pulangan pelaburan saham dalam syarikat awam dan tidak tersenarai meningkat sejumlah RM281.06 juta kepada RM1.97 bilion pada tahun 2013 berbanding RM1.70 bilion pada tahun 2012. Jumlah hutang awam meningkat sejumlah RM30.04 juta atau 1.3% menjadi RM2.27 bilion berbanding RM2.24 bilion pada tahun 2012. Tunggakan hutang awam oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 ialah RM2.28 juta.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

4. Prestasi bagi pelaksanaan projek di bawah RMKe-10 sehingga akhir tahun 2013 adalah sangat baik di mana RM3.38 bilion atau 92.1% daripada RM3.67 bilion telah dibelanjakan dan 278 atau 81.5% daripada 341 projek telah siap/sedang dilaksanakan. Pencapaian pelaksanaan projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua adalah sangat baik di mana sehingga akhir tahun 2013, sejumlah RM294.57 juta daripada RM300 juta atau

98.2% telah dibelanjakan dan kesemua 473 projek siap dilaksanakan. Pencapaian perbelanjaan projek di bawah peruntukan khas RM1 Bilion adalah baik. Pada akhir tahun 2013, RM874.69 juta daripada RM1 bilion atau 87.5% telah dibelanjakan dan 200 atau 95.7% daripada 209 projek siap dilaksanakan.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

5. Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 26 Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sarawak berbanding 25 Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri pada tahun 2012. Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 2013 secara keseluruhannya adalah bertambah baik dari tahun 2012. Hasil pengauditan pada tahun 2013 mendapat 10 Jabatan/Agensi Negeri diberikan penarafan pada tahap pencapaian sangat baik dan 16 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap baik.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

6. Pada keseluruhannya, penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2013 bagi 23 Badan Berkanun Negeri (BBN), 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Islam Sarawak (MIS) setakat 30 April 2014 adalah memuaskan. Tiga Majlis Daerah telah membuat permohonan lanjutan tempoh penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2013 kepada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti pada April/Mei 2014 selaras dengan Peraturan 38, *The Local Authorities Financial Regulations, 1997*. Setakat 30 Jun 2014, 23 BBN, 25 PBT dan MIS telah menyerahkan Penyata Kewangan Tahun 2013. Semua Penyata Kewangan Tahun 2012 telah disahkan dan diberi Sijil Tanpa Teguran. Setakat 30 Jun 2014, semua Penyata Kewangan Tahun 2012 BBN dan PBT telah dibentangkan.

7. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi BBN adalah memuaskan berbanding tahun 2012. Pada akhir tahun 2013, surplus pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul BBN meningkat sejumlah RM139.60 juta atau 5.5%, lebih jumlah aset meningkat sejumlah RM552.37 juta atau 8.2%, surplus pendapatan tahun semasa meningkat sejumlah RM57.94 juta atau 71.0% dan aset semasa bersih menurun sejumlah RM286.04 juta atau 9.0% berbanding tahun 2012. Pada 31 Disember 2013, sebanyak 34 daripada 54 anak syarikat BBN yang aktif telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM708.51 juta dan 20 anak syarikat BBN yang aktif telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM298.75 juta. Sebanyak 7 daripada 24 anak syarikat BBN yang dorman telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM2.82 juta dan 15 anak syarikat BBN yang dorman telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM28.39 juta. Pada keseluruhannya, PBT mencatatkan surplus sejumlah RM4.61 juta pada tahun 2013. Tunggakan cukai taksiran telah meningkat sebanyak RM5.40 juta atau 7.8% daripada sejumlah RM69.50 juta pada tahun 2012 menjadi sejumlah RM74.90 juta pada tahun 2013.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

8. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 18 November 2013. Manakala Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2012 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 5 Mei 2014. Bagaimanapun, sepanjang tahun 2013, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak belum bermesyuarat untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak Tahun 2011 dan 2012 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2011 dan 2012. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak kali terakhir adalah pada 24 hingga 25 Julai 2012 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.

BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan
Kerajaan NEGERI SARAWAK
Bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2013



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 kepada Jabatan Audit Negara pada **28 Februari 2014**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2013 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri, Laporan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Mulai tahun kewangan 2012, Kerajaan Negeri telah menggunakan piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2010) Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan bagi menggantikan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (2004) selaras dengan kehendak piawaian perakaunan berdasarkan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) – Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil Negeri. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan serta maklumat lain yang perlu didedahkan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2013. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui pemerhatian Audit dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpanduan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2013 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia pada bulan Disember 2011. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Akauntan Negeri, Laporan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VII.**

BAHAGIAN II

Analisis Kewangan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2013, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum serta maklumat kewangan yang berkaitan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM23.36 bilion. Jumlah ini adalah dalam bentuk wang tunai dan pelaburan. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	15,024.86	17,151.23	2,126.37	14.2
2.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	6,071.64	6,207.96	136.32	2.2
	a. Kumpulan Wang Amanah				
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	3,376.60	3,589.67	213.07	6.3
	ii. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,897.51	1,792.27	-105.24	-5.5
	iii. Kumpulan Wang Amanah Awam	216.38	204.52	-11.86	-5.5
	b. Deposit	367.17	452.39	85.22	23.2
	c. Akaun Kena Bayar	213.98	169.11	-44.87	-21.0
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
Jumlah		21,096.50	23,359.19	2,262.69	10.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.2.2. Analisis Audit mendapati, baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri meningkat RM2.26 bilion atau 10.7% iaitu daripada RM21.10 bilion pada tahun 2012 menjadi RM23.36 bilion pada tahun 2013. Peningkatan ini disumbangkan dari surplus Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM2.13 bilion dan lebih dari Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM136.32 juta.


4.2.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**. Kedudukan tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	7,635.68	9,853.25	12,456.20	15,024.86	17,151.23
2.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	5,596.56	5,853.30	6,004.15	6,071.64	6,207.96
a.	Kumpulan Wang Amanah					
i.	Kumpulan Wang Pembangunan	2,876.36	2,975.60	3,183.78	3,376.60	3,589.67
ii.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	2,022.45	1,800.86	1,804.58	1,897.51	1,792.27
iii.	Kumpulan Wang Amanah Awam	250.43	267.61	239.75	216.38	204.52
b.	Deposit	235.76	505.07	612.52	367.17	452.39
c.	Akaun Kena Bayar	211.56	304.16	163.52	213.98	169.11
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah		13,232.24	15,706.55	18,460.35	21,096.50	23,359.19

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

Carta 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan Negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai di dalam akaun semasa yang diuruskan oleh Ibu Pejabat Perbendaharaan Negeri, 11 Pejabat Perbendaharaan Bahagian, Pejabat Perhubungan Sarawak di Kuala Lumpur dan satu agen iaitu Pejabat Kebajikan Pelajar Sarawak di London. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada baki tunai di 24 Pejabat Perbendaharaan Kecil pada 31 Disember 2013 dan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada 36 Pemegang Panjar di Jabatan Negeri. Kedudukan baki wang tunai bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	45.24	59.97	14.73	32.6
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	24.52	27.14	2.62	10.7
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.48	0.30	-0.18	-37.5
Jumlah		70.24	87.41	17.17	24.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.3.1.2. Analisis Audit mendapati baki wang tunai menunjukkan peningkatan RM17.17 juta atau 24.4% iaitu daripada RM70.24 juta pada tahun 2012 kepada RM87.41 juta pada tahun 2013. Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan kuantum kenaikan tertinggi iaitu RM14.73 juta atau 32.6% berbanding tahun sebelumnya. Baki Wang Tunai Dalam Perjalanan meningkat RM2.62 juta atau 10.7% berbanding tahun 2012 manakala baki Wang Tunai Dalam Tangan menurun RM0.18 juta atau 37.5% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Pada keseluruhannya, kenaikan baki wang tunai pada akhir tahun 2013 adalah disebabkan lebihan wang tunai pada baki akaun semasa di bank. Kedudukan baki wang tunai Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.2**.


Jadual 4.4
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011* (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	84.60	90.97	245.89	45.24	59.97
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	12.15	13.14	9.53	24.52	27.14
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.81	0.55	0.68	0.48	0.30
Jumlah		97.56	104.66	256.10	70.24	87.41

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota: *Pengelasan semula wang tunai tahun 2011 mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan PPK2 (Disemak 2010) di mana Wang Tunai Dalam Bank termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh 3 bulan atau kurang

Carta 4.2
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota: * Pengelasan semula wang tunai tahun 2011 mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan PPK2 (Disemak 2010) di mana Wang Tunai Dalam Bank termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh 3 bulan atau kurang

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah pula adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Amanah dan Peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.3.2.2. Kedudukan pelaburan menunjukkan peningkatan RM2.24 bilion atau 10.7% daripada RM21.03 bilion pada akhir tahun 2012 menjadi RM23.27 bilion pada akhir tahun 2013. Pulangan pelaburan yang diterima meningkat RM26.90 juta atau 3.9% berbanding

RM691.63 juta pada tahun 2012 menjadi RM718.53 juta pada tahun 2013. Peningkatan pulangan pelaburan ini disebabkan pertambahan jumlah pelaburan. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Pelaburan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Am				
	a. Simpanan Tetap	20,512.50	22,957.50	2,445.00	11.9
	b. Unit Saham	87.69	89.44	1.75	2.0
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah				
	a. Simpanan Tetap	324.11	118.62	-205.49	-63.4
	b. Unit Saham	101.98	106.21	4.23	4.1
Jumlah		21,026.28	23,271.77	2,245.49	10.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri


4.3.3. Analisis perbandangan kedudukan pelaburan menunjukkan peningkatan berterusan pelaburan setiap tahun bagi tahun 2009 hingga 2013 seperti di **Jadual 4.6** dan **Carta 4.3**. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.6
Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Pelaburan Am	12,231.50	15,118.17	17,969.30	20,600.19	23,046.94
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	903.17	483.73	234.95	426.09	224.83
Jumlah		13,134.67	15,601.90	18,204.25	21,026.28	23,271.77

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

Carta 4.3
Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4.2. Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2013 dengan baki Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM17.15 bilion yang mencatatkan surplus berjumlah RM2.13 bilion berbanding surplus berjumlah RM2.57 bilion pada tahun 2012. Surplus ini berpunca daripada hasil yang diperoleh berjumlah RM7.16 bilion berbanding perbelanjaan berjumlah RM5.03 bilion pada tahun 2013. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7

Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	12,456.19	15,024.87	2,568.68	20.6
Hasil	7,187.43	7,163.03	-24.40	-0.3
Perbelanjaan Mengurus	4,618.76	5,036.67	417.91	9.0
Surplus/Defisit Bagi Tahun	2,568.67	2,126.36	-442.31	-17.2
Baki Pada 31 Disember	15,024.86	17,151.23	2,126.37	14.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak
Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri


4.4.3. Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.8** dan **Carta 4.4**.

Jadual 4.8

Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	6,720.28	7,635.68	9,853.25	12,456.19	15,024.87
Hasil	4,563.28	5,606.74	6,627.14	7,187.43	7,163.03
Perbelanjaan Mengurus	3,647.88	3,389.17	4,024.20	4,618.76	5,036.67
Surplus/Defisit	915.40	2,217.57	2,602.94	2,568.67	2,126.36
Baki Pada 31 Disember	7,635.68	9,853.25	12,456.19	15,024.86	17,151.23

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

Carta 4.4**Trend Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4.4. Pencapaian hasil berbanding perbelanjaan mengurus menunjukkan Akaun Hasil Disatukan meningkat secara berterusan dari tahun 2009 hingga 2013. Bagaimanapun, pada tahun 2012 dan 2013, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan penurunan surplus sejumlah RM34.27 juta atau 1.3% dan RM442.31 juta atau 17.2%.

4.4.5. Hasil

4.4.5.1. Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil serta Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik. Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hasil Bukan Cukai ialah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula ialah kutipan yang bukan berdasarkan mana-mana akta atau perundangan. Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik merupakan pemberian, caruman dan pulangan balik perbelanjaan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

4.4.5.2. Kerajaan Negeri menganggarkan RM5.24 bilion kutipan hasil pada tahun 2013. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah berjumlah RM7.16 bilion menurun RM24.40 juta atau 0.3% berbanding RM7.19 bilion pada tahun 2012. Pada tahun 2013, Hasil Bukan Cukai dan Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik menunjukkan peningkatan masing-masing RM139.08 juta atau 2.4% dan RM5.79 juta atau 4.8%, manakala Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil menunjukkan penurunan masing-masing RM150.20 juta atau 11.4% dan RM19.07 juta atau 62.1% seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Pungutan Hasil Negeri Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	1,322.93	1,172.73	-150.20	-11.4
2.	Hasil Bukan Cukai	5,714.06	5,853.14	139.08	2.4
3.	Terimaan Bukan Hasil	30.71	11.64	-19.07	-62.1
4.	Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik	119.73	125.52	5.79	4.8
Jumlah		7,187.43	7,163.03	-24.40	-0.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4.5.3. Analisis Audit mendapati hanya Hasil Bukan Cukai menunjukkan peningkatan ketara iaitu RM139.08 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Sementara Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik meningkat sejumlah RM5.79 juta berbanding tahun 2012.

4.4.5.4. Analisis Peningkatan Dan Penurunan Hasil Ketara

a. Peningkatan Hasil Ketara

Analisis Audit terhadap hasil yang menunjukkan peningkatan ketara melebihi 10% mendapati 44 butiran menunjukkan peningkatan antara RM350 hingga RM279.52 juta. Lima butiran hasil yang telah mencatat peningkatan ketara pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Peningkatan Hasil Yang Ketara Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Lesen Tanah Dan Survei	0.47	4.96	4.49	955.3	Peningkatan disebabkan oleh terimaan untuk Lesen Pendudukan Sementara oleh Sarawak Hidro Sdn. Bhd. dan Murum Hidro Sdn. Bhd. bagi tahun 2011-2013
2.	Royalti Air	20.77	51.24	30.47	146.7	Penggunaan air mentah yang banyak untuk menjana elektrik oleh Sarawak Hidro Sdn. Bhd.
3.	Sewaan Bangunan-Bangunan Pejabat Kerajaan	21.63	27.77	6.14	28.4	Tunggakan sewa bangunan untuk tahun 2012 diterima pada tahun 2013
4.	Royalti Pelombongan	23.30	27.28	3.98	17.1	Peningkatan disebabkan oleh peningkatan bilangan lesen bagi kuari, lombong serta pasir dan batu kerikil.

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
5.	Dividen	1,697.59	1,977.11	279.52	16.5	Peningkatan dividen disebabkan oleh peningkatan terimaan daripada MLNG dari RM1,520 juta dalam tahun 2012 kepada RM1,785 juta dalam tahun 2013. Faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah terimaan bayaran balik cukai tahun 2009-2011 sejumlah RM58 juta

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Berkennaan

b. Penurunan Hasil Ketara

Analisis Audit terhadap hasil yang mencatat penurunan melebihi 10% mendapati 37 butiran menunjukkan penurunan antara RM1,475 hingga RM95.47 juta. Penurunan paling besar ialah melibatkan hasil royalti hutan sejumlah RM95.47 juta iaitu turun 14.9% berbanding tahun 2012. Lima butiran hasil yang telah mencatat penurunan ketara pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.11**.

Jadual 4.11
Penurunan Hasil Yang Ketara Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pelbagai Terimaan	20.57	1.51	19.06	92.7	Penurunan disebabkan oleh terimaan luar jangka pada tahun 2012 bagi pelarasan berjumlah RM20 juta untuk akaun - <i>Low Cost Housing Revolving Fund Trust Account</i> .
2.	Dius Pelabuhan – Lembaga Pelabuhan Rejang	3.73	0.74	2.99	80.2	Penurunan ini disebabkan persempadanan semula Lembaga Pelabuhan Rejang (LPR) selepas sebahagian kawasan di bawah LPR dipindahkan kepada Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis yang memulakan operasi pada 1 Julai 2012.
3.	Permit Hutan	13.17	8.59	4.58	34.8	Penurunan ini disebabkan oleh penurunan sewa tanah tahunan daripada ladang hutan akibat pengecilan kawasan lesen hutan disebabkan kawasan-kawasan Tanah Adat Bumiputera (NCR) dikeluarkan dari lesen-lesen ladang hutan.

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
4.	Cukai Jualan Negeri - Minyak Sawit Mentah	405.62	325.86	79.76	19.7	Penurunan ini disebabkan oleh penurunan harga pasaran minyak sawit mentah. Purata harga pada tahun 2013 adalah RM2,375/mt berbanding RM 2,862/mt bagi tahun 2012.
5.	Royalti Hutan	640.28	544.81	95.47	14.9	Penurunan ini disebabkan oleh penurunan pengeluaran balak 1.25 juta meter padu (13.2%) dan penurunan jumlah balak yang ditaksir dan dikutip royalti 1.43 juta meter padu (14.8%).

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Berkennaan

4.4.5.5. Trend Pungutan Hasil

Hasil Kerajaan Negeri mencatatkan penurunan RM24.40 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 menjadi RM7.16 bilion. Analisis trend pungutan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.12** dan **Carta 4.5**.

Jadual 4.12


Trend Pungutan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil Bukan Cukai	3,642.38	4,331.71	5,237.28	5,714.06	5,853.14
2.	Hasil Cukai	807.88	1,160.12	1,252.25	1,322.93	1,172.73
3.	Pemberian Kerajaan Persekutuan Dan Bayaran Balik	102.67	101.88	121.21	119.73	125.52
4.	Terimaan Bukan Hasil	10.35	13.03	16.40	30.71	11.64
Jumlah		4,563.28	5,606.74	6,627.14	7,187.43	7,163.03

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

Carta 4.5

Trend Pungutan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4.5.6. Penyumbang Utama Hasil

Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah Hasil Dividen, Pampasan Gantian Hak Ke atas Minyak, Pampasan Gantian Hak Ke atas Gas, Royalti Hutan, Premium Tanah, Hasil dan Faedah dari Pasaran Kewangan adalah seperti di **Jadual 4.13** dan **Carta 4.6**.

Jadual 4.13


Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	2009		2010		2011		2012		2013	
		(RM Juta)	%								
1.	Dividen	864.10	23.2	1,644.96	34.6	2,034.73	37.1	1,697.60	28.3	1,977.11	32.7
2.	Pampasan Gantian Hak Ke atas Gas	970.73	26.0	830.81	17.5	953.48	17.4	1,387.14	23.1	1,329.01	22.0
3.	Pampasan Gantian Hak Ke atas Minyak	894.21	24.0	899.20	18.9	1,096.50	20.0	1,238.42	20.7	1,158.49	19.2
4.	Hasil Dan Faedah Dari Pasaran Kewangan	354.40	9.5	435.07	9.2	464.99	8.5	691.63	11.5	718.53	11.9
5.	Royalti Hutan	386.34	10.3	669.44	14.1	625.45	11.4	640.28	10.7	544.81	9.0
6.	Premium Tanah	261.81	7.0	269.27	5.7	305.95	5.6	339.46	5.7	314.08	5.2
Jumlah		3,731.59	100	4,748.75	100	5,481.10	100	5,994.53	100	6,042.03	100

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Carta 4.6

Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.4.6. Perbelanjaan Mengurus

4.4.6.1. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada maksud Tanggungan dan Bekalan. Bagi maksud Tanggungan, perbelanjaan dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran hutang negeri. Maksud Bekalan ialah perbelanjaan seperti emolumen, semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi perolehan barang-barang dan

perkhidmatan, bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan serta wang yang diperuntukkan kepada Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman. Pada tahun 2013, Perbelanjaan Mengurus sebenar Kerajaan Negeri adalah RM5,036.67 juta iaitu melebihi RM7.48 juta daripada anggaran yang berjumlah RM5,029.19 juta. Bagaimanapun, lebihan perbelanjaan tersebut telah diluluskan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri pada 8 Mei 2014. Butiran mengenai perbandingan anggaran perbelanjaan dengan perbelanjaan mengurus sebenar bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14

Perbandingan Anggaran Perbelanjaan Dengan Perbelanjaan Mengurus Sebenar Bagi Tahun 2013

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Anggaran Dipinda (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	Perkhidmatan Dan Bekalan	548.96	560.30	-11.34	102.1
2.	Aset	29.89	27.21	2.68	91.0
3.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	473.46	478.80	-5.34	101.1
4.	Emolumen	661.13	651.91	9.22	98.6
5.	Perbelanjaan Lain	3,315.75	3,318.45	-2.70	100.1
Jumlah		5,029.19	5,036.67	-7.48	100.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.4.6.2. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat RM417.91 juta atau 9.0% iaitu daripada RM4.62 bilion pada tahun 2012 kepada RM5.03 bilion pada tahun 2013. Jumlah tersebut termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun RM3.30 bilion yang meningkat RM250 juta berbanding RM3.05 bilion pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati kategori perbelanjaan menunjukkan penurunan RM4.54 juta atau 14.3% manakala peningkatan antara RM27.13 juta hingga RM237.43 juta atau 5.1% hingga 21.7%. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap menunjukkan kuantum peningkatan tertinggi iaitu RM85.42 juta atau 21.7% diikuti Emolumen yang meningkat RM72.47 juta atau 12.5%. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15

Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perkhidmatan Dan Bekalan	533.17	560.30	27.13	5.1
2.	Aset	31.75	27.21	-4.54	-14.3
3.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	393.38	478.80	85.42	21.7
4.	Emolumen	579.44	651.91	72.47	12.5
5.	Perbelanjaan Lain	3,081.02	3,318.45	237.43	7.7
Jumlah		4,618.76	5,036.67	417.91	9.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

a. Trend Perbelanjaan Mengurus


Kedudukan perbelanjaan mengurus dalam tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.16** dan **Carta 4.7**. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.16
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Perkhidmatan Dan Bekalan	487.18	473.29	525.71	533.17	560.30
2.	Emolumen	417.10	480.77	504.46	579.44	651.91
3.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	368.47	311.23	382.61	393.38	478.80
4.	Aset	14.51	18.78	21.61	31.75	27.21
5.	Perbelanjaan Lain	2,360.62	2,105.10	2,589.80	3,081.02	3,318.45
Jumlah		3,647.88	3,389.17	4,024.19	4,618.76	5,036.67

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

Carta 4.7
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

b. Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan atau perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan atau perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 8 Tahun 2012 pada pertengahan Disember 2012 juga memberi peringatan kepada semua Pegawai

Pengawal dan Ketua Jabatan serta pegawai yang menjaga akaun terhadap pematuhan AP 58(a). Pada tahun 2013, pembayaran di bawah AP 58(a) telah meningkat RM2.08 juta atau 60.8% berbanding RM3.43 juta pada tahun 2012 menjadi RM5.52 juta pada tahun 2013. Antara punca yang menyebabkan peningkatan pembayaran di bawah AP 58(a) untuk Jabatan Tanah dan Survei, Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Jabatan Pengaliran dan Saliran adalah bil perolehan/perkhidmatan dan tuntutan perjalanan dikemukakan ke seksyen kewangan selepas tempoh Akaun Kena Bayar, perjanjian sewaan diluluskan selepas berakhirnya tempoh perakaunan tahun 2012. Butiran bayaran di bawah AP 58(a) yang dibuat oleh Kementerian/Jabatan pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17
Kementerian/Jabatan Yang Membuat Bayaran Di Bawah AP 58(a) Pada Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Baucar		Tahun		Perubahan	
		2012	2013	2012 (RM)	2013 (RM)	(RM)	(%)
1.	Jabatan Tanah dan Survei	15	17	1,227,567	2,254,578	1,027,011	83.7
2.	Jabatan Ketua Menteri	175	192	1,758,311	1,998,370	240,059	13.7
3.	Jabatan Kerja Raya	58	54	68,994	798,430	729,436	1,057.2
4.	Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar	2	14	2,837	99,317	96,480	3,400.8
5.	Kementerian/Jabatan Lain	283	172	373,522	365,427	-8,095	-2.2
Jumlah		533	449	3,431,231	5,516,122	2,084,891	60.8

Sumber: Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.4.7. Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

4.4.7.1. Analisis terhadap prestasi kewangan Kerajaan Negeri dibuat dengan mengambil kira perbandingan antara hasil dan perbelanjaan mengurus bagi tempoh perakaunan semasa dan tahun sebelumnya untuk mengukur surplus atau defisit bagi Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2013, Akaun Hasil Disatukan telah mencatat surplus berjumlah RM2.13 bilion berbanding RM2.57 bilion pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.18**. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan dalam hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM24.40 juta dan peningkatan perbelanjaan berjumlah RM417.91 juta.

Jadual 4.18
Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil	7,187.43	7,163.03	-24.40	-0.3
2.	Perbelanjaan Mengurus	4,618.76	5,036.67	417.91	9.0
Surplus		2,568.67	2,126.36	442.31	17.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri
Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri


4.4.7.2. Analisis Audit mendapati prestasi kewangan Akaun Hasil Disatukan menunjukkan surplus bagi tahun 2009 hingga 2013. Surplus Kerajaan Negeri meningkat secara berterusan dari tahun 2009 hingga 2011 dan menurun pada tahun 2012 dan 2013 seperti di **Jadual 4.19** dan **Carta 4.8**.

Jadual 4.19

Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil	4,563.28	5,606.74	6,627.14	7,187.43	7,163.03
2.	Perbelanjaan Mengurus	3,647.88	3,389.17	4,024.19	4,618.76	5,036.67
	Surplus	915.40	2,217.57	2,602.95	2,568.67	2,126.36

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan selaras dengan Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan terimaan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

4.5.2. Pada akhir tahun 2013, Akaun ini tidak mempunyai baki iaitu sama seperti pada tahun 2012 dan tahun sebelumnya. Pinjaman RM161.75 juta yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan telah diambil kira sebelum dipindahkan kesemuanya ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pinjaman yang diterima meningkat RM66.42 juta atau 69.7% berbanding RM95.33 juta pada tahun 2012. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20
Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2012 Dan 2013

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	95.33	161.75	66.42	69.7
Pindahan	95.33	161.75	66.42	69.7
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak
 Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.5.3. Analisis Audit mendapati jumlah pinjaman bagi semua jenis pinjaman yang diterima pada tahun 2013 meningkat antara RM4.65 juta hingga RM45.79 juta berbanding tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21
Jumlah Pinjaman Diterima Mengikut Jenis Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	70.28	116.07	45.79	65.2
2.	Pembetungan Najis Dan Perparitan	6.71	16.64	9.93	148.0
3.	Perindustrian	14.54	19.19	4.65	32.0
4.	Projek Ladang	3.80	9.85	6.05	159.2
Jumlah		95.33	161.75	66.42	69.7

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Semua penerimaan dan pembayaran kumpulan wang ini diuruskan mengikut arahan amanah dan terma arahan amanah tersebut. Pada 31 Disember 2013, baki Kumpulan Wang ini RM6.21 bilion iaitu meningkat RM136.32 juta atau 2.2% berbanding RM6.07 bilion pada akhir tahun 2012 seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Baki Akaun Amanah Disatukan Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	3,376.60	3,589.67	213.07	6.3
2.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,897.51	1,792.27	-105.24	-5.5
3.	Kumpulan Wang Amanah Awam	216.38	204.52	-11.86	-5.5
4.	Deposit	367.17	452.39	85.22	23.2
5.	Akaun Kena Bayar	213.98	169.11	- 44.87	-21.0
Jumlah		6,071.64	6,207.96	136.32	2.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.6.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70). Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada Pemberian Persekutuan dalam bentuk geran bayaran balik, Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, Caruman dari Akaun Hasil Disatukan, Bayaran Balik Pinjaman Daripada Badan Berkanun dan lain-lain agensi serta terimaan pelbagai. Perbelanjaan daripada Kumpulan Wang ini hanya boleh digunakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.

4.6.1.1. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan

Terimaan Kumpulan Wang ini pada tahun 2013 adalah berjumlah RM3.60 bilion meningkat RM333.24 juta atau 10.2% berbanding terimaan tahun 2012. Terimaan ini terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan RM48.67 juta, caruman Akaun Hasil Disatukan RM3.30 bilion, pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan RM161.75 juta, bayaran balik Pinjaman daripada Badan Berkanun dan lain-lain berjumlah RM75.08 juta dan pelbagai terimaan berjumlah RM10.49 juta seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23

Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pemberian Persekutuan				
	a. Geran Bayaran Balik	2.20	24.81	22.61	1,027.7
2.	b. Geran Infrastruktur	23.86	23.86	0.00	0.0
	Sumber Lain				
	a. Caruman dari Akaun Hasil Disatukan	3,050.00	3,300.00	250.00	8.2
	b. Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan	95.33	161.75	66.42	69.7
	c. Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun dan Lain-lain	86.53	75.08	-11.45	-13.2
	d. Pelbagai Sumber	4.83	10.49	5.66	117.2
Jumlah		3,262.75	3,595.99	333.24	10.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.6.1.2. Surplus Terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan

- Pada akhir tahun 2013, baki surplus terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM3.59 bilion meningkat RM213.07 juta atau 6.3% berbanding RM3.38 bilion pada akhir tahun 2012 seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24
Baki Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2012 Dan 2013

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Kredit Pada 1 Januari	3,183.78	3,376.60	192.82	6.1
Penerimaan	3,262.75	3,595.99	333.24	10.2
Perbelanjaan	3,069.93	3,382.92	312.99	10.2
Lebihan	192.82	213.07	20.25	10.5
Baki Kredit Pada 31 Disember	3,376.60	3,589.67	213.07	6.3

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak
 Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

- b. Perbelanjaan pembangunan sebenar bagi tahun 2013 adalah RM3.38 bilion berbanding RM3.07 bilion pada tahun 2012 iaitu meningkat sejumlah RM312.99 juta atau 10.2%. Analisis Audit mendapati daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan sejumlah RM3.38 bilion bagi tahun 2013, 48.3% telah dibelanjakan oleh Kementerian untuk pelaksanaan projek pembangunan manakala 51.7% adalah perbelanjaan bagi *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund* melalui geran pembangunan kepada agensi yang diluluskan untuk pembiayaan pembayaran balik pinjaman dan Nota Tebus daripada institusi luar.

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Dan Awam

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 terdiri daripada 103 akaun amanah, 32 daripadanya perlu disediakan Penyata Akaun Tahunan untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara manakala 71 yang lain hanya perlu menyediakan Penyata Penyesuaian. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan melalui resolusi Dewan Undangan Negeri dan hanya boleh digunakan bagi maksud ianya ditubuhkan manakala Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan bertujuan mengakaunkan sumbangan wang daripada individu dan organisasi kepada Kerajaan Negeri. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2013 adalah RM1.79 bilion menurun RM105.24 juta atau 5.5% berbanding tahun 2012 manakala baki Kumpulan Wang Amanah Awam adalah RM204.52 juta menurun RM11.86 juta atau 5.5% berbanding RM216.38 juta pada akhir tahun 2012 seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25**Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Dan Awam Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Akaun Amanah	Bilangan Akaun Amanah		Tahun		Perubahan	
		Penyata Akaun Tahunan	Penyata Penyesuaian	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan							
1.	Akaun Penyelesaian Kerajaan	0	19	4.74	-1.72	-6.46	-136.3
2.	Akaun Dana Kontingensi	0	4	150.00	150.00	0.00	0
3.	Akaun Pinjaman	0	7	20.58	17.91	-2.67	-13.0
4.	Akaun Amanah Pelbagai	16	26	1,714.36	1,606.70	-107.66	-6.3
5.	Akaun Perniagaan	8	0	7.83	19.38	11.55	147.5
Jumlah		24	56	1,897.51	1,792.27	-105.24	-5.5
Kumpulan Wang Amanah Awam							
1.	Amanah Khas	8	0	182.54	180.81	-1.73	-0.9
2.	Amanah Am	0	15	33.84	23.71	-10.13	-29.9
Jumlah		8	15	216.38	204.52	-11.86	-5.5
Jumlah Keseluruhan		32	71	2,113.89	1,996.79	-117.10	-5.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.6.2.1. Pembentangan Penyata Akaun Di Dewan Undangan Negeri

Semakan Audit mendapati 12 daripada 32 Akaun Amanah yang perlu menyediakan Penyata Akaun Tahunan ini menghendaki supaya Akaun Amanah yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, sehingga 30 Jun 2014, 5 daripadanya belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri bagi Penyata Akaun yang telah disahkan seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26**Penyata Akaun Amanah Belum Dibentang Di Dewan Undangan Negeri**

Bil.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	Tahun Penyata Akaun
1.	<i>Urban Development Trust Fund</i>	2011-2012
2.	<i>Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund</i>	2011-2012
3.	<i>Buoys and Lights Fund</i>	2008-2012
4.	<i>Housing Loan Trust Account For Low Income Group</i>	2006-2012
5.	<i>The State Road Maintenance Fund</i>	2006-2012

Sumber: Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak

4.6.2.2. Peruntukan Kerajaan Persekutuan Kepada Negeri Sarawak

- Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembangunan diakaunkan dalam 20 akaun amanah pelbagai. Dua daripadanya merupakan akaun yang ditubuhkan pada tahun 2012 dan 17 lagi merupakan akaun bagi projek sambungan tahun 2009, 2010 dan 2011. Pada tahun 2013 Akaun Amanah Pembangunan Pertanian telah ditubuhkan dengan dana diperuntukkan sejumlah

RM2 juta. Tujuan penubuhannya adalah untuk menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek pembangunan pertanian di Sarawak. Pada akhir tahun 2013, 4 daripada akaun amanah yang ditubuhkan pada tahun 2009 dan 2010 menetapkan tempoh perbelanjaan antara 2 hingga 4 tahun di mana 2 daripadanya telah tamat tempoh perbelanjaan pada tahun 2010, satu tamat pada tahun 2011 dan satu tamat pada tahun 2012. Bagaimanapun, 4 akaun ini masih mempunyai baki RM76.79 juta pada akhir tahun 2013. Akaun Amanah *National Talent Enhancement Programme (NTEP)* yang ditubuhkan pada tahun 2012 dengan peruntukan RM1.66 juta masih belum dibelanjakan sehingga akhir tahun 2013. Selain itu, Akaun Amanah Pembangunan Pertanian yang ditubuhkan pada tahun 2013 dengan peruntukan sejumlah RM2 juta juga belum dibelanjakan sehingga akhir tahun 2013. Lima akaun amanah yang menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan masih mempunyai baki pada akhir tahun 2013 adalah seperti dalam **Jadual 4.27**.

Jadual 4.27

Akaun Amanah Yang Ditubuh Bagi Tujuan Tertentu Dan Tempoh Yang Ditetapkan

Bil.	Butiran	Tujuan	Sumber Peruntukan	Tempoh Peruntukan Perlu Dibelanjakan	Peruntukan Yang Diterima (RM Juta)	Baki Pada 31.12.2012 (RM Juta)	Baki Pada 31.12.2013 (RM Juta)
1.	Akaun Peruntukan RM1 bilion Bagi Negeri Sarawak	Pelaksanaan projek pembangunan khas Sarawak	Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri	2009-2010	666.48	86.93	73.37
2.	Akaun Projek Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua	Projek baik pulih infrastruktur akibat banjir dan Program Projek Khas (<i>Low Cost Housing</i>)	Kementerian Kewangan Malaysia	2009-2010	320.95	5.63	2.49
3.	Penyelidikan Tanah Gambut Tropika	Pelaksanaan projek R & D	<i>Malaysian Palm Oil Board</i>	2008-2012	16.55	2.35	0.50
4.	Peruntukan Bantuan Penanaman Padi Bukit	Bantuan kepada penanam padi bukit meliputi keperluan baja <i>ammophos</i> , baja <i>foliar</i> , racun mahkluk perosak dan juga bantuan perkakas ladang	Kementerian Pemodenan Pertanian	2009-2011	29.35	1.02	0.44
5.	Akaun <i>National Talent Enhancement Programme (NTEP)</i>	Pelaksanaan <i>National Talent Enhancement Programme (NTEP)</i>	Jabatan Perdana Menteri	2012-2014	1.66	1.66	1.66
Jumlah					1,034.99	97.59	78.46

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

- b. Maklum balas daripada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri bertarikh 14 Mei 2014 menyatakan sebab akaun amanah tersebut di atas masih berbaki adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28

Akaun Amanah Yang Perlu Dibelanjakan Dalam Tempoh 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tempoh Peruntukan Perlu Dibelanjakan	Baki Akaun Pada 31.12.2013 (RM Juta)	Ulasan Oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri
1.	Akaun Peruntukan RM1 bilion Bagi Negeri Sarawak	2009-2010	73.36	Baki peruntukan adalah untuk membiayai 5 projek yang masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.
2.	Akaun Projek Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua	2009-2010	2.49	Baki peruntukan adalah untuk membiayai 2 projek di bawah Jabatan Pengairan & Saliran dan 5 projek di bawah Jabatan Kerja Raya.
3.	Penyelidikan Tanah Gambut Tropika	2008-2012	0.50	Projek Penyelidikan Tanah Gambut Tropika akan diteruskan sehingga tahun 2017 seperti mana yang telah dipersetujui oleh Kementerian Perusahaan Perlادangan Dan Komoditi. Sejumlah RM3 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2014.
4.	Peruntukan Bantuan Penanaman Padi Bukit	2009-2011	0.44	Baki peruntukan berkenaan adalah untuk perolehan racun dalam tahun 2013 tetapi tender berkenaan telah dibatalkan kerana jenis racun yang disyorkan oleh Jawantkuasa Spesifikasi Jabatan Pertanian menunjukkan keberkesanan yang tidak menyeluruh. Jabatan Pertanian membuat keputusan untuk menggunakan baki peruntukan untuk perolehan baja padi dalam tahun 2014. Tender berkenaan telah pun diiklankan.

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak

4.6.2.3. Akaun Amanah Yang Tidak Aktif

Mengikut Seksyen 9 (4), Akta Tatacara Kewangan (1957), pihak berkuasa kewangan boleh mengarah mana-mana akaun amanah yang telah mencapai tujuan penubuhan atau tidak diperlukan lagi supaya ditutup. Pada akhir tahun 2013, adalah didapati 11 daripada 103 akaun amanah tidak aktif sejak tahun 2009. Lima daripada 11 akaun berkenaan berbaki debit antara RM2,562 hingga RM3.06 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29
Akaun Amanah Yang Tidak Aktif Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Akaun Amanah	Baki Akhir				
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan						
1.	Akaun Amanah Pelbagai - Premium Kayu	2,125,263	2,125,263	2,125,263	2,125,263	2,125,263
2.	Akaun Perniagaan - Akaun Perniagaan Kuari	507,457	507,457	507,457	507,457	507,457
3.	Akaun Perniagaan - Akaun Loji Premix	337,509	337,509	337,509	337,509	337,509
4.	Akaun Amanah Pelbagai – Akaun Kajian Parit Dan Talair	5,558	5,558	5,558	5,558	5,558
5.	Akaun Pendahuluan Persendirian - Jabatan Kerja Raya	0	0	0	0	0
6.	Akaun Pinjaman Komputer (Ahli Pentadbiran, DUN Dan YDP Dewan)	0	0	0	0	0
7.	Akaun Pendahuluan Persendirian - Jabatan Hutan	-2,562	-2,562	-2,562	-2,562	-2,562
8.	Akaun Agensi Kerajaan Malaysia	-378,809	-378,809	-378,809	-378,809	-378,809
9.	Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia	-485,016	-485,016	-485,016	-485,016	-485,016
10.	Pengakap Sempadan	-615,613	-615,613	-615,613	-615,613	-615,613
11.	Operasi Tentera	-3,062,643	-3,062,643	-3,062,643	-3,062,643	-3,062,643
Jumlah		-1,568,856	-1,568,856	-1,568,856	-1,568,856	-1,568,856

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.6.2.4. Akaun Penyelesaian Kerajaan

- a. Arahan Perbendaharaan 153 menyatakan semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian Kerajaan yang diwujudkan. Pada akhir tahun 2013, 11 akaun berjumlah RM11.99 juta masih belum diselesaikan seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30
Akaun Penyelesaian Kerajaan Yang Belum Diselesaikan

Bil.	Akaun	Baki Pada 31.12.2013 (Debit) (RM Juta)	Catatan
1.	Akaun Penyelesaian Perbelanjaan Pembangunan Berbayar Balik	5.67	Amaun adalah berdasarkan tuntutan kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia dan telah diimbuhbalik melalui resit no. 59002778 bertarikh 26.3.2014 dengan amaun RM4,452,388
2.	Agensi Kerajaan Malaysia	0.38	Tidak aktif sejak tahun 2002
3.	Agensi Kerajaan Brunei	0.11	Tuntutan telah dikemukakan kepada pihak berkenaan untuk diselesaikan
4.	Pengakap Sempadan	0.61	Tidak aktif sejak tahun 1966
5.	Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia	0.49	Tidak aktif sejak tahun 1966
6.	Operasi Tentera	3.06	Tidak aktif sejak tahun 1966

Bil.	Akaun	Baki Pada 31.12.2013 (Debit) (RM Juta)	Catatan
7.	Pendahuluan Am – Jabatan Tanah Dan Survei	0.13	Jabatan Tanah & Survei telah mengemukakan permohonan hapuskira kepada pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak melalui Memorandum Rasmi ruj: 20/FIN/5-27 bertarikh 15.5.2014
8.	Pendahuluan Am – Lain-Lain Jabatan Negeri	0.18	Amaun pendahuluan ini melibatkan 2 kes kehilangan wang awam yang sedang dalam tindakan pihak berkuasa
9.	Pelarasan Cek Tidak Laku	0.21	Amaun ini masih dalam proses penyelesaian dan tuntutan kepada pihak pengeluar cek. Peringatan kepada pihak berkaitan telah dikeluarkan sewajarnya
10.	Kawalan Gaji	0.05	Setakat 31.03.2014 sebanyak RM19,832 telah diselesaikan daripada jumlah baki lejar am pada 31.12.2013 iaitu sebanyak RM40,827. Baki sebanyak RM20,995 telah dikenalpasti dan pejabat ini dalam proses untuk membuat penyesuaian yang sewajarnya
11.	Pendahuluan Persendirian	1.10	Amaun ini masih dalam proses penyelesaian. Peringatan telah dikeluarkan kepada pihak yang berkaitan untuk tindakan sewajarnya
Jumlah		11.99	

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

- b. Empat daripada 11 akaun tersebut iaitu akaun Agensi Kerajaan Malaysia, Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia, Pengakap Sempadan dan Operasi Tentera berbaki debit sejumlah RM4.54 juta. Pihak Kementerian Kewangan Malaysia pada September tahun 2000 telah mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri mengemukakan dokumen sokongan untuk menyokong tuntutan tersebut.

4.6.2.5. Akaun Perniagaan

- a. Sebanyak 8 Akaun telah ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya bagi tujuan memberi perkhidmatan dan bekalan kepada Kementerian/Jabatan Negeri dan Persekutuan. Pada akhir tahun 2013, amaun tertunggak RM21.69 juta bagi 8 akaun ini meningkat RM7.84 juta atau 56.6% berbanding RM13.85 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.31**.

Jadual 4.31

Kedudukan Bil Tertunggak Pada Akhir Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Akaun Amanah	Jumlah Bil Tertunggak		Perubahan	
		2012 (RM)	2013 (RM)	(RM)	(%)
1.	<i>The Unallocated Store Account</i>	10,183,722	17,456,415	7,272,693	71.4
2.	<i>The Vehicles and Plant Hire Account</i>	2,017,630	2,374,923	357,293	17.7
3	<i>The Petrol, Oil and Lubricants Account</i>	709,624	953,989	244,365	34.4
4.	<i>The Plant Maintenance (Departmental) Trust Account</i>	548,747	548,319	-428	-0.1
5.	<i>The General Trading Account</i>	319,158	320,240	1,082	0.3
6.	<i>The Plant Maintenance (Development) Trust Account</i>	70,550	39,974	-30,576	-43.3
7.	<i>The Quarry Trading Account</i>	4,796	4,796	0	0.0
8.	<i>The Premix Plant Account</i>	1,159	1,159	0	0.0
Jumlah		13,855,386	21,699,815	7,844,429	56.6

Sumber: Penyata Akaun Amanah

- b. Akaun Stor Tidak Teruntuk menunjukkan peningkatan bil tertunggak tertinggi iaitu sejumlah RM7.27 juta atau 71.4% menjadi RM17.46 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini melibatkan beberapa agensi seperti di **Jadual 4.32**.

Jadual 4.32

**Senarai Nama Penghutang Akaun Stor Tak Teruntuk
Pada 31 Disember 2013**

Bil.	Senarai Nama Penghutang	Jumlah (RM Juta)
1.	Lembaga Air Sibu	0.48
2.	Lembaga Air Kuching	16.54
3.	Jabatan Kerja Raya	0.44

Sumber: Jabatan Kerja Raya

- c. Sebahagian bil ini tertunggak melebihi 10 tahun dan belum ada tindakan diambil untuk mengutip balik mahupun membuat pelarasan hapus kira. Perkara ini telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 hingga 2012. Kedudukan bil yang tertunggak antara satu hingga melebihi 10 tahun seperti di **Jadual 4.33**.

Jadual 4.33

**Bil Yang Tertunggak
Antara 1 Hingga Melebihi 10 Tahun**

Bil.	Tempoh Tertunggak	Jumlah (RM Juta)
1.	1 tahun	18.55
2.	2 hingga 5 tahun	0.65
3.	6 hingga 10 tahun	0.61
4.	Lebih 10 tahun	1.88
Jumlah		21.69

Sumber: Penyata Akaun Amanah

- d. Akaun Perniagaan Kuari dan Akaun Loji Premix didapati tidak aktif lagi selepas kuari dan loji premix Jabatan Kerja Raya dipajak kepada syarikat swasta dari tahun 1988 hingga 1992. Akaun Perniagaan Kuari tidak aktif sejak Kuari Bintulu dipajak kepada Daiwoo Corporation Sdn. Bhd. pada tahun 1988, Kuari Stabar dipajak kepada PPES Kuari Sdn. Bhd. pada tahun 1989 dan Kuari Niah dipajak kepada Buchald Sdn. Bhd. pada tahun 1989. Akaun Loji Premix pula tidak aktif sejak loji premix JKR di Kuching, Sibu dan Miri masing-masing dipajak pada tahun 1990, 1991 dan 1992 kepada PPES Premix Sdn. Berhad.
- e. Selain daripada pelarasan bil dan kutipan balik bil tertunggak, tiada transaksi lain diperhatikan berlaku sejak tahun 1998 bagi akaun tersebut. Jabatan Kerja Raya belum lagi mengkaji keperluan kedua-dua akaun ini seperti disyorkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 hingga 2012 serta memohon kelulusan daripada pihak yang berwajib untuk menutup kedua-dua akaun ini. Selain daripada bil tertunggak RM21.69 juta pada akhir tahun 2013, juga terdapat bil yang telah tertunggak melebihi 10 tahun sejumlah RM1.88 juta.

4.6.2.6. Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund (GCTAATF)

- a. Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Seksyen 4(3) of *The Financial Procedures (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963*. Tujuan penubuhan Kumpulan Wang Amanah ini ialah untuk membolehkan Kerajaan Negeri menjalankan projek atau melabur di dalam badan korporat di bawah Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi, sosial atau pendidikan di Negeri Sarawak. Akaun ini tertakluk kepada *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Direction 2005* dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2006.
- b. Dalam tempoh 2009 hingga 2013, Kumpulan Wang Amanah GCTAATF telah menerima geran sejumlah RM7.60 bilion daripada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Sarawak dan sejumlah RM8.63 bilion telah dibayar kepada anak syarikat Kerajaan dalam tempoh yang sama. Kedudukan terimaan dan bayaran bagi Kumpulan Wang GCTAATF dalam tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34

**Kedudukan Terimaan Dan Bayaran Bagi Kumpulan Wang GCTAATF
Dalam Tempoh 2009 Hingga 2013**

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Pendapatan Faedah Daripada Simpanan Tetap (RM Juta)	Jumlah Diagihkan Kepada Syarikat Kerajaan (RM Juta)	Baki (RM Juta)
2009	1,825.06	33.43	2,094.08	701.43
2010	981.55	19.62	1,325.50	377.10
2011	1,356.61	21.20	1,603.68	151.23
2012	1,690.51	8.23	1,601.53	248.44
2013	1,747.29	11.30	2,005.79	1.24
Jumlah	7,601.02	93.78	8,630.58	

Sumber: Penyata Kewangan Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund

- c. Pada akhir tahun 2013, Kerajaan Negeri memberi 2 *Letter of Support* dan 2 *Annex Letter* bagi menyokong Nota Boleh Tebus/pinjaman kepada 4 anak syarikat Kerajaan untuk mendapat dana dari institusi luar negara berjumlah USD2.75 bilion bagi membiayai pelaksanaan projek-projek pembangunan atau pelaburan. Syarikat Kerajaan yang terlibat yang mendapat *Letter of Support* adalah Sarawak Capital Assets Sdn. Bhd. (USD350 juta) dan SGOS Capital Holdings Sdn. Bhd. (USD800 juta) manakala Equisar Sdn. Bhd. (USD800 juta) dan SSG Capital Resources Sdn. Bhd. (USD800 juta) diberi *Annex Letter*. Pada tahun 2012 hingga 2013, pinjaman dari luar negara berjumlah USD1.60 bilion diperoleh untuk membiayai projek pembangunan di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) melalui Equisar Sdn. Bhd. dan SSG Capital Resources Sdn. Berhad. Menurut pendapat Pejabat Peguam Negeri Sarawak, *Letter of Support* dan *Annex Letter* bukan Surat Jaminan

daripada Kerajaan Negeri, namun Kerajaan Negeri ada menyalurkan peruntukan kewangan melalui akaun GCTAATF bagi menebus balik bon yang diterbitkan dan membayar balik pinjaman dari luar negara. Pada tahun 2013, sejumlah RM1.75 bilion telah disalurkan daripada dana pembangunan ke akaun ini.

- d. Analisis Audit mendapati peruntukan kepada GCTAATF meningkat RM56.77 juta atau 3.4% daripada RM1.69 bilion pada tahun 2012 kepada RM1.75 bilion pada tahun 2013. Dalam tempoh 5 tahun, perbelanjaan tahun 2013 adalah yang ke-2 tertinggi selepas tahun 2009 seperti di **Jadual 4.35**.

Jadual 4.35

Penerimaan Dan Pembayaran *Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund* Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Baki Awal	937.02	701.43	377.10	151.23	248.44
2.	Terimaan Termasuk Faedah	1,858.49	1,001.17	1,377.81	1,698.74	1,758.59
3.	Pelaburan Dan Obligasi Setiausaha Kewangan Negeri (Perbadanan)	2,094.08	1,325.50	1,603.68	1,601.53	2,005.79
4.	Baki Akhir	701.43	377.10	151.23	248.44	1.24

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak

4.6.2.7. The State Road Maintenance Fund

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaran Jalan Negeri diwujudkan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi pembiayaan penyenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Akaun ini ditubuhkan di bawah Seksyen 4(3) *Financial Procedure (Contingencies and Trust Fund) Ordinance*, 1963. Analisis Audit terhadap baki terkumpul Kumpulan Wang Penyelenggaran Jalan Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2013 mendapati peningkatan dari RM490.94 juta kepada RM970.24 juta. Bagaimanapun, peratus baki terkumpul bagi tempoh yang sama menurun dari 36.2% kepada 9.6% bagi tempoh 2009 hingga 2012 dan meningkat kepada 21.5% pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.36**. Selain itu, panjang jalan yang berdaftar untuk negeri Sarawak di bawah MARRIS setakat akhir tahun 2013 menunjukkan peningkatan 1,270.48 km atau 4.4% berbanding tahun 2012.

Jadual 4.36**Baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	360.35	490.94	617.22	729.44	798.31
Terimaan	440.76	468.52	502.31	678.08	811.22
Terimaan Terkumpul	801.11	959.46	1,119.53	1,407.52	1,609.53
Agihan dan Peratus (%)	310.17 (70.4%)	342.24 (73.0%)	390.09 (77.7%)	609.21 (89.8%)	639.29 (78.8%)
Baki Pada 31 Disember	490.94	617.22	729.44	798.31	970.24
Perubahan Baki Terkumpul (%)	36.2	25.7	18.2	9.4	21.5
Perbelanjaan Sebenar	209.87	299.57	353.43	423.74	522.30
Peratus Perbelanjaan Sebenar (%)	47.6	63.9	70.4	62.5	64.4
Panjang Jalan MARRIS (Km)	TM	23,451.20	27,378.63	28,999.35	30,269.83

Sumber: Penyata Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Untuk Akaun Tabung Penyelenggaraan Jalan Negeri dan rekod Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Kerja Raya, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Lembaga Kemajuan Bintulu

Nota: TM – Tiada Maklumat

- b. Pada tahun 2009 hingga 2013, jumlah agihan peruntukan oleh Pegawai Pengawal kepada Jabatan/Agensi adalah RM2.29 bilion atau 78.9% daripada peruntukan yang diterima iaitu RM2.90 bilion. Seterusnya pada tahun 2009 hingga 2013, jumlah agihan peruntukan oleh Pegawai Pengawal kepada Jabatan/Agensi adalah RM2.29 bilion berbanding hanya RM1.81 bilion atau 79% dibelanjakan. Kerajaan Negeri perlu memastikan semua pihak yang terlibat menyediakan rancangan penyenggaraan berdasarkan panjang jalan di bawah bidang kuasa mereka.
- c. Pada bulan Februari 2014, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Jabatan Kerja Raya telah mengadakan *roadshow* mengenai Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri kepada semua agensi pelaksana di seluruh Sarawak. Objektif *roadshow* ini adalah untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan baru yang dikeluarkan Kementerian Kewangan Persekutuan bagi memastikan semua agensi pelaksana mengemukakan Program Penyenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2014 dan Laporan Prestasi Kewangan Penyenggaraan Jalan Negeri tahun 2013 ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.

4.6.2.8. Buoys and Lights Fund (Akaun Dana Boya Dan Api)

Seperti dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2012 perbezaan pendapat antara Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak dan Jabatan Laut Sarawak berkenaan kutipan dius boya dan api telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri pada Januari 2011. Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah memutuskan agar Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak menyusuli perkara ini dengan Peguam Besar Negeri Sarawak, Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara bagi menyelesaikan pertikaian berkaitan tafsiran dalam bidang kuasa

yang melibatkan hal kutipan dius boyo dan api. Walaupun tidak ada keputusan rasmi daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan Kerajaan Negeri Sarawak mengenai pembahagian hasil daripada dius boyo dan api, Jabatan Laut Sarawak telah menyerahkan 60% daripada hasil tahunan dius boyo dan api kepada Lembaga Sungai-Sungai Sarawak mengikut interpretasi perundangan oleh Pejabat Peguam Besar Negeri Sarawak.

4.6.3. Akaun Kena Bayar

4.6.3.1. Akaun Kena Bayar (AKB) adalah bayaran yang dilakukan pada bulan Januari tahun berikutnya bagi bekalan dan perkhidmatan yang telah dilakukan pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Pada tahun 2013, baki AKB berjumlah RM169.11 juta menurun RM44.87 juta atau 21% berbanding tahun 2012. Kedudukan perbelanjaan AKB pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

Jadual 4.37


Akaun Kena Bayar Mengikut Kementerian/Jabatan Bagi Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Kementerian/Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	49.79	64.74	14.95	30.0
2.	Kementerian Pembangunan Sosial	11.93	37.37	25.44	213.2
3.	Jabatan Ketua Menteri	32.83	26.12	-6.71	-20.4
4.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	11.41	9.43	-1.98	-17.4
5.	Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar	5.68	6.98	1.30	22.9
6.	Kementerian Kewangan Negeri	72.59	6.59	-66.00	-90.9
7.	Kementerian Pemodenan Pertanian	9.40	5.78	-3.62	-38.5
8.	Kementerian Kemudahan Awam	11.20	4.90	-6.3	-56.3
9.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	5.43	3.97	-1.46	-26.9
10.	Kementerian Pelancongan Sarawak	1.07	1.36	0.29	27.1
11.	Kementerian Kebajikan, Wanita Dan Pembangunan Keluarga Sarawak	0.36	0.89	0.53	147.2
12.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti	1.62	0.34	-1.28	-79.0
13.	Kementerian Perumahan Sarawak	0.10	0.17	0.07	70.0
14.	Kementerian Kemajuan Tanah	0.05	0.13	0.08	160.0
15.	Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak	0.01	0.01	-	-
16.	Pelbagai Jabatan (3 Jabatan)	0.51	0.33	-0.18	-35.3
Jumlah		213.98	169.11	-44.87	-21.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.6.3.2. Analisis perbandingan AKB bagi tempoh 5 tahun menunjukkan peningkatan pada tahun 2010 dan 2012 manakala tahun 2011 dan 2013 menunjukkan penurunan seperti yang ditunjukkan di **Carta 4.9**.

Carta 4.9
Kedudukan Akaun Kena Bayar Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.7. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala liabiliti terdiri daripada Hutang Awam dan pelbagai liabiliti. Jumlah aset yang diakaunkan dalam Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2013 adalah RM6.78 bilion meningkat sejumlah RM318.25 juta atau 4.9% berbanding tahun sebelumnya. Liabiliti Kerajaan Negeri yang merupakan hutang kepada Kerajaan Persekutuan juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM30.04 juta atau 1.3% kepada RM2.27 bilion pada akhir tahun 2013 berbanding RM2.24 bilion pada akhir tahun 2012.

4.7.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.7.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sumber bagi pinjaman ini adalah daripada Kerajaan Negeri atau menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2013, baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM66.31 juta atau 2.8% daripada RM2.41 bilion pada tahun 2012 kepada RM2.47 bilion pada tahun 2013. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.38**.

Jadual 4.38
Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2012 dan 2013

Bil.	Nama Agensi/Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun Negeri	2,178.61	2,243.53	64.92	3.0
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	4.37	3.08	-1.29	-29.5
3.	Syarikat	222.04	224.72	2.68	1.2
4.	Skim Pinjaman Pelajar	0.50	0.50	0.00	0.0
Jumlah		2,405.52	2,471.83	66.31	2.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak
 Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.7.1.2. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, sejumlah RM138.95 juta pinjaman dikeluarkan termasuk faedah dipermodalkan dan sejumlah RM75.33 juta bayaran balik diterima. Daripada jumlah tersebut RM74.05 juta bayaran diterima daripada Badan Berkanun Negeri, RM1.28 juta diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan tiada bayaran diterima daripada Syarikat. Kedudukan pergerakan pinjaman dan bayaran balik pada tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.39**.

Jadual 4.39

Pergerakan Pinjaman Bagi Tahun 2013

Bil.	Agensi Peminjam	Baki Pinjaman 1.1.2013 (RM Juta)	Pinjaman Baru/ Keluaran Baki Pinjaman (RM Juta)	Kerugian Dalam Tukaran Wang Asing (RM Juta)	Bayaran Balik (RM Juta)	Baki Pinjaman 31.12.2013 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri						
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	836.89	18.25	0.00	16.39	838.75
2.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	401.97	*26.09	0.00	15.63	412.43
3.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak	279.07	*9.38	0.00	13.50	274.95
4.	Lembaga Air Kuching	260.37	13.44	0.00	13.89	259.92
5.	Lembaga Pelabuhan Miri	141.12	0.00	0.00	6.49	134.63
6.	Lembaga Air Sibu	126.95	24.33	0.00	4.09	147.19
7.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	14.32	0.00	0.00	2.69	11.63
8.	Lembaga Kemajuan Bintulu	14.32	0.00	0.00	1.37	12.95
9.	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	0.00	*3.05	0.00	0.00	3.05
10.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	6.14	3.62	0.00	0.00	9.76
11.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	97.47	40.79	0.00	0.00	138.26
Jumlah Kecil		2,178.61	138.95	0.00	74.05	2,243.52
Pihak Berkuasa Tempatan						
1.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	2.27	0.00	0.00	0.76	1.51
2.	Majlis Perbandaran Padawan	2.10	0.00	0.00	0.52	1.58
Jumlah Kecil		4.37	0.00	0.00	1.28	3.09
Syarikat						
1.	Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	86.49	0.00	0.00	0.00	86.49
2.	Sarawak Planted Forest Sdn. Bhd.	45.84	0.00	0.00	0.00	45.84
3.	Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc.	36.71	0.00	2.68	0.00	39.39
4.	Sarawak Incorporated Sdn. Bhd.	20.00	0.00	0.00	0.00	20.00
5.	Permodalan Assar Sdn. Bhd.	25.00	0.00	0.00	0.00	25.00
6.	Tanjung Manis Food & Industrial Park Sdn. Bhd.	5.00	0.00	0.00	0.00	5.00
7.	Seri Sarawak PMC Sdn. Bhd.	3.00	0.00	0.00	0.00	3.00
Jumlah Kecil		222.04	0.00	2.68	0.00	224.72
Skim Pinjaman Pelajar						
1.	Skim Pinjaman Pelajar	0.50	0.00	0.00	0.00	0.50
Jumlah Kecil		0.50	0.00	0.00	0.00	0.50
Jumlah Besar		2,405.52	138.95	2.68	75.33	2,471.83

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota: * Pinjaman dikeluarkan termasuk faedah dipermodalkan

4.7.1.3. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.40** dan **Carta 4.10**. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2013 adalah yang tertinggi untuk tempoh 5 tahun.

Jadual 4.40


Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Nama Agensi/Pinjaman	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Badan Berkanun Negeri	1,925.28	1,977.20	2,102.59	2,178.61	2,243.53
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	46.21	45.73	7.92	4.37	3.08
3.	Syarikat	274.63	281.50	225.72	222.04	224.72
4.	Skim Pinjaman Pelajar	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
Jumlah		2,246.62	2,304.93	2,336.73	2,405.52	2,471.83

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

Carta 4.10

Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.7.1.4. Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Pada tahun 2013, ansuran pinjaman yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM784.84 juta terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa berjumlah RM173.64 juta dan tunggakan tahun terdahulu berjumlah RM611.20 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2013 hanya RM100.84 juta bayaran balik diterima terdiri daripada bayaran pokok berjumlah RM75.26 juta dan faedah berjumlah RM25.58 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pada tahun 2013 berjumlah RM684 juta meningkat RM72.80 juta atau 12% berbanding baki tunggakan bayaran balik pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan 13 agensi tidak membuat pembayaran balik tunggakan atau membayar sebahagian daripada pinjaman yang matang pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.41**.

Jadual 4.41**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pada Tahun 2013**

Bil.	Agensi	Tunggakan Pada 01.01.2013 (RM Juta)	Anuiti 2013 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Sehingga Tahun 2013 (RM Juta)	Bayaran Balik Dalam Tahun 2013 (RM Juta)	Tunggakan Setakat 31.12.2013 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri						
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	215.43	65.46	280.89	25.96	254.93
2.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	119.78	35.08	154.86	22.13	132.73
3.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihian Tanah Sarawak	45.96	22.50	68.46	19.26	49.20
4.	Lembaga Pelabuhan Miri	73.52	18.89	92.41	9.44	82.97
5.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	48.42	0.00	48.42	0.00	48.42
6.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	5.00	0.56	5.56	3.06	2.50
7.	Lembaga Air Kuching	0.89	13.94	14.83	13.94	0.89
8.	Lembaga Air Sibu	2.34	5.50	7.84	4.10	3.74
Perbadanan/Syarikat						
9.	Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	78.52	2.66	81.18	0.00	81.18
10.	Amanah Saham Sarawak Bhd.	16.32	2.23	18.55	0.00	18.55
11.	Sarawak Incorporated Sdn. Bhd.	5.02	1.67	6.69	0.00	6.69
12.	Seri Sarawak PMC Sdn. Bhd.	0.00	1.20	1.20	0.00	1.20
13.	Tanjung Manis Food & Industrial Park Sdn. Bhd.	0.00	1.00	1.00	0.00	1.00
Jumlah Keseluruhan		611.20	170.69	781.89	97.89	684.00

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

- b. Pinjaman boleh dituntut hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Adalah didapati 19 pinjaman yang sepatutnya selesai pembayaran belum dijelaskan sepenuhnya. Ia melibatkan 4 Badan Berkanun Negeri dan 3 syarikat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih lagi berusaha untuk menyelesai isu berkenaan dengan agensi terbabit. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.42**.

Jadual 4.42

**Pinjaman Yang Sepatutnya Selesai Tetapi Belum Dijelaskan Sepenuhnya
Setakat Akhir Tahun 2013**

Bil.	Agensi	No. Pinjaman	Syarat Bayaran Balik	Tarikh Sepatut Selesai	Baki Belum Selesai Pada 31 Disember 2013 (RM)
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	C/SFS/HDC/2/4(T) bth. 06.12.1983	23 anuiti, bayaran pertama pada 05.12.1986	05.12.2009	750,597
		C/SFS/HDC/2/4 bth. 11.10.1984	23 anuiti, bayaran pertama pada 10.10.1988	10.10.2011	384,944
		C/SFS/HDC/2/4(191) bth. 17.12.1985	23 anuiti, bayaran pertama pada 22.05.1989	22.05.2012	1,319,353
		C/SFS/HDC/12/2 bth. 17.12.1985	23 anuiti, bayaran pertama pada 18.11.1989	18.11.2012	307,703
		C/SFS/HDC/34 bth. 30.12.1986	23 anuiti, bayaran pertama pada 07.01.1990	07.01.2013	199,766
2.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	SEDC/2006/01 bth. 30.06.2006	1 anuiti, bayaran pertama pada 02.11.2010	02.11.2010	2,500,000
3.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	C/SFS/458 bth. 30.12.1981	9 anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1988	30.12.1995	280,444
		C/SFS/458/(26) bth. 27.12.1982	9 anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1989	30.12.1998	7,311,111
		C/SFS/481 bth. 27.07.1984	6 anuiti, bayaran pertama pada 21.02.1987	21.02.1993	6,497,000
		C/SFS/477/1/(14) bth. 22.07.1985	15 anuiti, bayaran pertama pada 17.07.1996	17.07.2011	857,900
		C/SFS/SALCRA/12 bth. 08.11.1990	12 anuiti, bayaran pertama pada 15.09.1999	15.09.2011	1,533,283
4.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	STIDC/2001/01 bth. 18.09.2005	5 anuiti, bayaran pertama pada 07.06.2005	07.06.2010	41,470,000
5.	Permodalan ASSAR Sdn. Bhd.	ASSAR/1999/01 bth. 27.04.1999	1 anuiti, bayaran pada 06.05.2007	06.05.2007	5,000,000
6.	Sarawak MediChem Pharmaceuticals Inc.	MediChem/1999/1 bth. 25.11.1999	1 anuiti, bayaran pada 19.03.2003	19.03.2003	16,407,500
		SMP/2000/01 bth. 27.11.2000	1 anuiti, bayaran pada 11.12.2004	11.12.2004	6,563,000
		SMP/2001/01 bth. 20.01.2001	1 anuiti, bayaran pada 10.02.2004	10.02.2004	6,563,000
		SMP/2001/02 bth. 04.09.2001	1 anuiti, bayaran pada 28.09.2005	28.09.2005	1,640,750
		SMP/2001/03 bth. 29.10.2001	1 anuiti, bayaran pada 06.12.2005	06.12.2005	8,203,750
7.	Sarawak Medical Centre Sdn. Bhd.	SMC/2000/01 bth. 31.03.2000	10 anuiti, bayaran pertama pada 26.03.2002	26.03.2012	59,923,116
Jumlah					167,713,217

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.7.2. Pelaburan

4.7.2.1. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam Syarikat Awam, Syarikat Tidak Tersenarai dan Caruman Bagi Penyertaan Ekuiti dibuat melalui Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan dan ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Pelaburan ini dibuat menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri. Kedudukan pelaburan mengikut nilai buku pada 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM4.31 bilion meningkat sejumrah RM251.94 juta atau 6.2% berbanding RM4.05 bilion pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.43**

Jadual 4.43

Kedudukan Pegangan Saham Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan Pada Akhir Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Butiran	Bil. Syarikat		Nilai Buku Saham		Perubahan	
		2012	2013	31.12.2012 (RM Juta)	31.12.2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Dalam Syarikat Awam	10	11	721.98	902.62	180.64	25.0
2.	Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai	47	49	3,039.37	3,110.67	71.3	2.3
3.	Caruman Bagi Penyertaan Ekuiti	7	7	292.32	292.32	0.00	0.0
Jumlah		64	67	4,053.67	4,305.61	251.94	6.2

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.7.2.2. Peningkatan pelaburan adalah disebabkan Kerajaan Negeri telah membuat pelaburan baru bagi tahun 2013 sejumrah RM195.64 juta dalam syarikat Edusar Holdings Sdn. Bhd. dan Sarawak Oil Palms Bhd. serta penambahan pelaburan RM71.29 juta dalam bentuk syer keutamaan boleh tebus di syarikat SI Capital Sdn. Bhd. dan SSHMC Management & Holdings Sdn. Bhd. seperti di **Jadual 4.44**.

Jadual 4.44

Pertambahan Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2012 Berbanding 2013

Bil.	Syarikat	Pegangan Ekuiti (%)	Tahun		Peningkatan	
			2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Pelaburan Dalam Syarikat Awam						
1.	Sarawak Oil Palms Bhd.	6.82	0.00	180.64	180.64	100.0
Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai						
1.	Edusar Holdings Sdn. Bhd.	100.0	0.00	15.00	15.00	100.0
2.	SI Capital Sdn. Bhd.	99.43	142.05	148.94	6.89	4.9
3.	SSHMC Management & Holdings Sdn. Bhd.	100.0	425.56	489.96	64.40	15.1
Jumlah			567.61	834.54	266.93	47.0


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri

4.7.2.3. Trend pelaburan Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan setiap tahun daripada tahun 2009 hingga 2013. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 4.45** dan **Carta 4.11**.

Jadual 4.45**Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Pelaburan Mengikut Nilai Buku Dan Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Pelaburan Dalam Syarikat Awam	2,553.93	677.31	721.98	721.98	902.62
2.	Pelaburan Dalam Syarikat Tidak Tersenarai	876.40	2,873.56	2,944.95	3,039.37	3,110.67
3.	Caruman Bagi Penyertaan Ekuiti	269.58	292.32	292.32	292.32	292.32
Jumlah		3,699.91	3,843.19	3,959.25	4,053.67	4,305.61

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

Carta 4.11**Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.7.2.4. Analisis Audit seterusnya mendapati pada akhir tahun 2013, nilai pasaran saham bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia pada 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM1.93 bilion meningkat sejumrah RM361.60 juta atau 23.1% berbanding RM1.57 bilion dalam tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan pelaburan dalam syarikat Sarawak Oil Palm Bhd. Nilai buku bagi saham tersebut adalah RM721.98 juta bagi tahun 2012 dan RM902.62 juta bagi tahun 2013 seperti di **Jadual 4.46**.

Jadual 4.46**Perbandingan Nilai Buku Dan Nilai Pasaran bagi Tahun 2012 dan 2013**

Bil.	Nilai Saham	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Nilai Pasaran	1,567.05	1,928.65	361.60	23.1
2.	Nilai Buku	721.98	902.62	180.64	25.0

Sumber: Bursa Malaysia, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Rekod Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.7.2.5. Pada tahun 2013, dividen daripada pelaburan saham yang diterima adalah berjumlah RM1.97 bilion meningkat sejumrah RM281.06 juta berbanding RM1.70 bilion dividen yang diterima pada tahun 2012. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menerima

sejumlah RM1.45 juta dividen tahun 2013 yang dibayar pada tahun 2014. Terimaan dividen ini akan diambil kira dalam penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2014. Senarai syarikat yang membayar dividen atas pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.47**.

Jadual 4.47

Senarai Syarikat Yang Membayar Dividen Pelaburan Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Syarikat	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Syarikat Tersenarai						
1.	Bintulu Ports Holdings Bhd.	50.49	46.0	46.01	46.01	36.81
2.	Malaysia International Shipping Corporation	21.47	22.69	16.87	0.00	0.00
3.	Sarawak Plantation Bhd.	4.99	6.77	6.98	10.68	3.56
4.	Petronas Dagangan Bhd.	0.68	0.90	1.95	1.48	1.4
5.	Malaysia Airport Holdings Bhd.	0.62	0.77	0.67	0.72	0.61
6.	Telekom Malaysia Bhd.	0.65	0.61	0.62	0.62	1.81
7.	Axiata Group Bhd.	0.00	0.00	0.44	0.72	0.25
8.	Tenaga Nasional Bhd.	0.23	0.30	0.41	0.13	0.66
9.	Rimbunan Sawit Bhd.	0.00	0.00	0.13	1.14	0.76
Jumlah		79.13	78.04	74.08	61.50	45.86
Syarikat Tidak Tersenarai						
1.	Malaysia LNG Dua Sdn. Bhd.	180.00	560.00	910.00	710.00	900.00
2.	Malaysia LNG Tiga Sdn. Bhd.	260.00	390.00	520.00	460.50	480.00
3.	Malaysia Liquefied Natural Gas Sdn. Bhd.	255.00	250.00	405.00	350.00	405.00
4.	Sarawak Energy Bhd	40.74	40.74	40.73	40.74	0.00
5.	Shell MDS (Malaysia) Sdn. Bhd.	33.60	49.00	35.00	35.00	38.50
6.	SGOS Capital Holdings Sdn. Bhd.	0.00	20.00	20.00	20.00	21.19
7.	Shell Timur Sdn. Bhd.	0.00	12.80	16.10	4.40	10.50
8.	Borneo Housing Mortgage Finance Bhd.	6.83	8.83	8.82	8.92	8.47
9.	LAKU Management Sdn. Bhd.	0.00	0.00	2.25	2.25	2.25
10.	Tamar Plantation Sdn. Bhd.	0.00	0.00	1.50	1.50	0.00
11.	Sarawak Information Systems Sdn. Bhd.	8.68	0.00	0.50	0.50	0.50
12.	Sarawak Incorporated Sdn. Bhd.	0.13	0.00	0.50	0.50	0.00
13.	Borneo Development Corporation Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.25	0.00	0.25
14.	BHMF Realty Sdn. Bhd.	0.00	0.33	0.00	0.23	0.00
15.	Suajaya Mahir Crop Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.45
16.	SOP Plantations (Borneo) Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	6.00
Jumlah		784.98	1,331.70	1,960.65	1,634.54	1,873.11
Jumlah Dividen Diterima		864.11	1,409.74	2,034.73	1,696.04	1,918.97
Bayaran Balik LHDN		0.00	234.43	0.00	0.00	58.13
Jumlah Keseluruhan		864.11	1,644.17	2,034.73	1,696.04	1,977.10

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.7.2.6. Semakan Audit mendapati 8 daripada 11 syarikat tersenarai membayar dividen pada tahun 2013 kecuali syarikat Sistem Peneranganan Malaysia Berhad, Malaysian International Shipping Corporation dan Sarawak Oil Palms Berhad. Semakan Audit seterusnya mendapati hanya 16 daripada 56 syarikat tidak tersenarai membayar dividen dalam tempoh 5 tahun. Analisis Audit mendapati 5 syarikat yang membayar dividen secara konsisten adalah syarikat yang berasaskan petroleum dan gas menyumbang RM1.82 bilion atau 92.3% daripada jumlah keseluruhan dividen yang diterima pada tahun 2013.

4.7.3. Hutang Awam

4.7.3.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga boleh meminjam di bawah kuasa Undang-undang Negeri dengan kelulusan Bank Negara mengikut Perkara 112B Perlembagaan Persekutuan. Pada tahun 2013, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM30.04 juta atau 1.3% menjadi RM2.27 bilion berbanding RM2.24 bilion pada tahun 2012. Bayaran balik hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2013 adalah berjumlah RM131.71 juta. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.48**.

Jadual 4.48

Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	1,008.37	1,102.84	94.47	9.4
2.	Perumahan	564.12	531.11	-33.01	-5.8
3.	Perindustrian	211.02	215.07	4.05	1.9
4.	Pembetungan Najis Dan Perparitan	213.35	202.72	-10.63	-5.0
5.	Pertanian	225.23	201.67	-23.56	-10.5
6.	Institusi Pelaburan	15.08	13.83	-1.25	-8.3
7.	Pelabuhan	0.15	0.12	-0.03	-20.0
Jumlah		2,237.32	2,267.36	30.04	1.3

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.7.3.2. Analisis perbandingan baki hutang awam bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun antara RM12.50 juta atau 0.6% hingga RM356.60 juta atau 20.4%. Kedudukan baki hutang awam bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.49** dan **Carta 4.12**. Kedudukan baki hutang awam tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.


Jadual 4.49**Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	621.02	858.56	971.33	1,008.37	1,102.84
2.	Perumahan	659.35	638.30	595.56	564.12	531.11
3.	Pelbagai	245.66	362.55	422.62	439.60	431.74
4.	Pertanian	221.42	244.64	235.31	225.23	201.67
Jumlah		1,747.45	2,104.05	2,224.82	2,237.32	2,267.36

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Carta 4.12**Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

RM Juta



Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.7.3.3. Tunggakan bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2013 adalah sejumlah RM2.28 juta. Tunggakan ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri sedang menunggu maklum balas daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Persekutuan mengenai permohonan untuk menukar perjanjian pinjaman kepada geran. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.50**.

Jadual 4.50**Tunggakan Bayaran Balik Hutang Kerajaan Negeri Kepada Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013**

Bil.	Projek	Pokok (RM Juta)	Faedah (RM Juta)	Catatan
1.	Penjadualan Semula Pinjaman Sektor Pelbagai Yang Dipinjamkan Kepada SALCRA	2.28	0.00	Pihak Setiausaha Kewangan telah mengemukakan permohonan bagi menukar pinjaman ini pada 7.11.2014
Jumlah		2.28	0.00	

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak

4.7.4. Jaminan Berkanun

Seksyen 14, *Loans And Loan Guarantees Ordinance*, 1999, membenarkan Kerajaan Negeri untuk memberi jaminan bagi pinjaman atau bon yang diambil oleh mana-mana badan korporat. Seksyen 15 Ordinan yang sama menetapkan bahawa setiap jaminan yang diberi hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Kerajaan Negeri ada memberi *back-to-back guarantee* kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia untuk kemudahan kredit yang diperoleh oleh Sarawak Capital Resources Ltd. dengan baki sejumlah RM98.45 juta pada tahun 2013. Amaun ini menunjukkan penurunan sejumlah RM208.22 atau 67.9%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.51**.

Jadual 4.51

Back-To-Back Guarantee Yang Diberi Oleh Kerajaan Negeri Kepada Kerajaan Persekutuan Kedudukan Pada Akhir Tahun 2012 Dan 2013

Peminjam	Baki Pinjaman Yang Dijamin Pada Akhir Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Sarawak Capital Resources Ltd.	306.67	98.45	-208.22	-67.9
Jumlah	306.67	98.45	-208.22	-67.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak
Dan Rekod Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

4.7.5. Tunggakan Hasil

4.7.5.1. Pada akhir tahun 2013, tunggakan hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM74.25 juta atau 78.8% menjadi RM168.53 juta daripada RM94.28 juta pada tahun 2012. Hanya Royalti dan Permit menunjukkan penurunan tunggakan manakala 4 butiran menunjukkan peningkatan iaitu Dividen, Jualan Air dan Stor, Premium Tanah serta Hasil Pelbagai. Tunggakan hasil bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.52**.

Jadual 4.52

Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Dividen ¹	13.80	60.53	46.73	338.6
2.	Jualan Air Dan Stor ²	29.74	56.19	26.45	88.9
3.	Premium Tanah ³	32.44	37.35	4.91	15.1
4.	Royalti Dan Permit ⁴	2.64	2.48	-0.16	-6.1
5.	Pelbagai	15.66	11.98	-3.68	-23.5
Jumlah		94.28	168.53	74.25	78.8

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Nota: ¹ Dividen termasuk dividen, royalti air dan lesen penjanaan elektrik

² Jualan Air dan Stor termasuk jualan air, akaun kenderaan dan hasil berkaitan stor dan loji

³ Premium Tanah termasuk premium tanah, sewa tanah serta bayaran luar dan pemeriksaan

⁴ Royalti Dan Permit termasuk royalti hutan dan hasil berkaitan hutan

4.7.5.2. Analisis perbandingan antara kutipan hasil sebenar pada tahun 2013 berbanding tunggakan hasil pada tahun 2012 mendapati prestasi kutipan hasil menurun sedikit sejumlah RM24.41 juta atau 0.3%. Tunggakan hasil meningkat sejumlah RM74.25 juta atau 78.8%. Peningkatan dan penurunan adalah seperti berikut:

- a. Tunggakan dividen meningkat sejumlah RM46.73 juta atau 338.6% pada tahun 2013 menjadi RM60.53 juta berbanding RM13.80 juta pada tahun 2012 disebabkan oleh bayaran balik cukai pendapatan dividen. Pihak Setiausaha Kewangan Negeri telah mengemukakan tuntutan ke pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri pada 14 Mei 2014 untuk tujuan bayaran balik. Selain itu, peningkatan tersebut juga disebabkan tunggakan royalti air mentah oleh Sarawak Hidro Sdn. Bhd. sejumlah RM28.59 juta. Bagaimanapun, kesemua tunggakan hasil royalti air dan sebahagian tunggakan hasil lesen penjanaan elektrik telah dijelaskan pada suku pertama tahun 2014.
- b. Tunggakan Jualan Air dan Stor meningkat sejumlah RM26.45 juta atau 88.9% pada tahun 2013 menjadi RM56.19 juta berbanding RM29.74 juta pada tahun 2012. Ini disebabkan pengguna tidak membayar bil, kekurangan penguatkuasaan dan data pembayaran dari jabatan dan agensi Kerajaan yang tidak dapat diperolehi. Bagaimanapun, untuk mengatasi masalah bil tertunggak ini Jabatan telah membuat satu operasi *Outstanding Bills Recovery Effort* pada permulaan suku ketiga tahun 2013 dan berjaya mengutip hampir RM5 juta hasil.
- c. Tunggakan Premium Tanah meningkat sejumlah RM4.91 juta iaitu 15.1% pada tahun 2013 menjadi RM37.35 juta berbanding RM32.44 juta pada tahun 2012 disebabkan oleh Syarikat Press Metal Sarawak Sdn. Bhd. yang tidak menjelaskan ansuran premium pada tahun 2011 dan 2012 dan dikenakan surcaj. Jabatan Tanah & Survei telah memberi peringatan supaya syarikat berkenaan membayar tunggakan premium tersebut.
- d. Tunggakan Hasil Royalti dan Permit Hutan menurun sejumlah RM0.16 juta atau 6.1% pada tahun 2013 menjadi RM2.48 juta berbanding RM2.64 juta pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan Jabatan telah mengambil langkah yang lebih tegas untuk mengurangkan hutang tertunggak. Jabatan juga telah memohon kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk kelulusan hapuskira hutang tertunggak 12 kes kesalahan balak yang telah melebihi tempoh 3 tahun.
- e. Tunggakan Hasil Pelbagai menurun sejumlah RM3.68 juta atau 23.5% menjadi RM11.98 juta berbanding RM15.66 juta pada tahun 2012 disebabkan pelaksanaan Modul Pemantauan Bayaran Balik e-Scholarship untuk mengutip bayaran balik Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak dari bekas pelajar.

4.7.5.3. Trend tunggakan hasil bagi tempoh 5 tahun ditunjukkan di **Jadual 4.53** dan **Carta 4.13**. Kedudukan tunggakan hasil pada tahun 2013 adalah paling tinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.53
Tunggakan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Dividen ¹	0.00	20.55	42.83	13.80	60.53
2.	Jualan Stor Dan Air ²	25.60	25.44	34.25	29.74	56.19
3.	Premium Tanah ³	34.13	37.58	29.22	32.44	37.35
4.	Royalti Dan Permit ⁴	2.15	2.16	2.27	2.64	2.48
5.	Pelbagai	43.22	26.76	13.78	15.66	11.98
Jumlah		105.10	112.49	122.35	94.28	168.53

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak


Nota: ¹ Dividen termasuk dividen, royalti air dan lesen penjanaan elektrik

² Jualan Air dan Stor termasuk jualan air, akaun kenderaan dan hasil berkaitan stor dan loji

³ Premium Tanah termasuk premium tanah, sewa tanah serta bayaran luar dan pemeriksaan

⁴ Royalti Dan Permit termasuk royalti hutan dan hasil berkaitan hutan

Carta 4.13
Tunggakan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.8. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.8.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah kukuh kerana baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM23.36 bilion meningkat RM2.26 bilion berbanding RM21.10 bilion pada akhir tahun 2012. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan surplus berjumlah RM2.13 bilion. Kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 menurun sedikit RM24.40 juta atau 0.3% menjadi RM7.16 bilion berbanding RM7.19 bilion bagi tahun 2012.

4.8.2. Tunggakan hasil meningkat sejumlah RM74.25 juta atau 78.8% menjadi RM168.53 juta daripada RM94.28 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM417.91 juta atau 9% iaitu daripada RM4.62 bilion pada tahun 2012 kepada RM5.04 bilion pada tahun 2013. Baki Pinjaman Boleh Dituntut

meningkat sejumlah RM66.31 juta atau 2.8% daripada RM2.41 bilion pada tahun 2012 kepada RM2.47 bilion pada tahun 2013. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut turut meningkat sejumlah RM72.80 juta atau 12% daripada RM611.20 juta pada tahun 2012 kepada RM684 juta pada tahun 2013. Jumlah pelaburan telah meningkat pada tahun 2013 menjadi RM27.58 bilion. Pelaburan saham dalam syarikat awam dan tidak tersenarai telah memberikan pulangan dividen RM1.97 bilion meningkat sejumlah RM281.06 juta berbanding RM1.70 bilion pada tahun 2012. Jumlah hutang awam meningkat sejumlah RM30.04 juta atau 1.3% menjadi RM2.27 bilion berbanding RM2.24 bilion pada tahun 2012. Tunggakan hutang awam Kerajaan Negeri pada tahun 2013 menurun sejumlah RM10.70 juta atau 82.4% menjadi RM2.28 juta daripada RM12.98 juta pada tahun 2012.

4.8.3. Bagi memperkuuhkan lagi kedudukan dan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri adalah disyorkan:

4.8.3.1. Kerajaan Negeri hendaklah meningkatkan keberkesanan dalam pungutan hasil bagi mengelakkan tunggakan tahunan terus meningkat serta mengambil langkah yang lebih tegas untuk mengutip tunggakan hasil berjumlah RM168.53 juta. Tindakan tegas hendaklah juga diambil untuk menuntut tunggakan pinjaman berjumlah RM684 juta daripada agensi dan syarikat.

4.8.3.2. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak hendaklah memastikan perbelanjaan melebihi peruntukan adalah di tahap minima dan seterusnya mengurangkan pendahuluan daripada dana kontingensi untuk menampung lebihan perbelanjaan mengurus.

4.8.3.3. Pihak Setiausaha Kewangan Negeri hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap Deposit/Akaun Amanah yang tidak aktif dan Kumpulan Wang Amanah yang memerlukan tindakan susulan. Pegawai Pengawal berkenaan hendaklah mengambil langkah sewajarnya bagi membentangkan 5 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri.

4.8.3.4. Kerajaan Negeri hendaklah membuat persediaan bagi menerima pakai kaedah perakaunan akruan untuk Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak.

BAHAGIAN III

Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. KEMAJUAN PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH

5.1. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) digubal untuk memenuhi dasar dan strategi pembangunan Negara bagi tempoh 5 tahun bermula tahun 2011 hingga 2015. RMKe-10 merupakan penggerak program transformasi pembangunan Negeri Sarawak melalui pelaksanaan projek pembangunan baru dan sambungan daripada RMKe-9. Pemantauan yang cekap dan berkesan terhadap projek pembangunan ini penting untuk menjamin pelaksanaan yang lancar dan dijalankan secara konsisten di semua peringkat. Penyelesaian yang cekap dan berkesan perlu bagi memastikan semua program dan projek yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi menjayakan RMKe-10, siling peruntukan yang dilulus oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM18 bilion bagi melaksanakan 1,037 projek terdiri daripada 341 projek fizikal dan 696 projek bukan fizikal. Projek fizikal berjumlah 341 meliputi pembinaan 6 jambatan, 72 jalan, 95 bangunan, 20 dermaga dan 148 projek lain seperti *Kampung Extension*, perparitan, bekalan air, penanaman, kawasan perindustrian dan pembentungan.

5.2. Daripada 341 projek tersebut, 278 projek telahpun dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2013, manakala 63 projek akan dilaksanakan dalam tahun 2014 hingga 2015. Peruntukan sebanyak RM3.67 bilion telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada 12 Kementerian/Jabatan bagi melaksanakan projek yang diluluskan dalam tahun 2013. Peruntukan tersebut juga adalah untuk melaksanakan projek bukan fizikal untuk aktiviti seperti geran, program, ICT, pembelajaran, perolehan tanah, acara, latihan, pelaburan dan sumbangan. Pada tahun 2013, RM3.38 bilion atau 92.1% daripada RM3.67 bilion telah dibelanjakan seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Kementerian/Jabatan	Peruntukan Diluluskan RMKe-10 Tahun 2013 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga Tahun 2013 (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Jabatan Ketua Menteri	33.27	32.86	98.8
2.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti	76.87	75.90	98.7
3.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	55.61	54.54	98.1
4.	Kementerian Kewangan Negeri	2,540.09	2,471.19	97.3
5.	Kementerian Pelancongan Sarawak	29.86	28.10	94.1
6.	Kementerian Pemodenan Pertanian	38.31	35.69	93.2
7.	Kementerian Pembangunan Sosial	72.30	61.35	84.9
8.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	60.05	50.04	83.3
9.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	313.21	259.56	82.9
10.	Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar	104.81	76.56	73.0
11.	Kementerian Kemudahan Awam	341.69	236.35	69.2
12.	Kementerian Kebajikan, Wanita Dan Pembangunan Keluarga	5.00	0.78	15.6
Jumlah		3,671.07	3,382.92	92.1

Sumber: Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak Dan Kementerian/Jabatan Yang Terlibat

5.3. Analisis Audit mendapati 3 daripada 12 Kementerian/Jabatan telah berbelanja kurang 80% daripada peruntukan yang diagihkan pada tahun 2013 iaitu Kementerian Kebajikan, Wanita Dan Pembangunan Keluarga berbelanja RM0.78 juta atau 15.6% daripada RM5.00 juta, Kementerian Kemudahan Awam berbelanja RM236.35 juta atau 69.2% daripada RM341.69 juta dan Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar berbelanja RM76.56 juta atau 73% daripada RM104.81 juta. Antara sebab pencapaian perbelanjaan bagi 3 Kementerian kurang 80% daripada peruntukan adalah masalah teknikal, pindaan siling dan isu *blockade*.

5.4. Berdasarkan rekod yang disediakan oleh Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU), sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 98 atau 28.7% daripada 341 projek yang diluluskan telah siap dilaksanakan. Daripada projek siap tersebut, 67 projek atau 68.4% adalah projek RMKe-10 manakala 31 projek atau 31.6% adalah projek sambungan RMKe-9. Antara projek RMKe-10 yang telah disiapkan pada tahun 2013 ialah *Proposed River Taxi Terminal Bintawa, The Construction and Completion of RC Commercial Wharf at Jalan Ding Lik Kwong, Sibu, Upgrading of Jalan Kubah Ria/Kampung Pinang Jawa Junction, Kuching, Simunjan Raw Water Source Development, Development of Shipping Industrial Area at Lot 657 and Lot 659 – Tanjung Manis, Mukah and Pemasangan Paip Utama di Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce (Zon 60m) – Lembaga Air Sibu*. Manakala, antara projek sambungan RMKe-9 yang siap pada tahun 2013 ialah *Upgrading and Improvement of Jalan Terbat/Mapu, Samaranan, Trusan Regional Water Supply, Samalaju Water Supply and Bina Loji dan Paip Utama Kuching*. Prestasi pelaksanaan projek fizikal sehingga akhir 2013 adalah seperti di **Jadual 5.2** dan status pelaksanaan projek sedang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.2

Pencapaian Pelaksanaan Projek Fizikal RMKe-10 Setakat 31 Disember 2013

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek			
		Jumlah Projek	Belum Mula	Sedang Dilaksana	Siap Sebenar
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	86	18	45	23
2.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti	64	12	14	38
3.	Kementerian Kewangan Negeri	64	8	45	11
4.	Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar	56	4	43	9
5.	Kementerian Kemudahan Awam	23	4	10	9
6.	Kementerian Pembangunan Sosial	19	12	7	0
7.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	12	3	5	4
8.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	9	0	6	3
9.	Jabatan Ketua Menteri	4	0	4	0
10.	Kementerian Kebajikan, Wanita Dan Pembangunan Keluarga	3	1	1	1
11.	Kementerian Pelancongan Sarawak	1	1	0	0
Jumlah		341	63	180	98

Sumber: Rekod Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

Jadual 5.3

Status Pelaksanaan Projek Sedang Dilaksanakan Setakat 31 Disember 2013

Bil.	Kementerian/ Jabatan	Status Projek				
		Perancangan	Dahului Jadual	Ikut Jadual	Lewat Jadual	Tenat
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	26	9	9	1	0
2.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti	12	0	2	0	0
3.	Kementerian Kewangan Negeri	26	13	3	2	1
4.	Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar	22	18	3	0	0
5.	Kementerian Kemudahan Awam	1	2	4	2	1
6.	Kementerian Pembangunan Sosial	4	0	3	0	0
7.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	0	2	1	1	1
8.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	1	2	3	0	0
9.	Jabatan Ketua Menteri	4	0	0	0	0
10.	Kementerian Kebajikan, Wanita Dan Pembangunan Keluarga	0	0	1	0	0
11.	Kementerian Pelancongan Sarawak	0	0	0	0	0
Jumlah		96	46	29	6	3

Sumber: Rekod Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

5.5. Analisis Audit mendapati daripada 180 projek yang sedang dilaksanakan, 24 projek atau 13.3% merupakan projek sambungan RMKe-9 manakala 156 projek atau 86.7% merupakan projek RMKe-10. Daripada 24 projek sambungan RMKe-9, 19 projek atau 79.2% ikut atau dahului jadual, 3 projek atau 12.5% lewat jadual dan 2 projek atau 8.3% masih di peringkat perancangan. Manakala daripada 156 projek RMKe-10, 94 projek atau 60.3% masih di peringkat perancangan iaitu di peringkat proses reka bentuk, tender atau pertapanan; 56 projek atau 35.9% ikut jadual atau dahului jadual; 3 projek atau 1.9% lewat jadual dan 3 projek atau 1.9% tenat. Butiran projek sambungan RMKe-9 yang masih dalam perancangan dan lewat jadual adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4

Projek Sambungan RMKe-9 Yang Masih Dalam Perancangan Dan Lewat Jadual Pada Akhir Tahun 2013

Bil.	Nama Projek	Status Projek	Kos Projek (RM Juta)	Sebab Kelewatan Pelaksanaan
1.	Pembinaan Jalan Kuala Serupai/Kuala Tatau dan Cadangan Jambatan Menghubungi Kuala Tatau di Kampung Seberang Bintulu	Peringkat Perancangan	50.00	Projek dilaksanakan secara berfasa. Bagi jajaran yang melibatkan Jalan Kuala Serupai/Kuala Tatau dan pembinaan jambatan di Kpg. Seberang, Bintulu, Sarawak, baru diluluskan dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-10 pada Julai 2013. Status projek – dalam peringkat perolehan
2.	Relocation of Kuching/Serian Road Pipeline, Kuching	Peringkat Perancangan	25.20	Perubahan skop. Pelaksanaan projek hanya bermula pada RMKe-10 dengan setengah daripada peruntukan yang diluluskan.

Bil.	Nama Projek	Status Projek	Kos Projek (RM Juta)	Sebab Kelewatan Pelaksanaan
3.	Rancangan Pengairan Sarawak – Sungai Sebelak, Betong	Lewat Jadual	13.85	Projek dilaksanakan secara berfasa. Fasa pertama yang dilaksanakan dalam tempoh RMKe-9. Fasa kedua mula dalam tempoh RMKe-10. Setakat 31.12.2013 status projek ialah 82%. Projek ini akan siap pada tahun 2014.
4.	Jalan Basi Sri Aman	Lewat Jadual	12.00	Isu pengambilan tanah dan projek lewat mula. Setakat 31.12.2013 status projek ialah 35.2%. Projek ini akan siap pada September 2014.
5.	Pembinaan Loji Kolam Takungan Dan Paip Untuk Bekalan Air Sri Aman	Lewat Jadual	70.00	Projek dilaksanakan secara berfasa. Fasa pertama yang dilaksanakan dalam tempoh RMKe-9 hanyalah untuk kajian sahaja. Projek fizikal mula pada bulan Mei 2012. Setakat 31.12.2013 status projek ialah 62.8%. Projek ini akan siap pada tahun 2014

Sumber: Rekod Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

5.6. Setakat 31 Disember 2013, hanya 6 daripada 341 projek fizikal dikategorikan sebagai lewat jadual iaitu mengalami kelewatan antara 6% hingga 28% berbanding prestasi fizikalnya disebabkan faktor cuaca dan perubahan skop kerja, manakala 3 projek dikategorikan sebagai tenat iaitu mengalami kelewatan antara 44.4% hingga 76% berbanding jadual yang dirancang disebabkan oleh masalah kontraktor dan teknikal. Butiran projek tersebut adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Projek Tenat Dan Lewat Jadual Setakat 31 Disember 2013

Bil.	Nama Projek	Status Projek	Kemajuan		Peruntukan Sehingga 31 Disember 2013 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2013 (RM Juta)	Peratusan (%)
			Jadual (%)	Sebenar (%)			
1.	Bekalan Air Sg. Asap Kapit	Tenat	100.0	24.0	0.50	0.50	100.0
2.	Skim Saliran Terkawal Paloh Bangau, Mukah	Tenat	92.7	48.1	3.00	0.71	23.7
3.	Bong Chin Terrace Drainage Improvement Kuching	Tenat	46.9	2.5	2.00	0.00	0.0
4.	Program Rumah Mesra Rakyat Sungai Midin, Kuching	Lewat Jadual	100.0	94.0	4.00	3.68	92.0
5.	Pembinaan Loji Kolam Takungan Dan Paip Untuk Bekalan Air Sri Aman	Lewat Jadual	73.7	62.8	20.00	14.14	70.7

Bil.	Nama Projek	Status Projek	Kemajuan		Peruntukan Sehingga 31 Disember 2013 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2013 (RM Juta)	Peratusan (%)
			Jadual (%)	Sebenar (%)			
6.	Rancangan Pengairan Sarawak - Sungai Sebelak Betong	Lewat Jadual	91.5	82.0	10.65	4.60	43.2
7.	Jalan Basi Sri Aman	Lewat Jadual	43.6	35.2	7.00	1.95	27.9
8.	Pembinaan Jalan Stampin Timur Kuching	Lewat Jadual	64.0	46.4	2.00	0.53	26.5
9.	Kuala Lawas High Level Tank, Limbang *	Lewat Jadual	90.0	62.0	0.00	0.00	0.00

Sumber: Agensi Pelaksana Dan Rekod Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

Nota: * Projek tidak dapat dijalankan pada tahun 2013 kerana jambatan yang menghubungi jalan ke tapak projek telah roboh. Peruntukan tahun 2013 sebanyak RM1.8 juta dibawa ke tahun 2014

5.7. Setakat 19 Mei 2014, daripada 6 projek yang dikategori sebagai lewat jadual, 1 projek telah siap dilaksanakan dan 2 projek dalam peringkat pelaksanaan. Manakala 3 projek yang dikategorikan sebagai tenat masih kekal tenat. Bagaimanapun, 2 projek telah menunjukkan peningkatan prestasi dan 1 projek lagi dalam proses penamatan kontrak.

5.8. Sebanyak 63 projek atau 18.5% belum mula terdiri daripada 18 projek di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan, 12 projek Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti, 12 projek Kementerian Pembangunan Sosial, 8 projek Kementerian Kewangan Negeri, 4 projek Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar, 4 projek Kementerian Kemudahan Awam, 3 projek Kementerian Pembangunan Luar Bandar, satu projek Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga dan satu projek Kementerian Pelancongan Sarawak. Analisis Audit mendapati 1 daripada 63 projek belum mula merupakan projek sambungan RMKe-9 di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan. Antara 5 projek RMKe-10 melebihi kos projek RM14 juta dan 1 projek sambungan RMKe-9 yang belum mula dan sebab projek belum dimulakan adalah seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6

Projek Yang Belum Dimulakan Pada Tahun 2013

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Sebab Belum Mula
Projek Sambungan RMKe-9			
1.	Pelapisan dan Pembaikan Jalan	5.00	Terdapat pertindihan projek ini dengan projek-projek di bawah MARRIS. Projek Pelapisan dan Pembaikan Jalan ini akan digugurkan dari senarai RMKe-10.
Projek RMKe-10			
1.	Tanjung Manis Water Supply, Sibu	409.68	Projek baru yang diluluskan selepas Semakan Separuh Penggal
2.	The Rehabilitation and Upgrading of KWB Batu Kitang Water Treatment Plant No. 3, Kuching	23.75	Projek baru yang diluluskan selepas Semakan Separuh Penggal

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Sebab Belum Mula
3.	Projek Pembinaan Dan Penyiapan Menaiktaraf Jalan Utama/Main Boulevard Di Bandar Baru Sibujaya	23.52	Projek baru yang diluluskan selepas Semakan Separuh Penggal
4.	Naiktaraf Stadium Negeri, Kuching	14.50	Projek baru yang diluluskan selepas Semakan Separuh Penggal
5.	Proposed Shooting Range Complex, Kuching	14.00	Dalam proses mengenalpasti tapak

Sumber: Rekod Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

6. PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KEDUA

6.1. Kerajaan Persekutuan telah melancarkan pakej rangsangan ekonomi kedua bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi akibat krisis ekonomi global pada tahun 2007. Pakej ini dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun iaitu 2009 dan 2010. Kerajaan Negeri Sarawak telah menerima peruntukan RM300 juta pada tahun 2009 dan 2010 untuk membiayai 467 projek di bawah pakej ini. Peruntukan tersebut telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Kerajaan – Akaun Projek Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua Di Bawah Kementerian Kewangan Malaysia Bagi Negeri Sarawak di mana Pegawai Pengawalnya adalah Setiausaha Kewangan Negeri. Bagaimanapun, sepanjang tempoh pelaksanaan, beberapa projek telah dipinda dan secara keseluruhannya terdapat pertambahan sebanyak 6 projek daripada jumlah asal. Pada akhir tahun 2013, sebanyak 473 projek di bawah pakej ini telah siap dilaksanakan. Setakat 31 Disember 2013, RM294.57 juta atau 98.2% telah dibelanjakan oleh 5 Kementerian/Jabatan/Agensi melibatkan 473 projek telah dilaksanakan seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1

Pencapaian Perbelanjaan Pakej Rangsangan Ekonomi Sehingga 31 Disember 2013

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek Diluluskan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti	214	30.00	30.00	100.0
2.	Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak	7	100.00	98.35	98.4
3.	Jabatan Kerja Raya	212	102.70	101.02	98.4
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	7	30.00	29.19	97.3
5.	Dewan Bandar Raya Kuching Utara	33	37.30	36.01	96.5
Jumlah		473	300.00	294.57	98.2

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

6.2. Analisis Audit terhadap pencapaian Pakej Rangsangan Ekonomi sehingga 31 Disember 2013 mendapati kesemua 473 projek atau 100% termasuk 6 projek tambahan telah siap dilaksanakan.

7. PERUNTUKAN KHAS RM1 BILION

7.1. Kerajaan Persekutuan juga telah mengumumkan peruntukan khas RM1 Bilion kepada Negeri Sarawak bagi tujuan menyediakan kemudahan asas luar bandar bagi tahun 2009 dan 2010. Bagi memastikan peruntukan khas RM1 Bilion ini dilaksanakan dengan berkesan, Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak diberi tanggungjawab memantau pelaksanaan projek di bawah peruntukan ini. Memandangkan peruntukan tambahan RM1 Bilion adalah secara *one-off*, Unit Perancang Negeri telah mengenal pasti projek yang dijangka tidak dapat disiapkan sepenuhnya sehingga akhir tahun 2010. Bagi menangani perkara tersebut, geran berjumlah RM657.40 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bermula Oktober 2010. Secara keseluruhannya RM1 bilion telah diperuntukkan kepada 10 Kementerian/Jabatan bagi melaksanakan 209 projek utama di bawah peruntukan khas RM1 Bilion. Setakat 31 Disember 2013, sejumlah RM874.69 juta atau 87.5% telah dibelanjakan seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1

**Peruntukan Dan Perbelanjaan Peruntukan Khas RM1 Bilion Negeri Sarawak
Sehingga 31 Disember 2013**

Bil.	Projek	Bilangan Projek	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Pembaikan Infrastruktur Kecil	1	67.93	67.93	100.0
2.	Peruntukan Khas YB Dan MP	1	57.49	57.49	100.0
3.	Infrastruktur Tebatan Banjir	1	30.00	30.00	100.0
4.	Bekalan Elektrik Luar Bandar	14	10.85	10.80	99.5
5.	Infrastruktur Sosial	28	69.38	64.72	93.3
6.	Infrastruktur Kawalan Hakisan Tebing	9	20.55	18.90	92.0
7.	Naik Taraf Sekolah Majlis Islam Sarawak	8	6.16	*5.49	89.1
8.	Pembinaan Dan Naik Taraf Masjid Dan Surau	79	25.72	22.37	87.0
9.	Infrastruktur Jalan	31	584.94	490.58	83.9
10.	Bekalan Air Luar Bandar	31	119.09	99.38	83.4
11.	Pembangunan Komuniti	1	3.00	2.40	80.0
12.	Simpanan Peruntukan	0	0.26	0.00	0.0
13.	Projek Gugur	5	4.63	4.63	100.0
Jumlah		209	1,000.00	874.69	87.5

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

Nota: * Perbelanjaan sebenar pada tahun 2012 sepatutnya RM5.49 juta dan bukannya RM7.54 juta.

7.2. Sebanyak 5 projek telah digugurkan pada tahun 2009 walaupun perbelanjaan sejumlah RM4.63 juta telah dikeluarkan untuk pampasan tanah, kerja survei dan kajian tanah. Bagaimanapun, projek yang digugurkan tidak diganti. Antara sebab projek digugurkan adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2.
Projek RM1 Bilion Negeri Sarawak Yang Digugurkan

Bil.	Kementerian	Nama Projek	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Sebab Digugurkan
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	Jambatan Batang Samarahan	70.00	0.46	Projek digugurkan kerana tempoh pelaksanaan melebihi 24 bulan. Pihak Unit Perancang Negeri (UPN) turut mengambil kira kemungkinan projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh tahun 2009 hingga tahun 2010. UPN telah mencadangkan supaya jadual pembinaan serta perancangan bajet bagi kedua-dua jambatan ini diselaraskan serta dimasukkan dalam RMKe-10 kerana projek ini telah diluluskan dan pernah diumumkan kepada rakyat.
		Jambatan Batang Sadong	70.00	2.88	Projek digugurkan kerana tempoh pelaksanaan melebihi 24 bulan. Namun projek ini telah diluluskan dalam Rolling Plan Kedua RMKe-10 (2012-2013) dengan siling RM115 juta.
2.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Membina Jalan Tuei/Supa/Manggut Pusa, Betong	60.00	0.65	Projek digugurkan kerana tempoh pelaksanaan yang melebihi 24 bulan dan berkeutamaan rendah.
		Membina Jalan Mengkalap/ Semampuan, Lawas	54.00	0.48	Projek digugurkan kerana tempoh pelaksanaan yang melebihi 24 bulan dan berkeutamaan rendah.
		Membina Jalan Stakan Melayu Kota Samarahan	10.50	0.16	Projek digugurkan kerana tempoh pelaksanaan yang melebihi 24 bulan dan berkeutamaan rendah.
Jumlah			264.50	4.63	

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

7.3. Antara projek yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2013 adalah projek infrastruktur seperti pembinaan dan menaiktaraf masjid, bangunan serta sekolah, pembinaan dan menaiktaraf jalan, bekalan elektrik serta bekalan air luar bandar dan pembinaan taman awam. Pencapaian pelaksanaan projek fizikal mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Pencapaian Pelaksanaan Projek Fizikal RM1 Bilion Setakat 31 Disember 2013

Bil.	Kementerian/Jabatan	Bilangan Projek			
		Jumlah Projek	Siap Sebenar	Sedang Dilaksana	Gugur
1.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan	110	105	3	2
2.	Jabatan Ketua Menteri	68	68	0	0
3.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	12	8	1	3
4.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti	10	10	0	0
5.	Pejabat Pembangunan Negeri	4	4	0	0
6.	Kementerian Pembangunan Sosial	1	1	0	0
7.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	1	1	0	0
8.	Syarikat Sesco Berhad	1	1	0	0
9.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	1	1	0	0
10.	Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia	1	1	0	0
Jumlah			209	200	4
					5

Sumber: Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri

7.4. Analisis Audit mendapati daripada 4 projek yang sedang dilaksanakan, 1 atau 25% adalah projek tenat iaitu Projek memasang Micro Hidro di Kampung Long Semiang Baram di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan dan 3 projek atau 75% masih dalam perancangan iaitu di peringkat proses reka bentuk, tender atau penyediaan tapak iaitu Kajian Pengawalan Hakisan Pantai di Kampung Awat-Awat Lawas di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Projek Loji Air Tinjar Fasa 1 Paket 2 (Package Plant & M&E works) dan Pembinaan Jalan dari Lawas ke Long Sukang Limbang di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan. Antara sebab projek tenat ialah disebabkan jalan dan jambatan untuk masuk ke Kampung Long Semiang telah runtuh menyebabkan kerja pembinaan terpaksa dihentikan sementara waktu untuk memberi laluan memperbaiki jalan yang telah rosak dan cuaca yang tidak menentu menyebabkan kerja membaik pulih mengambil masa yang lama. Manakala antara sebab projek belum dimulakan adalah tapak projek berada di persisiran pantai serta keputusan dibuat supaya kajian diadakan terlebih dahulu untuk mengenal pasti impak laut ke atas kawasan berkenaan, isu pertelingkahan antara penduduk tempatan dengan kontraktor dan sedang dalam proses penilaian tender.

8. RUMUSAN

Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-10 bagi tahun 2013 adalah sangat baik. Sejumlah RM3.38 bilion atau 92.1% daripada RM3.67 bilion telah dibelanjakan dan 278 atau 81.5% daripada 341 projek telah siap/sedang dilaksanakan. Pencapaian perbelanjaan projek di bawah Paket Rangsangan Ekonomi Kedua adalah sangat baik di mana sehingga akhir tahun 2013, sejumlah RM294.57 juta daripada RM300 juta atau 98.2% telah dibelanjakan dan kesemua 473 projek siap dilaksanakan. Pencapaian perbelanjaan projek di bawah peruntukan khas RM1 Bilion adalah baik. Pada akhir tahun 2013, sejumlah RM874.69 juta daripada RM1 bilion atau 87.5% telah dibelanjakan dan 200 atau 95.7% daripada 209 keseluruhan projek siap dilaksanakan.

BAHAGIAN IV

Pencapaian Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

9. LATAR BELAKANG

9.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan. Manakala Bahagian IV, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995, Bahagian V dan VI, Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996, Bahagian II, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 dan Bahagian IX, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 telah menetapkan tugas Ahli Lembaga Pengarah/Pengarah/Setiausaha Majlis di sesebuah Agenzi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dan kawalan dalam pengurusan kewangan.

9.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

10. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

10.1. Pada tahun 2013, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Perbendaharaan Negeri telah memantapkan visi Kerajaan Negeri iaitu ‘Perkhidmatan Awam Bertaraf Dunia’ melalui inisiatif berikut:

10.1.1. Melaksanakan Sistem *Management Of Moveable Asset* (MMAS). Tujuannya ialah untuk memastikan pengurusan aset mudah alih dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan keberkesanan kos. Sistem ini diwujudkan untuk pendaftaran, penggunaan, penyenggaraan, pelupusan dan hapus kira aset mudah alih.

10.1.2. Menyiapkan Panduan Pengurusan Kewangan untuk sektor awam negeri. Ini adalah usaha untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia dalam pengurusan kewangan.

10.1.3. Meningkatkan *State Integrated Financial Budgeting and Accounting System* (SIFBAS). Sistem ini bertujuan menyedia bajet yang sistematik, mengesan prestasi, laporan, pemantauan, memudahkan proses membuat keputusan dan perancangan jangka panjang.

10.1.4. Melaksanakan Sistem Resit Berkomputer untuk PTJ di seluruh negeri Sarawak dan bersepadu dengan Sistem Pengebilan.

10.1.5. Melaksanakan *E-Lodgement* secara elektronik di seluruh negeri Sarawak yang bersepadu dengan Sistem Resit Berkomputer.

10.1.6. Melaksanakan Sistem Pengebilan Kerajaan secara elektronik diseluruh negeri Sarawak. Sistem ini juga bersepadu dengan Sistem Resit Berkomputer.

11. PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri. Bagi Kementerian/Jabatan, aspek pengurusan kewangan dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Kerajaan. Manakala bagi Perbadaharaan Negeri dan Agenzi pula, selain daripada 6 aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Penyata Kewangan. Bagi setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Kementerian/Jabatan/Agenzi yang dinilai akan ditentukan penarafan berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

11.1. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

11.1.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

11.1.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan terimaan, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit, aset kerajaan, pelaburan, pinjaman serta penyata kewangan.

11.1.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

11.1.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

11.2. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

11.2.1. Pengauditan telah dijalankan di 61 pusat tanggungjawab yang merangkumi 9 Jabatan serta 30 Pejabat Bahagian, 8 Badan Berkanun Negeri, 7 Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Islam Sarawak (3 Agensi) dan Jabatan Ketua Menteri (4 PTJ). Bagaimanapun, bagi tujuan penggabungan laporan hanya 26 Jabatan/Agensi Negeri diberi penarafan. Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 kawalan utama, iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit serta pengurusan aset Kerajaan. Bagi Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri pula 3 aspek kawalan tambahan diaudit iaitu pengurusan pelaburan, pinjaman dan penyata kewangan turut dinilai.

11.2.2. Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan untuk setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2013 di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2012 bagi menentukan pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

11.3. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 26 Jabatan/Agensi Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan mengikut jenis kawalan. Bagaimanapun, bagi tujuan penggabungan laporan hanya kriteria utama sahaja yang dibincangkan seperti berikut:

11.3.1. Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan jawatankuasa yang diwujudkan dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

11.3.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan dikemaskinikan. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas seperti kehendak Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 juga perlu dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas hendaklah dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Negeri bagi membangunkan sumber manusia yang berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

11.3.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan seperti kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- c. Pemeriksaan mengejut selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 309 dijalankan secara berkala terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan dibuat.

- d. Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

11.3.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus Setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus

Surat Pekeliling (Perj. Bil.6/2010) bertarikh 27.4.2010 telah memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bersetuju menerima pakai Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 - Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU). Sehubungan itu, semua ketua Jabatan/Agensi Negeri dan Residen dikehendaki menukuhan Jawatankuasa tersebut. Arahan tersebut antara lain menetapkan Ketua Pejabat mempengerusikan mesyuarat, ahli jawatankuasa dilantik, bermesyuarat setiap 4 bulan, berbincang perkara yang ditetapkan, Laporan disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada pihak berkuasa lebih tinggi dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam dan mengemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Laporan Audit Dalam dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi untuk tindakan manakala tanggungjawab Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi adalah memastikan tindakan susulan diambil terhadap Laporan Audit Dalam. Dalam konteks Kerajaan Negeri, Unit Audit Dalam ini bermaksud Unit Audit Dalam yang telah diluluskan penubuhannya di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

11.3.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

11.3.2. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan projek dan pelaporan seperti berikut:

11.3.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/Jabatan/Pejabat dikeluarkan melalui Pekeliling Setiausaha Kewangan Sarawak Bil. 1 Tahun 2011 bertarikh 13 Mei 2011 (*Guideline On The Preparation And Submission Of Revenue And Expenditure Estimates 2012-2013*). Bagi Agensi Negeri peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet adalah melalui Ordinan tubuh masing-masing, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995 (pindaan 2004) dan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 serta dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Kementerian masing-masing untuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebaliknya bajet bagi Majlis Islam Sarawak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah melalui Lembaga Baitulmal Dan Wakaf untuk kelulusan. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran yang disediakan, prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet kepada Setiausaha Kewangan Negeri/Lembaga Pengarah.

11.3.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Islam Sarawak,

pengagihan peruntukan dibuat mengikut peraturan kewangan masing-masing. Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan juga telah ditetapkan bagi Pihak Berkuasa Tempatan dalam Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996 dan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 di mana Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat serta pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan. Pengagihan waran/peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

11.3.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis selaras dengan kehendak Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan, 1957. Seksyen 3(c), Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan), 1995 (Pindaan 2004) dan peraturan 11, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 membenarkan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan membuat pindah peruntukan dengan kelulusan Menteri berpanduan garis panduan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan atau tahun berikutnya mengikut peraturan kewangan dan Ordinan tubuh masing-masing. Semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negeri sebelum penutupan Akaun Awam Negeri bagi tahun kewangan berkenaan untuk Jabatan/Pejabat manakala bagi Agensi Negeri pindah peruntukan dibuat di peringkat masing-masing. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pejabat perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Nombor 5 Tahun 2007 juga menetapkan pindah peruntukan/viremen adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri/Menteri Kewangan terlebih dahulu.

11.3.2.4. Pemantauan Kemajuan Projek

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2012 menetapkan Pegawai Pengawal perlu memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi supaya dapat dilaksanakan mengikut jadual dan mengambil perhatian mengenai keperluan mengemas kini maklumat projek pembangunan melalui Sistem Pemantauan Projek dari semasa ke semasa.

11.3.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi hendaklah memastikan Laporan Suku Tahunan Jabatan/Agensi Pelaksana dikemukakan kepada Kementerian masing-masing. Selain itu, Laporan Suku Tahunan Prestasi Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan bagi peruntukan Negeri dan Persekutuan hendaklah dikemukakan kepada Unit

Pemantauan Pelaksanaan Negeri seperti kehendak Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Sarawak Nombor 23 Tahun 2006. Bagi Badan Berkanun Negeri Laporan Anggaran Bajet Tahunan disediakan dan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan Menteri yang bertanggungjawab. Pihak Berkuasa Tempatan pula mengemukakan Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan, Laporan Prestasi Perbelanjaan pada setiap bulan dan mana-mana laporan apabila diminta oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

11.3.3. Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan pengurusan Akaun Belum Terima seperti berikut:

11.3.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

11.3.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, penerimaan melalui telpon dan penerimaan wang di kaunter.

11.3.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak dimasukkan ke bank.

11.3.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan

Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri bagi Jabatan/Agensi Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan/Penyata Penyesuaian Bank dan ketepatan Buku Tunai bagi Jabatan/Agensi Negeri.

11.3.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan juga Arahan Perbendaharaan 89A. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak. Peraturan 81, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan pula menjelaskan bahawa Penyata Akaun Belum Terima/Tunggakan Hasil perlu disediakan pada 31 Disember setiap tahun.

11.3.4. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

11.3.4.1. Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

11.3.4.2. Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

11.3.4.3. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta panjar wang runcit.

11.3.5. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit seperti berikut:

11.3.5.1. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Tatacara Pengurusan Akaun Amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001 dan Arahan Akaun Amanah yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

11.3.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman mengikut Peraturan 103, Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Tahun 1996 serta Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti syarat pinjaman kenderaan, peti sejuk, komputer, mesin basuh dan kelengkapan dapur telah ditetapkan di bawah Peraturan 133 dan 134, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 dan juga di Jadual 12, Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Tahun 1996.

11.3.5.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan betul Akaun Deposit di bawah jagaannya serta AP 162 menjelaskan bahawa deposit yang tidak diperlukan lagi dan tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit. Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mewartakan deposit berkenaan dan sekiranya masih tidak dituntut dalam tempoh 3 bulan selepas pemberitahuan itu, deposit tersebut hendaklah dikreditkan kepada hasil Kerajaan.

11.3.6. Pengurusan Aset Kerajaan

Aset dan inventori yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Pada tahun 2013, melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. 2 Tahun 2013 Mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Negeri dan Pelaksanaan *Management Of Moveable Asset System (MMAS)* Fasa 1 berkuatkuasa 31 Julai 2013, pendaftaran aset bagi Kementerian/Jabatan/Pejabat Kerajaan akan dibuat

melalui MMAS iaitu sebuah sistem di bawah SIFBAS yang berasaskan web. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agenzi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan berhubung dengan perkara berikut:

11.3.6.1. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan

- a. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) hendaklah diwujudkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Ibu Pejabat. Keanggotaan JKPAK adalah seperti berikut:

Pengerusi:	Sekurang-kurangnya Gred 48 ke atas: Ketua Penolong Setiausaha (Peringkat Kementerian) Timbalan Pengarah (Peringkat Jabatan/Ibu Pejabat) Timbalan Residen (Peringkat Pentadbiran Bahagian Dan Daerah)
Setiausaha:	Pegawai Aset di peringkat Kementerian/Jabatan/Ibu Pejabat
Ahli:	Semua Ketua Pejabat Bahagian/Pejabat Daerah Semua Ketua Bahagian/Unit di Kementerian/Jabatan/Ibu Pejabat Pegawai-pegawai lain yang sesuai

- b. Agenda mesyuarat JKPAK adalah seperti merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset, kedudukan Semasa Aset Alih, Laporan Hasil Pemeriksaan Aset Alih, Laporan Tindakan Pelupusan, Laporan Tindakan Surcaj/Tata tertib dan masalah berkaitan dengan pengurusan aset alih. Mesyuarat JKPAK hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam 6 bulan dan hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak melalui Pegawai Pengawal.

11.3.6.2. Penerimaan

Seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

11.3.6.3. Pendaftaran

Aset perlu didaftarkan sebaik sahaja pengesahan telah dibuat oleh Pegawai Penerima. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan diberi nombor siri pendaftaran.

11.3.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi seperti berikut:

- a. Aset digunakan hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun manakala verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Setiausaha Kewangan Negeri.
- c. Surat Pekeliling No. Bil. 28 Tahun 2006 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan. Pegawai yang dilantik hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada pegawai dalam Kategori VIII atau Sistem Saran Malaysia Gred N22.
- d. Surat Pekeliling No. Bil. 4/2003 pula menetapkan penggunaan kenderaan Pegawai Kanan Kerajaan Negeri dikawal dengan teratur di mana kos penyenggaraan kereta dan pembelian minyak sebulan tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Surat Pekeliling No. Bil. 28 Tahun 2006 dan Bil. 21 Tahun 2010, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

11.3.6.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan

dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi.

- b. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

11.3.6.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan disahkan dengan menurunkan tandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

11.3.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan/Ketua Pejabat/Ketua Agensi dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan berlaku. Ketua Jabatan/Ketua Pejabat/Ketua Agensi menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Setiausaha Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh kehilangan. Sesalinan Laporan Awal juga dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Setiausaha Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.

- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

11.3.7. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

11.3.8. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

11.3.9. Penyata Kewangan

Seksyen 4, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 dan Pekeling Prosedur Kewangan Dan Perakaunan Bil. 2 Tahun 1995 yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak menghendaki Badan-badan Berkanun Negeri mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Mengikut Peraturan 37, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki menyedia dan menyerahkan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Peraturan kewangan ini membolehkan penyata kewangan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pembentangan awal juga membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri dengan lebih jelas, lengkap dan relevan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

11.4.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

11.4.1.1. Jabatan/Agensi Negeri


Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 26 Jabatan/Agensi Negeri berbanding 25 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2012. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2013 adalah baik dan bertambah baik daripada pencapaian tahun 2012. Prestasi keseluruhan pengurusan kewangan bagi tahun 2013 adalah 10 Jabatan/Agensi iaitu Jabatan Perbendaharaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, Jabatan Ketua Menteri, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, Majlis Bandaraya Miri, Jabatan Tanah Dan Survei, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak dan Lembaga Air Sibu mencapai tahap sangat baik dan 16 Jabatan/Agensi mencapai tahap baik. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2013 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 11.2** manakala pencapaian mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 adalah seperti di **Carta 11.1**.

Jadual 11.2
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tahun 2007 Hingga 2013

Tahap Penarafan	Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri						
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Sangat Baik	0	0	4	4	6	8	10
Baik	11	20	24	22	32	17	16
Memuaskan	7	2	11	5	2	0	0
Tidak Memuaskan	0	1	0	0	0	0	0
Jumlah	18	23	39	31	40	25	26

Sumber: Jabatan Audit Negara

Carta 11.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri



Sumber: Jabatan Audit Negara

11.4.1.2. Jabatan Di Peringkat Ibu Pejabat Dan Pejabat Bahagian

Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap 29 pusat tanggungjawab merangkumi Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian bagi Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2013 adalah baik. Berdasarkan pengauditan pengurusan kewangan didapati 8 pusat tanggungjawab iaitu Jabatan Tanah Dan Survei (Ibu Pejabat), Pejabat Bahagian Samarahan, Sri Aman, Limbang, Bintulu, Miri, Sibu dan Sarikei mencapai tahap sangat baik dan 21 pusat tanggungjawab mencapai tahap baik. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian bagi tahun 2013 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3

Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Pejabat Bahagian Di Bawah Jabatan Bagi Tahun 2013

Jabatan	Bilangan Ibu Pejabat Dan Bahagian	Tahap Penarafan	
		Sangat Baik	Baik
Jabatan Hutan Sarawak	5	0	5
Jabatan Tanah Dan Survei	12	8	4
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak	12	0	12
Jumlah	29	8	21


Sumber: Jabatan Audit Negara

11.4.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

11.4.2.1. Jabatan

Semakan Audit di 9 Jabatan mendapati Jabatan Ketua Menteri memperoleh tahap sangat baik, 4 Jabatan mencapai tahap baik, 3 Jabatan mencapai tahap memuaskan manakala Jabatan Peguam Besar, Negeri Sarawak pada tahap tidak memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Kawalan Bajet pula, kesemua Jabatan memperoleh tahap sangat baik. Bagi Kawalan Terimaan, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Tanah Dan Survei memperoleh tahap sangat baik, 2 Jabatan mencapai tahap baik manakala Jabatan Hutan Sarawak pada tahap memuaskan. Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak memperoleh tahap sangat baik dan 7 Jabatan mencapai tahap baik dalam Kawalan Perbelanjaan. Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit pula, 4 Jabatan memperoleh sangat baik dan 5 Jabatan mencapai tahap baik. Bagaimanapun, bagi Pengurusan Aset Kerajaan 3 Jabatan mencapai tahap baik, 6 Jabatan pada tahap memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan utama bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 11.2**.

Carta 11.2
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Terhadap Kawalan Utama Bagi Jabatan Tahun 2013




Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 4 Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Elemen Terimaan

11.4.2.2. Jabatan Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri

- a. Tahap prestasi pengurusan kewangan terhadap Perbendaharaan Negeri dan 16 Agensi Negeri mendapat Jabatan Perbendaharaan Negeri serta 2 Agensi mencapai tahap sangat baik, 8 Agensi pada tahap baik dan 6 Agensi pada tahap memuaskan dalam Kawalan Pengurusan. Bagi Kawalan Bajet Jabatan Perbendaharaan Negeri serta 15 Agensi mencapai tahap sangat baik manakala Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar mencapai tahap baik. Kawalan Terimaan pula, Jabatan Perbendaharaan Negeri serta 11 Agensi berada pada tahap sangat baik dan 5 Agensi mencapai tahap baik. Jabatan Perbendaharaan Negeri serta 12 Agensi mencapai tahap sangat baik dan 4 Agensi mencapai tahap baik dalam Kawalan Perbelanjaan. Bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, Jabatan Perbendaharaan Negeri serta 6 Agensi mencapai tahap sangat baik, 8 Agensi mencapai tahap baik dan 2 Agensi pada tahap memuaskan. Jabatan Perbendaharaan Negeri serta 3 Agensi mencapai tahap sangat baik, 9 Agensi mencapai tahap baik dan 3 Agensi pada tahap memuaskan dalam kawalan Pengurusan Aset Kerajaan. Bagi Pengurusan Pelaburan, Jabatan Perbendaharaan Negeri serta 6 Agensi mencapai tahap sangat baik manakala 10 Agensi pada tahap baik. Selain itu, 4 Agensi mencapai tahap sangat baik, Jabatan Perbendaharaan Negeri serta 3 Agensi mencapai tahap baik dan Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah pada tahap memuaskan dalam Pengurusan Pinjaman. Jabatan Perbendaharaan Negeri serta 14 Agensi mencapai tahap sangat baik dan 2 Agensi mencapai tahap baik dalam Pengesahan Penyata Kewangan. Maklumat lanjut seperti di **Carta 11.3**.

Carta 11.3
Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Terhadap Kawalan Utama Bagi Jabatan Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 1 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pengurusan Aset

8 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pengurusan Pinjaman


b. Kelemahan berkaitan dengan Kawalan Pengurusan adalah seperti berikut:

i. **Kawalan Pengurusan**

- Carta organisasi tidak dipamerkan.
- Daftar Induk Penurunan Kuasa tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Surat penurunan kuasa secara khusus kepada pegawai yang terlibat dengan kutipan hasil tidak disediakan.
- Senarai tugas tidak disediakan.
- Fail Meja tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan.
- Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkod dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.
- Rancangan Latihan tidak disediakan bagi Kursus Pengurusan Kewangan.
- Pegawai tidak mencapai tempoh berkursus yang ditetapkan.
- Pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan tidak pernah menghadiri kursus pengurusan kewangan dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

11.4.3. Perbandingan Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri


11.4.3.1. Empat Jabatan/Agenzi Negeri yang wajib diaudit setiap tahun adalah Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Perbendaharaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Majlis Islam Sarawak. Secara keseluruhannya, tiga Jabatan/Agenzi Negeri telah menunjukkan Pengurusan Kewangan pada tahap sangat baik manakala satu Agenzi Negeri iaitu Majlis Islam Sarawak pada tahap baik. Pencapaian Jabatan Perbendaharaan Negeri meningkat kepada 96.32% berbanding 91.88% pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan Jabatan Perbendaharaan Negeri telah menambah baik Kawalan Pengurusan, Perbelanjaan dan Pengurusan Aset Kerajaan. Pencapaian Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak pula meningkat kepada 94.29% berbanding 93.82% pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan Perbadanan telah menambah baik Kawalan Pengurusan dan Pengurusan Aset Dan Stor. Pencapaian Majlis Islam Sarawak meningkat kepada 86.29% berbanding 85.53% pada tahun 2012 kerana penambahaikan dalam Kawalan Pengurusan dan Pengurusan Aset Dan Stor. Selain itu, Pusat Penerangan Islam dan Biro Perkhidmatan Pendidikan di bawah Majlis Agama Islam Sarawak telah dipilih sebagai sampel untuk kali kedua. Pencapaian Jabatan Ketua Menteri meningkat kepada 93.04% berbanding 91.22% pada tahun 2012. Perbandingan tahap pencapaian pengurusan kewangan 4 Jabatan/Agenzi Negeri tersebut adalah seperti di **Carta 11.4.**



Sumber: Jabatan Audit Negara

11.4.3.2. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi 8 Jabatan yang telah dilaksanakan pengauditan AI untuk pusingan kedua dan ketiga menunjukkan peningkatan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi 6 Jabatan iaitu di antara 2.91% ke 16.87% pada tahun 2013 berbanding dengan pencapaian pada tahun 2010/2012. Ini menunjukkan Jabatan telah mengambil langkah positif untuk meningkatkan tahap pengurusan Kewangan selepas pusingan pertama dan kedua pengauditan AI dilaksanakan. Dua Jabatan pula menunjukkan penurunan di antara 1.91% dan 5.03% kerana kelemahan dalam Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Aset Dan Inventori. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti di **Carta 11.5**.

Carta 11.5
Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan Tahun 2013 Berbanding Pengauditran Tahun Sebelumnya




Sumber: Jabatan Audit Negara

11.4.3.3. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi 7 Badan Berkanun Negeri (BBN) yang telah dilaksanakan pengauditan AI untuk pusingan ketiga telah menunjukkan peningkatan di antara 4.97% ke 37.82% pada tahun 2013 berbanding dengan pencapaian pada tahun 2010. Ini menunjukkan BBN tersebut telah mengambil langkah positif untuk meningkatkan tahap pengurusan kewangan selepas pusingan kedua pengauditan AI

dilaksanakan. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti di **Carta 11.6**.

Carta 11.6


Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

11.4.3.4. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi 7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah dilaksanakan pengauditan AI untuk pusingan ketiga, PBT tersebut menunjukkan peningkatan di antara 1.60% ke 15.23% pada tahun 2013 berbanding dengan pencapaian pada tahun 2010. Ini menunjukkan PBT tersebut telah mengambil langkah positif untuk meningkatkan tahap pengurusan kewangan selepas pusingan kedua pengauditan AI dilaksanakan. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti di **Carta 11.7**.

Carta 11.7
Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2013 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya



Sumber: Jabatan Audit Negara

11.5. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan 308 dan 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 46 Jabatan/Pejabat/Agenzi di Negeri Sarawak.

11.6. PENEMUAN AUDIT

11.6.1. Pemeriksaan Audit Mengejut yang telah dijalankan terhadap 46 Jabatan/Pejabat/Agenzi mendapati 10 Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Agama Islam Bahagian Miri, Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Sibu dan Kapit, Pejabat Daerah Bau, Pejabat Daerah Kecil Sibuti, Taman Negara Kubah Kuching, Pejabat Pertanian Daerah Kecil Sebauh, Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Betong, Jabatan Pertanian (Bahagian Veterinar) Miri, Pusat Hidupan Liar Matang, Kuching dan Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Miri telah mematuhi peraturan dengan baik. Namun begitu bagi 36

Jabatan/Pejabat lain didapati terdapat beberapa kelemahan seperti di **Jadual 11.4**. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalam serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Jadual 11.4

Penemuan Pemeriksaan Audit Mengejut di Negeri Sarawak Tahun 2013

Bil	Nama Jabatan/Pejabat/Agensi	Penemuan Audit
1.	Ibu Pejabat Jabatan Hutan, Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Sejumlah RM45,667 wang kutipan hasil dari pengeluaran lesen atau permit di Ibu Pejabat Jabatan Hutan Sarawak bagi tempoh Mac 2012 hingga September 2013 tidak diakaunkan iaitu RM22,705 tidak diakaunkan dan RM22,962 lewat dibankkan ii. Jumlah kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai iii. Daftar Mel tidak diselenggarakan bagi terimaan melalui pos iv. Tiada surat perwakilan kuasa secara bertulis disediakan oleh Ketua Jabatan v. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut secara berkala vi. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut vii. Penyelia tidak membuat semakan ke atas cetakan slip bank/penyata pemungut
2.	Jabatan Laut Malaysia, Kawasan Sarawak Tengah, Sibu	<ul style="list-style-type: none"> i. Wang kutipan yang tidak sempat dibankkan disimpan dalam kabinet berkunci ii. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan iii. Semua terimaan dan pengeluaran setem direkodkan tetapi tidak disahkan oleh Ketua Jabatan
3.	Jabatan Laut Malaysia, Kawasan Sarawak Tengah, Sarikei	<ul style="list-style-type: none"> i. Jumlah kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai ii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala
4.	Pejabat Agama Islam, Bahagian Limbang	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyelia tidak membuat semakan ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut ii. Tiada perwakilan kuasa secara bertulis disediakan oleh Ketua Jabatan iii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem iv. Semua terimaan dan pengeluaran setem direkod tetapi tidak disahkan oleh Ketua Jabatan
5.	Pejabat Agama Islam, Bahagian Mukah	<ul style="list-style-type: none"> i. Peti besi tidak dicantumkan pada rangka bangunan ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut secara berkala iii. Pemeriksaan Mengejut hanya merangkumi setem sahaja
6.	Pejabat Daerah Kuching	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua terimaan dan pengeluaran setem direkod tetapi tidak disahkan oleh Ketua Jabatan ii. Anak kunci peti besi dipegang oleh seorang pegawai sahaja iii. Peti besi tidak dicantumkan pada rangka bangunan iv. Pemeriksaan Mengejut tidak pernah dijalankan oleh Ketua Jabatan v. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan

Bil	Nama Jabatan/Pejabat/Agensi	Penemuan Audit
7.	Pejabat Daerah Samarahan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut
8.	Pejabat Daerah Asajaya	<ul style="list-style-type: none"> i. Buku Resit belum didaftarkan dalam Daftar Borang Hasil yang diterima ii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan
9.	Pejabat Daerah Sadong Jaya	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat ii. Tiada perwakilan kuasa secara bertulis disediakan oleh Ketua Jabatan iii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala iv. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut v. Tiada surat perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan oleh Ketua Jabatan
10.	Pejabat Daerah Lubok Antu	<ul style="list-style-type: none"> i. Wang kutipan lewat dibankkan
11.	Pejabat Daerah Sibu	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak dibankkan dengan segera ii. Kutipan yang tidak sempat dibankkan disimpan dalam kabinet berkunci iii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan iv. Peti besi tidak digunakan untuk menyimpan wang kutipan tunai dan stok borang hasil v. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala vi. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut vii. Terdapat pindaan terhadap resit
12.	Pejabat Daerah Miri	<ul style="list-style-type: none"> i. Surat kuasa secara bertulis ada disediakan tetapi tidak ditandatangan oleh Ketua Jabatan ii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala iii. Nama dan jawatan pegawai yang menjalankan Pemeriksaan Mengejut tidak dicatatkan
13.	Pejabat Daerah Limbang	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat perwakilan kuasa secara bertulis disediakan oleh Ketua Jabatan ii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala
14.	Pejabat Daerah Sarikei	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang memegang kunci peti besi tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan ii. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala
15.	Jabatan Pertanian, Daerah Bau	<ul style="list-style-type: none"> i. Terimaan dan pengeluaran setem direkodkan tetapi tidak disahkan oleh Ketua Jabatan ii. 2 kunci berasingan bagi Peti Besi dipegang oleh seorang pegawai sahaja iii. Pemeriksaan Mengejut tidak pernah dijalankan oleh Ketua Jabatan
16.	Jabatan Pertanian (Bahagian Veterinar), Sibu	<ul style="list-style-type: none"> i. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat ii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan iii. Pegawai yang bertanggungjawab memegang anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan iv. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala

Bil	Nama Jabatan/Pejabat/Agensi	Penemuan Audit
17.	Pejabat Daerah Meradong	i. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dengan lengkap
18.	Jabatan Pertanian, Long Lama	i. Tiada surat kuasa dikeluarkan oleh Ketua Jabatan bagi pegawai yang memegang kunci peti besi
19.	Pejabat Pertanian, Daerah Meradong	i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut
20.	Pejabat Pembangunan Sosial, Bahagian Sarikei	i. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dengan lengkap
21.	Pejabat Pembangunan Sosial, Bahagian Bintulu	i. Pegawai yang memegang kod kombinasi peti besi turut memegang kunci ii. Peti besi tidak dicantumkan pada rangka bangunan
22.	Dewan Suarah Negeri, Kuching	i. Perakuan di belakang helai pertama salinan Buku Resit untuk mengesahkan bahawa nombor siri resit adalah betul tidak dilakukan ii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem iii. Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan di semua kaunter kutipan, ke atas setem dan hasil
23.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak	i. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut
24.	Jabatan Tanah dan Survei, Bahagian Miri	i. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan oleh Ketua Jabatan secara berkala ii. Surat perwakilan kuasa ada disediakan tetapi tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan
25.	Pejabat Perbendaharaan Kecil Lubok Antu	i. 36 cek berjumlah RM20,880.66 yang telah ditunai di Perbendaharaan Lubok Antu belum diremit ke Perbendaharaan Bahagian antara 2 hingga 3 hari
26.	Pejabat Taman Negara, Bukit Lambir	i. Wang kutipan tidak dibankkan dengan segera ii. Wang kutipan yang tidak sempat dibankkan disimpan dalam kabinet berkunci
27.	Tabung Baitulmal Sarawak, Cawangan Samarahan	i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan ii. Tiada perakuan resit rasmi dibuat di belakang helai pertama salinan pejabat iii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan iv. Surat kuasa untuk menerima wang fidyah tidak disediakan v. Daftar Setem tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini vi. Daftar pembayaran wang untuk dibahagi-bahagikan tidak disemak oleh Ketua Jabatan
28.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak, Miri	i. Penyelia tidak membuat semakan ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut ii. Perakuan tidak dibuat di belakang helai pertama salinan pejabat iii. Daftar Setem tidak dikemaskini iv. Terimaan dan pengeluaran setem direkod tidak disahkan oleh Ketua Jabatan v. Pemeriksaan Mengejut hanya dijalankan untuk panjar wang runcit sahaja. Ketua Jabatan tidak pernah menjalankan pemeriksaan mengejut bagi setem, kutipan hasil dan aset berharga vi. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut
29.	Lembaga Pelabuhan Kuching	i. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem ii. Pengeluaran setem tidak direkod dalam Daftar Setem

Bil	Nama Jabatan/Pejabat/Agensi	Penemuan Audit
30.	Lembaga Pelabuhan Miri	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemeriksaan Mengejut yang dijalankan oleh dua orang pegawai tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan ii. Daftar kunci peti besi tidak diselenggarakan dan tiada surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan iii. Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan
31.	Lembaga Air Kuching	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada ruangan kelulusan Ketua Jabatan pada Baucar Bayaran Panjar Wang Runcit di Bahagian Pentadbiran ii. Pemeriksaan Mengejut secara berkala bagi tahun 2012 dilakukan kecuali peti besi
32.	Majlis Bandaraya Miri	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang memegang kunci bilik kebal tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan
33.	Majlis Perbandaran Padawan	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar barang-barang berharga tidak diselenggara dengan sempurna ii. Daftar Pelaburan tidak dikemas kini iii. Terimaan dan pengeluaran setem pos direkod tetapi tidak disahkan oleh Ketua Jabatan iv. Tiada pengasingan tugas kepada pegawai yang memegang kunci dan kod kombinasi bilik kebal
34.	Majlis Daerah Lundu	<ul style="list-style-type: none"> i. Kod kombinasi peti besi telah rosak. Anak kunci peti besi dipegang oleh dua orang pegawai. Bagaimanapun, surat lantikan bagi dua orang pegawai tersebut tidak dikemukakan ii. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan iii. Tiada Pemeriksaan Mengejut dijalankan terhadap setem
35.	Majlis Daerah Lubok Antu	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada surat perwakilan kuasa untuk mengutip hasil bagi tahun 2012 dan dari 01.01.2013 hingga 14.04.2013 dikeluarkan oleh Pemangku Ketua Jabatan kepada Penolong Akauntan (W27) ii. Kod kombinasi peti besi telah rosak. Anak kunci peti besi dipegang oleh Penolong Akauntan (W27) dan Pembantu Tadbir Kewangan (W17). Bagaimanapun, surat lantikan bagi pegawai memegang kunci tidak dikemukakan kepada pihak Audit iii. Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan secara lengkap dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut
36.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	<ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang memegang kunci peti besi/bilik kebal dipegang oleh seorang pegawai sahaja di Bahagian Kewangan ii. Surat kuasa secara bertulis untuk memegang anak kunci peti besi tidak dikemukakan semasa pengauditan

Sumber: Jabatan Audit Negara

11.6.2. Kejadian di Ibu Pejabat Jabatan Hutan telah dibangkitkan pada Januari 2014 dan pihak Jabatan Hutan Sarawak telah membuat laporan polis pada Februari 2014. Satu siasatan dalaman sedang dijalankan untuk perakuan tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang terlibat.

12. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pencapaian pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara berikut:

- 12.1.** Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit/Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus membincangkan secara terperinci isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan diambil. Tindakan pembetulan adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat dibetulkan manakala tindakan pencegahan adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jika bersesuaian tindakan surc妖/tataterribit terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan.
- 12.2.** Penglibatan secara *hands-on* dan penyeliaan rapi di peringkat Pegawai Penyelia hingga ke peringkat Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu ditingkatkan. Di samping itu mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan serta melaksanakan pusingan kerja di tempat yang berisiko tinggi dalam pengurusan kewangan.
- 12.3.** Pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah sekali dalam tempoh pusingan 3 tahun. Justeru itu, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan naziran dalaman berkala dijalankan untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan.
- 12.4.** Untuk amalan terbaik Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan berpandukan “Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan” yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Begitu juga latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

BAHAGIAN V

Penyerahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agenzi Negeri



BAHAGIAN V

PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

13. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Islam Sarawak (MIS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kumpulan Wang. Pengauditan ini adalah untuk mengesahkan dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan piawaian yang diluluskan.

13.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

13.1.1. Untuk Negeri Sarawak, Ketua Audit Negara mengaudit 23 BBN, 25 PBT dan MIS. Pada tahun 2013, pengauditan terhadap MIS telah dijalankan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala pengauditan terhadap 23 BBN dan 25 PBT telah dijalankan oleh Firma Audit Swasta (FAS) bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit, 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

13.1.2. Pengauditan yang dijalankan oleh FAS diselia dan dipantau oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Pemantauan dibuat semasa pengauditan interim dan muktamad dilaksanakan oleh FAS. Kertas kerja pengauditan yang disediakan oleh FAS juga telah disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Bagi meningkatkan mutu pengauditan dan membantu pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh FAS, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Prosedur Kualiti dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan BBN, PBT dan MIS yang dikemas kini dan berkuat kuasa penggunaannya pada 14 Mac 2011. Prosedur Kualiti dan Garis Panduan ini telah menetapkan panduan berkenaan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, Pengauditan Interim, Pengauditan Muktamad, Penyediaan Surat Pengurusan, Pengurusan FAS sehingga Penyediaan Sijil Audit dan Laporan Ketua Audit Negara. Selain itu, *initial conference* dan *exit conference* diadakan antara FAS, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara untuk membincangkan pelaksanaan Audit dan menyelesaikan masalah yang berbangkit hasil daripada pengauditan yang dijalankan secara berterusan. Secara keseluruhannya, penggunaan Prosedur Kualiti, Garis Panduan dan perbincangan berterusan itu telah meningkatkan prestasi kerja pengauditan dan mutu persembahan Penyata Kewangan bertambah baik serta jaringan kerjasama yang kukuh antara FAS, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara. Justeru, penyerahan dan pengesahan Penyata Kewangan pada keseluruhannya dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

13.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

13.2.1. Seksyen 4, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 (Pindaan 2004), menghendaki BBN mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Manakala mengikut Peraturan 37, *The Local Authorities Financial Regulations*, 1997 menetapkan PBT menyedia dan menyerahkan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Seksyen 72, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 pula menghendaki Penyata Kewangan disediakan setiap tahun dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diperakui.

13.2.2. Pada keseluruhannya, penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2013 bagi 23 BBN, 25 PBT dan MIS adalah memuaskan. Semua Penyata Kewangan telah diterima pada tarikh yang ditetapkan oleh undang-undang kecuali Majlis Daerah Simunjan, Matu Dan Daro dan Saratok. Ketiga-tiga Majlis Daerah tersebut telah membuat permohonan lanjutan tempoh penyerahan Penyata Kewangan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti pada April/Mei 2014. Ini adalah selaras dengan Peraturan 38, *The Local Authorities Financial Regulations*, 1997. Bagaimanapun, Majlis Daerah Simunjan telah mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2013 pada 5 Mei 2014, Majlis Daerah Saratok pada 27 Jun 2014 dan Majlis Daerah Matu Dan Daro pada 10 Jun 2014. Majlis Daerah Matu Dan Daro tidak dapat mengemukakan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 untuk tujuan pengauditan sebelum 30 April 2014 kerana masalah baki Akaun Pendahuluan belum diselaraskan manakala Majlis Daerah Saratok menghadapi masalah perbezaan amaun pada Penyata Harta Dan Tanggungan Majlis.

13.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

13.3.1. Setakat 30 Jun 2014, Penyata Kewangan Tahun 2013 bagi 23 BBN, 25 PBT dan MIS telah diterima untuk diaudit. Sebanyak 20 Penyata Kewangan PBT dan 9 Penyata Kewangan BBN telah disahkan dengan Sijil Tanpa Teguran. Bagaimanapun, 14 Penyata Kewangan BBN, 5 Penyata Kewangan PBT dan MIS sedang dalam proses pengauditan. Semua Penyata Kewangan Tahun 2012 telah diaudit dan diberi Sijil Tanpa Teguran.

13.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

13.4.1. Seksyen 8, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995 (Pindaan 2004), menetapkan Penyata Kewangan BBN yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan seberapa segera. Seksyen 58, *The Local Authorities Ordinance*, 1996 pula menyatakan semua Penyata Kewangan PBT yang telah diaudit hendaklah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan dibentangkan di DUN.

13.4.2. Bagi Penyata Kewangan Tahun 2012, semua Penyata Kewangan BBN dan PBT yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentang di DUN setakat 30 Jun 2014.

13.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan BBN dan PBT berdasarkan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2013 yang dikemukakan dan merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan operasi dilaporkan seperti berikut:

13.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan BBN

13.5.1.1. Analisis prestasi kewangan BBN adalah berdasarkan 23 Penyata Kewangan BBN bagi tahun kewangan 2012 dan 2013. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi BBN adalah memuaskan berbanding tahun 2012. Pada akhir tahun 2013, surplus pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul meningkat sejumlah RM139.60 juta atau 5.5%, lebihan jumlah aset meningkat sejumlah RM552.37 juta atau 8.2% dan surplus pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa meningkat sejumlah RM57.94 juta atau 71% berbanding tahun 2012. Selain itu, aset semasa bersih menurun sejumlah RM286.04 juta atau 9% berbanding tahun 2012. Prestasi kewangan BBN bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 13.1**.

Jadual 13.1

Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Perkara	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Surplus Pendapatan Terkumpul	2,551.68	2,691.28	139.60	5.5
2.	Lebihan Jumlah Aset	6,743.02	7,295.39	552.37	8.2
3.	Aset Semasa Bersih	3,178.80	2,892.76	-286.04	-9.0
4.	Surplus Pendapatan Semasa	81.66	139.60	57.94	71.0

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.1.2. Pada akhir tahun 2013, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak memperoleh surplus pendapatan terkumpul tertinggi sejumlah RM682.46 juta manakala Lembaga Pelabuhan Rajang memperoleh surplus pendapatan semasa tertinggi yang berjumlah RM53.07 juta. Ini adalah kerana hasil bagi *Amortisation of Deferred Income* berjumlah RM41.63 juta pada tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM36 juta atau 639.4% berbanding tahun 2012 berjumlah RM5.63 juta. Lembaga Kemajuan Bintulu memperoleh surplus pendapatan semasa kedua tertinggi yang berjumlah RM23.58 juta. Ini adalah kerana hasil bagi pendapatan pembangunan dan pendapatan penyewaan berjumlah RM76.01 juta telah meningkat sejumlah RM44.77 juta atau 143.3% berbanding tahun 2012 berjumlah RM31.24 juta. Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke memperoleh surplus pendapatan semasa ketiga tertinggi berjumlah RM14.23 juta. Ini adalah kerana hasil bagi kerja projek pembinaan dan pemberian kapal berjumlah RM454.93 juta telah meningkat RM246.19 juta atau 117.9% berbanding tahun 2012 berjumlah RM208.74 juta. Bagaimanapun, 2 BBN mengalami kurangan dalam aset semasa bersih iaitu Lembaga Pelabuhan Kuching sejumlah RM21.74 juta dan Lembaga Pelabuhan Miri sejumlah RM42.34 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 13.2**.

Jadual 13.2**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013**


Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 (RM Juta)			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 (RM Juta)		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/Defisit	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset/(Liabiliti) Semasa Bersih
1.	Lembaga Pelabuhan Rajang (RPA)	84.83	31.76	53.07	92.18	1.99	90.19
2.	Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA)	185.50	161.92	23.58	750.60	675.23	75.37
3.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke (BDECW)	456.15	441.92	14.23	210.10	111.57	98.53
4.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA)	126.40	112.68	13.72	311.34	225.57	85.77
5.	Lembaga Pelabuhan Kuching (KPA)	75.96	62.42	13.54	14.99	36.73	-21.74
6.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)	46.33	33.09	13.24	218.72	26.50	192.22
7.	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA)	478.09	466.65	11.44	682.33	0.10	682.23
8.	Lembaga Air Kuching (KWB)	113.04	103.05	9.99	249.95	53.78	196.17
9.	Yayasan Sarawak (YS)	40.92	31.37	9.55	202.85	4.17	198.68
10.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB)	4.81	2.25	2.56	36.67	4.47	32.20
11.	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR)	4.03	2.63	1.40	3.60	0.00	3.60
12.	Lembaga Pelancongan Sarawak (STB)	10.17	8.93	1.24	4.71	2.26	2.45
13.	Pustaka Negeri Sarawak (SSL)	15.99	15.21	0.78	28.08	3.84	24.24
14.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak (SSC)	9.28	8.69	0.59	16.35	0.12	16.23
15.	Lembaga Pelabuhan Miri (MPA)	24.35	23.91	0.44	58.19	100.53	-42.34
16.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (LCDA)	2.44	2.33	0.11	583.53	148.78	434.75
17.	Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC)	40.80	40.80	0.00	8.94	0.12	8.82
18.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NREB)	13.41	14.15	-0.74	7.76	1.36	6.40
19.	Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS)	23.30	24.66	-1.36	8.04	3.63	4.41
20.	Pusat Kepelbagai Biologi Sarawak (SBC)	7.29	9.08	-1.79	45.16	0.79	44.37
21.	Lembaga Air Sibu (SWB)	33.00	36.42	-3.42	21.34	17.56	3.78
22.	Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC)	91.81	100.18	-8.37	699.60	344.88	354.72
23.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC)	48.63	62.83	-14.20	503.09	101.38	401.71
Jumlah		1,936.53	1,796.93	139.60	4,758.12	1,865.36	2,892.76

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.2. Analisis Pendapatan

13.5.2.1. Pada akhir tahun 2013, pendapatan janaan sendiri yang diperoleh oleh 23 BBN ialah sejumlah RM1.18 bilion berbanding dengan RM0.97 bilion pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati peningkatan pendapatan janaan sendiri BBN yang melebihi 15% bagi tahun 2012 hingga 2013 terdiri daripada: Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke dengan peningkatan sejumlah RM246.66 juta atau 117.7%; Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman dengan peningkatan sejumlah RM18,999 atau 111%; Lembaga Kemajuan Bintulu dengan peningkatan sejumlah RM46.83 juta atau 50.4%; Perbadanan Stadium Negeri Sarawak dengan peningkatan sejumlah RM412,740 atau 41.6%; Lembaga Pelabuhan Rajang dengan peningkatan sejumlah RM8.60 juta atau 24.8% dan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dengan peningkatan sejumlah RM467,899 atau 16.4%.

13.5.2.2. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, BBN juga menerima geran daripada Kerajaan sejumlah RM0.89 bilion pada tahun 2013 berbanding RM0.39 bilion pada tahun 2012. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu BBN melaksanakan program serta aktiviti BBN dan juga menguruskan projek pembangunan. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima daripada Kerajaan untuk BBN bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 13.1**.



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.2.3. Analisis Geran Mengurus

- a. Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada BBN sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai BBN serta menampung kos operasi lain seperti utiliti,

pengangkutan dan pentadbiran. Pada tahun 2013, geran mengurus yang diterima oleh BBN adalah berjumlah RM139.60 juta iaitu penurunan sejumlah RM9.21 juta atau 6.2% berbanding RM148.81 juta pada tahun 2012.

- b. Analisis Audit mendapati 4 BBN menerima jumlah geran yang menurun melebihi 15% bagi tahun 2012 hingga 2013. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak memperoleh penurunan geran sejumlah RM3.23 juta atau 63.9%; Lembaga Kemajuan Bintulu memperoleh penurunan geran sejumlah RM5.27 juta atau 56.2%; Perbadanan Stadium Negeri Sarawak memperoleh penurunan geran sejumlah RM5.24 juta atau 39.9% dan Lembaga Sungai-sungai Sarawak memperoleh penurunan geran sejumlah RM3.37 juta atau 17.7%. Perubahan jumlah geran mengurus yang melebihi 15% pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 13.3**.

Jadual 13.3

**Jumlah Geran Mengurus Diterima Oleh Badan Berkanun Negeri Sarawak
Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	5.05	1.82	-3.23	-63.9
2.	Lembaga Kemajuan Bintulu	9.37	4.10	-5.27	-56.2
3.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak	13.11	7.87	-5.24	-39.9
4.	Lembaga Sungai-sungai Sarawak	19.02	15.65	-3.37	-17.7

Sumber: Penyata Kewangan dan Rekod Badan Berkanun Negeri

13.5.2.4. Analisis Geran Pembangunan

- a. Geran Pembangunan diberi oleh Kerajaan Negeri untuk membayai projek pembangunan Kerajaan yang dijalankan oleh BBN. Pada tahun 2013, geran pembangunan yang diterima oleh BBN adalah berjumlah RM0.75 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.51 bilion atau 212.5% berbanding RM0.24 bilion pada tahun 2012.
- b. Analisis Audit mendapati 8 BBN menerima peningkatan jumlah geran yang melebihi 15% bagi tahun 2012 hingga 2013. Lembaga Kemajuan Bintulu memperoleh peningkatan geran sejumlah RM114.87 juta atau 13,053.4%, peningkatan ini adalah kerana terdapat penerima geran bagi Program Kemiskinan 1 Azam berjumlah RM0.51 juta dan penerimaan geran untuk pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur di Taman Perindustrian Samalaju berjumlah RM114.97 juta; Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah memperoleh peningkatan geran sejumlah RM100.51 juta atau 2,010.2%, peningkatan geran diterima adalah kerana terdapat penerimaan geran berjumlah RM26.46 juta untuk projek *sandfilling works for Fisherman Housing Area*, penerimaan geran berjumlah RM16 juta untuk projek RGC Semop – Construction of 300 units Fisherman Housing, Mosque, Community Hall dan penerimaan geran berjumlah RM23.73 juta untuk *land acquisition for redevelopment*

of Jalan Haji Taha; Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah memperoleh peningkatan geran sejumlah RM310.54 juta atau 498.5% kerana peningkatan geran diterima untuk projek di bawah pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (*Sarawak Corridor of Renewable Energy - SCORE*); Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak memperoleh peningkatan geran sejumlah RM7.73 juta atau 160.4%, peningkatan geran diterima adalah kerana penerimaan geran untuk Projek Khas Golongan Minoriti Bumiputera Sabah/Sarawak (PKGBM) berjumlah RM2.37 juta, geran untuk projek Sebako Estet Village berjumlah RM3 juta, Saribas Estet Village berjumlah RM2 juta, Bajo Training Centre berjumlah RM2.50 juta dan Lemanak Estet Village berjumlah RM1 juta; Lembaga Air Sibu memperoleh peningkatan geran sejumlah RM0.50 juta atau 100%; Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak memperoleh peningkatan geran sejumlah RM3.35 juta atau 100%, peningkatan geran diterima adalah untuk *Government Transformation Program (Land Development for Rubber Mini Estate)*; Perbadanan Stadium Negeri Sarawak memperoleh peningkatan geran sejumlah RM4.09 juta atau 52% kerana peningkatan amaun geran yang diterima untuk kerja penyenggaraan Stadium Sarawak dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak memperoleh peningkatan geran sejumlah RM2.68 juta atau 18.3%. Jumlah geran pembangunan yang meningkat melebihi 15% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 13.4**.

Jadual 13.4

Perbandingan Jumlah Geran Pembangunan Diterima Oleh Badan Berkanun Negeri Sarawak Pada Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Kemajuan Bintulu	0.88	115.75	114.87	13,053.4
2.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	5.00	105.51	100.51	2,010.2
3.	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah	62.30	372.84	310.54	498.5
4.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	4.82	12.55	7.73	160.4
5.	Lembaga Air Sibu	0.50	1.00	0.50	100.0
6.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	0.00	3.35	3.35	100.0
7.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak	7.86	11.95	4.09	52.0
8.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	14.61	17.29	2.68	18.3

Sumber: Penyata Kewangan Dan Rekod Badan Berkanun Negeri

13.5.3. Jumlah Surplus/Defisit Pendapatan

13.5.3.1. Pada keseluruhannya, BBN memperoleh surplus pendapatan terkumpul sejumlah RM2.69 bilion pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM0.14 bilion atau 5.5% berbanding RM2.55 bilion pada tahun 2012. Lembaga Pelabuhan Miri mengalami defisit pendapatan terkumpul sejumlah RM119.53 juta. Butiran terperinci surplus/(defisit) pendapatan terkumpul adalah seperti di **Jadual 13.5**.

Jadual 13.5
Surplus/(Defisit) Pendapatan Terkumpul Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Pelabuhan Rajang	10.62	63.69	53.07	499.7
2.	Lembaga Pelancongan Sarawak	1.64	2.87	1.23	75.0
3.	Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman	2.20	3.60	1.40	63.6
4.	Lembaga Pelabuhan Kuching	33.60	47.14	13.54	40.3
5.	Lembaga Kemajuan Bintulu	62.78	86.36	23.58	37.6
6.	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah	30.90	42.35	11.45	37.1
7.	Perbadanan Stadium Negeri Sarawak	2.10	2.69	0.59	28.1
8.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	78.83	93.06	14.23	18.1
9.	Pustaka Negeri Sarawak	6.75	7.53	0.78	11.6
10.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	135.57	149.29	13.72	10.1
11.	Lembaga Air Kuching	161.30	171.29	9.99	6.2
12.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	73.03	75.59	2.56	3.5
13.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak	482.80	496.04	13.24	2.7
14.	Yayasan Sarawak	649.30	658.85	9.55	1.5
15.	Lembaga Pelabuhan Miri	-119.97	-119.53	0.44	0.4
16.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	145.31	145.42	0.11	0.1
17.	Perbadanan Perhutanan Sarawak	6.32	6.32	0.00	0.0
18.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak	696.66	682.46	-14.20	-2.0
19.	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak	40.15	38.36	-1.79	-4.5
20.	Lembaga Air Sibu	28.57	25.15	-3.42	-12.0
21.	Lembaga Sungai-sungai Sarawak	7.24	5.88	-1.36	-18.8
22.	Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar	3.68	2.94	-0.74	-20.1
23.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	12.30	3.93	-8.37	-68.1
Jumlah		2,551.68	2,691.28	139.60	5.5

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.3.2. Sementara itu, BBN memperoleh surplus pendapatan (keuntungan) semasa sejumlah RM139.60 juta pada tahun 2013, iaitu peningkatan sejumlah RM57.94 juta atau 71% berbanding RM81.66 juta pada tahun 2012. Antara BBN yang menyumbang kepada peningkatan surplus pendapatan semasa melebihi 15% bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 13.6**.

Jadual 13.6
Peningkatan Terhadap Surplus Pendapatan Badan Berkanun Negeri
Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Pelancongan Sarawak	0.12	1.24	1.12	933.3
2.	Lembaga Pelabuhan Rajang	5.96	53.07	47.11	790.4
3.	Lembaga Kemajuan Bintulu	8.05	23.58	15.53	192.9
4.	Lembaga Air Kuching	7.14	9.99	2.85	39.9
5.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	10.64	13.72	3.08	28.9
6.	Lembaga Pelabuhan Kuching	10.57	13.53	2.96	28.0


Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.4. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2013, jumlah aset bagi 23 BBN ialah RM10.81 bilion berbanding RM9.72 bilion pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM1.09 bilion atau 11.2%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2013 ialah RM4.76 bilion berbanding RM4.46 bilion pada tahun 2012. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset semasa bersih telah menurun daripada RM3.18 bilion pada tahun 2012 kepada RM2.89 bilion pada tahun 2013 iaitu penurunan sejumlah RM286.04 juta atau 9%. Peningkatan aset semasa bersih yang ketara berlaku di Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak iaitu peningkatan sejumlah RM78.69 juta kerana terdapat peningkatan baki dalam inventori dan tunai di bank serta penurunan baki hutang kepada anak syarikat dan pemutang lain. Bagi Lembaga Pelabuhan Rajang, peningkatan aset semasa bersih yang ketara iaitu peningkatan sejumlah RM65.99 juta adalah disebabkan oleh peningkatan baki penghutang lain, pembayaran terdahulu dan pelaburan kewangan dalam pasaran wang serta penurunan baki pinjaman jangka pendek di institusi kewangan dan pemutang lain. Bagi penurunan dalam aset semasa bersih, Lembaga Kemajuan Bintulu memperoleh penurunan tertinggi iaitu sejumlah RM347.94 juta disebabkan oleh peningkatan baki yang ketara dalam premium tanah yang perlu dibayar bagi estet industri, amaun hutang kepada anak syarikat dan peningkatan dalam *progress payment* atas estet industri.

13.5.5. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2013, jumlah pelaburan bagi 23 BBN ialah RM2.45 bilion. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, harta tanah dan pelaburan lain. Jenis pelaburan adalah seperti di **Carta 13.2**.



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.6. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2013, jumlah liabiliti bagi 23 BBN ialah RM3.51 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.54 bilion berbanding dengan tahun 2012 iaitu RM2.97 bilion. Peningkatan melebihi 15% liabiliti berlaku di Lembaga Kemajuan Bintulu sejumlah RM567.67 juta atau 476.6%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam amaun yang perlu dibayar kepada pembiutang perniagaan dan pembiutang lain. Peningkatan liabiliti Lembaga Pelancongan Sarawak sejumlah RM0.83 juta atau 58.5% adalah disebabkan oleh peningkatan dalam amaun yang perlu dibayar kepada pembiutang. Bagi Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, peningkatan liabiliti sejumlah RM3.78 juta atau 36.1% adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan estet kelapa sawit. Bagi Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke, peningkatan liabiliti sejumlah RM22.48 juta atau 25.1% adalah disebabkan oleh peningkatan dalam amaun yang perlu dibayar kepada pembiutang perniagaan, pembiutang lain dan pinjaman bank. Bagi Pustaka Negeri Sarawak, peningkatan liabiliti adalah sejumlah RM0.71 juta atau 22.7% manakala bagi Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak, peningkatan liabiliti adalah sejumlah RM0.11 juta atau 16.2%. Kedua-dua peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan dalam amaun yang perlu dibayar kepada pembiutang. Antara BBN yang terlibat dalam peningkatan jumlah liabiliti yang melebihi 15% bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 13.7**.

Jadual 13.7
Peningkatan Jumlah Liabiliti Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Kemajuan Bintulu	119.10	686.77	567.67	476.6
2.	Lembaga Pelancongan Sarawak	1.42	2.25	0.83	58.5
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	10.46	14.24	3.78	36.1
4.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke	89.55	112.03	22.48	25.1
5.	Pustaka Negeri Sarawak	3.13	3.84	0.71	22.7
6.	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak	0.68	0.79	0.11	16.2

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.7. Analisis Tanggungan Luar Jangka

Pada 31 Disember 2013, sebanyak 2 BBN mempunyai tanggungan luar jangka. Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak mempunyai tanggungan luar jangka berjumlah RM17.37 juta. Amaun ini adalah kerugian pertukaran wang asing ke atas pinjaman untuk membiayai ladang kelapa sawit di Kalaka Saribas. Jadual bayaran balik pinjaman tersebut yang melibatkan perbezaan pertukaran wang asing masih dalam proses rundingan. Tanggungan luar jangka bagi Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak membabitkan kes mahkamah luar negara untuk anak syarikat PPES Ternak Holdings Sdn. Bhd. Selain itu, terdapat 2 tindakan undang-undang mengenai pengeluaran lesen balak kepada anak syarikat Damai Cove Resorts Sdn. Bhd.

13.5.8. Analisis Nisbah

Nisbah hutang mengukur peratus dana dibiayai dari sumber selain ekuiti. Analisis nisbah hutang menunjukkan 4 BBN menggunakan lebih daripada 50% jumlah asetnya untuk membiayai jumlah hutang dan 1 daripadanya mempunyai kurangan aliran tunai bersih. Perbadanan Pembangunan Perumahan menunjukkan kurangan aliran tunai bersih sejumlah RM26.77 juta pada tahun 2013 berbanding lebihan aliran tunai bersih RM19.13 juta pada tahun 2012. Perbezaan ini disebabkan oleh pembelian tanah dipegang untuk pembangunan pada tahun 2013 berjumlah RM48.90 juta. Dua daripada 4 BBN tersebut iaitu Lembaga Air Sibu dan Lembaga Pelabuhan Miri menunjukkan nisbah semasa kurang daripada 2 iaitu menggambarkan BBN berkenaan kurang mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek. Lembaga Pelabuhan Miri menunjukkan kurangan modal kerja sejumlah RM42.34 juta bagi tahun 2013 berbanding kurangan modal kerja RM35.13 juta pada tahun 2012. Perbezaan ini disebabkan oleh peningkatan pembayaran balik pinjaman dalam tempoh 12 bulan sejumlah RM9.55 juta pada tahun 2013. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan mendapati 4 BBN menunjukkan prestasi kewangan yang berisiko seperti di **Jadual 13.8**.

Jadual 13.8

Analisis Kecairan Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1.	Perbadanan Pembangunan Perumahan	2.03	1.89	354.72	-26.77	88.4
2.	Lembaga Air Sibu	1.22	1.02	3.78	5.08	72.0
3.	Lembaga Pelabuhan Miri	0.58	0.58	-42.34	3.44	71.2
4.	Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	3.92	3.92	434.75	73.68	55.7

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.9. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

Analisis prestasi kewangan anak syarikat BBN berdasarkan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2013 yang belum disahkan dan merangkumi prestasi secara menyeluruh dilaporkan seperti berikut:

13.5.9.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2013, SEDC melabur sejumlah RM267.19 juta dalam 42 syarikat, Yayasan Sarawak melabur sejumlah RM168.31 juta dalam 25 syarikat dan LCDA melabur sejumlah RM111.83 juta dalam 7 syarikat. Untuk pelaburan dalam syarikat bersekutu, Yayasan Sarawak mempunyai pelaburan tertinggi iaitu sejumlah RM126.26 juta dalam 19 syarikat bersekutu. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu pada tahun 2013 oleh BBN adalah seperti di **Jadual 13.9**.

Jadual 13.9**Analisis Pelaburan Pada Kos Dalam Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu Bagi Tahun 2013**

Perkara	SEDC	YS	LCDA	STIDC	BDA	SALCRA	HDC	SFC	STB	Jumlah
Anak Sykt (100%)	28	3	4	19	2	2	2	1	1	62
Anak Sykt (>50%)	3	3	0	4	1	5	0	0	0	16
Sykt Bersekutu(<50%)	11	19	3	7	5	2	1	0	0	48
Jumlah Syarikat	42	25	7	30	8	9	3	1	1	126
Pelaburan (RM Juta)	267.19	168.31	111.83	95.49	44.83	43.83	13.56	2.50	0.20	747.74

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.9.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 9 Badan Berkanun Negeri telah melabur dalam 78 anak syarikat iaitu 54 anak syarikat berstatus aktif dan 24 berstatus dorman. Pelaburan BBN dalam anak syarikatnya adalah sama dengan tahun 2012. Bagaimanapun, didapati terdapat pembubaran dan penambahan anak syarikat dalam tahun 2013. Daripada 9 BBN, SEDC dan STIDC mempunyai bilangan anak syarikat terbanyak iaitu 31 anak syarikat SEDC dan 23 anak syarikat STIDC. Bagaimanapun, 11 anak syarikat SEDC atau 35.5% dan 11 anak syarikat STIDC atau 47.8% ialah syarikat yang berstatus dorman. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dorman adalah seperti di **Jadual 13.10**.

Jadual 13.10**Bilangan Anak Syarikat Yang Aktif Dan Dorman Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Bilangan Anak Syarikat (Ekuiti lebih daripada 50%)					
		Status Aktif		Status Dorman		Jumlah Syarikat	
		2012	2013	2012	2013	2012	2013
1.	SEDC	20	20	13	11	33	31
2.	STIDC	13	12	10	11	23	23
3.	LCDA	3	3	1	1	4	4
4.	SALCRA	6	6	0	1	6	7
5.	BDA	3	3	0	0	3	3
6.	YS	5	6	0	0	5	6
7.	HDC	2	2	0	0	2	2
8.	SFC	1	1	0	0	1	1
9.	STB	1	1	0	0	1	1
Jumlah		54	54	24	24	78	78

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

13.5.9.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

- Pada 31 Disember 2013, sebanyak 34 daripada 54 anak syarikat yang aktif di bawah 9 BBN telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhan yang berjumlah RM708.51 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 20 anak syarikat BBN yang aktif telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan iaitu RM298.75 juta. Bagaimanapun, analisis keseluruhan terhadap anak syarikat yang aktif bagi 9 BBN mendapati 7 daripadanya mendapat keuntungan bersih. Antara anak syarikat aktif yang mencatat keuntungan terkumpul yang tertinggi ialah Pelita Holdings Sdn. Bhd. (LCDA) sejumlah RM197.77 juta, Harwood Timber Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM108.77 juta, Hornbill Skyway Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM106.68 juta, Petronesa Sdn. Bhd. (YS) sejumlah RM37.21 juta dan Kuching Hotel

Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM37.17 juta. Dari segi kerugian terkumpul, anak syarikat aktif yang mencatat kerugian terkumpul yang tertinggi ialah Damai Beach Golf Course Bhd. (SEDC) sejumlah RM66.27 juta, Pelita Mukah Sebakong Plantation Sdn. Bhd. (LCDA) sejumlah RM57.31 juta, Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd. (SALCRA) sejumlah RM33.50 juta, Pelita Dalat Sago Plantation Sdn. Bhd. (LCDA) sejumlah RM26.04 juta dan Sara Spectrum Holdings Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM19.79 juta.

- b.** Sebanyak 7 daripada 24 anak syarikat yang dorman di bawah 2 BBN telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM2.82 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 15 daripada 24 anak syarikat BBN dorman telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan iaitu RM28.39 juta. Antara anak syarikat dorman yang mencatat keuntungan terkumpul yang tertinggi ialah Permaisara Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM1.24 juta, Sarapine Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM0.75 juta, Tinamou Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM0.50 juta, Amra Timbers Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM0.22 juta dan Balamra Sdn. Bhd. (STIDC) sejumlah RM0.10 juta. Dari segi kerugian terkumpul, anak syarikat dorman yang mencatat kerugian terkumpul yang tertinggi ialah Eastern Empress Silk Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM18.19 juta, Revlin Holdings Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM6.90 juta, Geobilt Seafoods Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM2.28 juta, Sara Convention Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM0.42 juta dan Sara Hotels Sdn. Bhd. (SEDC) sejumlah RM0.24 juta. Analisis keuntungan dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN bagi tahun kewangan 2013 adalah seperti di **Jadual 13.11**.

Jadual 13.11
Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul
Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2013

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan/(Kerugian) Bersih (RM Juta)
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	
1.	STIDC *	14	242.45	8	-17.34	225.11
2.	LCDA *	1	197.77	2	-83.35	114.42
3.	SEDC	11	101.20	20	-165.40	-64.20
4.	SALCRA	4	90.88	3	-41.58	49.30
5.	YS	5	51.83	1	-14.26	37.57
6.	SFC	1	14.68	0	0.00	14.68
7.	HDC	2	8.76	0	0.00	8.76
8.	BDA	2	3.71	1	-5.21	-1.50
9.	STB	1	0.05	0	0.00	0.05
Jumlah		41	711.33	35	-327.14	384.19

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

Nota: * Belum Termasuk 2 Anak Syarikat Yang Dalam Proses Pembubaran

Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri yang berkenaan hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dorman dan menghadapi kerugian terkumpul. Ini adalah untuk memastikan anak syarikat berdaya maju yang berterusan dan pelaburan dalam anak syarikat dapat memberi pulangan.

13.5.10. Prestasi Kewangan PBT

13.5.10.1. Prestasi kewangan PBT adalah berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2013 yang telah dikemukakan untuk pengauditan seperti di **Jadual 13.12**. Semua PBT kecuali Dewan Bandaraya Kuching Utara masih menggunakan sistem tunai dalam menyediakan penyata kewangan tahunan.

Jadual 13.12

Prestasi Kewangan PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Bil.	Pihak Berkua sa Tempatan	Penyata Pendapatan Pada 31 Disember 2013 (RM Juta)			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 (RM Juta)		
		Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/ Defisit	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Aset Semasa Bersih
1.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	96.18	79.76	16.42	167.60	7.09	160.51
2.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	95.12	89.16	5.96	163.33	24.65	138.68
3.	Majlis Bandaraya Miri	63.38	59.99	3.39	99.33	13.79	85.54
4.	Majlis Daerah Lubok Antu	5.23	3.11	2.12	6.57	0.22	6.35
5.	Majlis Daerah Sarikei	9.63	8.78	0.85	32.63	1.95	30.68
6.	Majlis Daerah Matu Dan Daro	4.56	4.10	0.46	5.98	0.09	5.89
7.	Majlis Daerah Lundu	2.84	3.06	-0.22	18.99	0.38	18.61
8.	Majlis Daerah Samarahan	11.24	11.47	-0.23	23.61	3.41	20.20
9.	Majlis Daerah Kanowit	3.16	3.43	-0.27	7.68	0.10	7.58
10.	Majlis Daerah Lawas	2.90	3.31	-0.41	8.57	0.18	8.39
11.	Majlis Daerah Subis	3.40	3.91	-0.51	14.11	0.27	13.84
12.	Majlis Daerah Saratok	3.76	4.38	-0.62	29.11	0.45	28.66
13.	Majlis Daerah Simunjan	2.60	3.27	-0.67	3.56	0.42	3.14
14.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	7.10	7.78	-0.68	25.00	0.44	24.56
15.	Majlis Daerah Betong	3.81	4.61	-0.80	6.06	0.55	5.51
16.	Majlis Daerah Bau	4.26	5.07	-0.81	32.12	0.46	31.66
17.	Majlis Daerah Limbang	5.02	5.87	-0.85	6.23	0.38	5.85
18.	Majlis Daerah Marudi	3.73	4.90	-1.17	13.05	0.05	13.00
19.	Majlis Daerah Maradong dan Julau	3.63	4.97	-1.34	10.67	0.27	10.40
20.	Majlis Daerah Sri Aman	5.96	7.41	-1.45	7.54	0.71	6.83
21.	Majlis Daerah Kapit	5.40	6.92	-1.52	5.76	0.17	5.59
22.	Majlis Perbandaran Padawan	34.90	37.08	-2.18	88.17	10.00	78.17
23.	Majlis Daerah Serian	5.99	8.49	-2.50	33.14	1.11	32.03
24.	Majlis Daerah Dalat dan Mukah	5.49	9.05	-3.56	22.42	0.49	21.93
25.	Majlis Perbandaran Sibu	50.38	55.18	-4.80	29.87	3.62	26.25
Jumlah		439.67	435.06	4.61	861.10	71.25	789.85

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkua Tempatan

13.5.10.2. Secara keseluruhannya, pada tahun 2013 ketiga-tiga Dewan/Majlis Bandaraya telah mencatatkan surplus semasa sejumlah RM25.77 juta, Majlis Perbandaran mencatatkan defisit semasa sejumlah RM6.98 juta dan Majlis Daerah mencatat defisit semasa sejumlah RM14.18 juta. Tiga daripada 20 Majlis Daerah mengalami surplus semasa sejumlah RM3.43 juta pada tahun kewangan 2013 berbanding 4 Majlis Daerah mencatatkan surplus semasa RM4.22 juta pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, 1 Majlis Daerah mencatatkan surplus semasa yang melebihi RM1 juta, iaitu Majlis Daerah Lubok Antu. Sementara itu, 17 Majlis Daerah mencatat defisit semasa sejumlah RM17.61 juta pada tahun 2013 dan 16 Majlis Daerah pada tahun 2012 yang merupakan peningkatan defisit semasa sejumlah RM5.56 juta atau 56.6% berbanding pada tahun 2012. Majlis Daerah yang mengalami defisit semasa adalah Majlis Daerah Lundu, Samarahan, Kanowit, Lawas, Subis, Saratok, Simunjan, Luar Bandar Sibu, Betong, Bau, Limbang, Marudi, Maradong Dan Julau, Sri Aman, Kapit, Serian dan Dalat Dan Mukah. Kedudukan surplus dan defisit bagi Dewan/Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran serta Majlis Daerah adalah seperti di **Jadual 13.13** dan **Jadual 13.14**.

Jadual 13.13

Kedudukan Kewangan Tahunan Bagi Dewan/Majlis Bandaraya Dan Majlis Perbandaran Bagi Tahun 2012 Berbanding 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 Surplus/ Defisit (RM Juta)	2013 Surplus/ Defisit (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Dewan/Majlis Bandaraya					
1.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	16.81	5.96	-10.85	-64.6
2.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	14.33	16.42	2.09	14.6
3.	Majlis Bandaraya Miri	3.52	3.39	-0.13	-3.7
Jumlah		34.66	25.77	-8.89	-25.6
Majlis Perbandaran					
1.	Majlis Perbandaran Padawan	1.51	-2.18	-3.69	-244.4
2.	Majlis Perbandaran Sibu	-1.15	-4.80	-3.65	-317.4
Jumlah		0.36	-6.98	-7.34	-2,038.9

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

Jadual 13.14

Kedudukan Kewangan Tahunan Bagi Majlis Daerah

Perkara	Tahun 2012		Tahun 2013		Perubahan	
	Bil. Majlis Daerah	(RM Juta)	Bil. Majlis Daerah	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Surplus	4	4.22	3	3.43	-0.79	-18.7
Defisit	16	-12.03	17	-17.61	-5.58	46.4
Jumlah	20	-7.81	20	-14.18	-6.37	81.6

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

13.5.10.3. Hasil Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2013, PBT telah membelanjakan sejumlah RM435.06 juta yang meliputi perbelanjaan emolumen, pengangkutan dan perjalanan rasmi, pentadbiran am, perkhidmatan dan bekalan, perbelanjaan khas, penyenggaraan serta perhubungan dan utiliti. Hasil utama PBT pula adalah daripada cukai taksiran, geran berkanun/sumbangan Kerajaan, faedah daripada pelaburan, lesen perniagaan dan perkhidmatan sewaan. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, PBT telah mengutip hasil sejumlah RM439.67 juta. Adalah didapati geran berkanun/sumbangan Kerajaan menyumbangkan RM120.79 juta atau 27.5% daripada keseluruhan hasil PBT tersebut. Hasil PBT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 13.15**.

Jadual 13.15

Jenis Hasil PBT Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Kategori PBT	Bil. PBT	Cukai Taksiran (RM Juta)	Geran Berkanun (RM Juta)	Pelbagai (RM Juta)	Lesen (RM Juta)	Faedah Pelaburan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Bandaraya	3	126.49	60.28	48.23	5.44	10.07	250.51
Perbandaran	2	55.61	9.38	7.66	2.21	1.95	76.81
Majlis Daerah	20	30.73	51.13	8.19	3.20	5.40	98.65
Jumlah	25	212.83	120.79	64.08	10.85	17.42	425.97

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

13.5.10.4. Harta Bersih Semasa

Pada tahun 2013, 24 daripada 25 PBT di Negeri Sarawak mengamalkan perakaunan berasaskan tunai dan satu PBT iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara mengamalkan perakaunan berasaskan akruan. Mengikut perakaunan berasaskan tunai, nilai prabayar, penghutang dan juga harta modal tidak diambil kira dalam Lembaran Imbangan. Hanya wang tunai dan simpanan tetap diambil kira dalam penyediaan Lembaran Imbangan tahunan PBT. Analisis Audit terhadap harta bersih semasa PBT iaitu harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa PBT mendapati perkara berikut:

- a. Analisis Audit mendapati harta bersih semasa bagi Dewan Bandaraya Kuching Utara pada tahun 2013 telah menurun sejumlah RM19.30 juta atau 12.2% iaitu RM157.98 juta pada tahun 2012 berbanding RM138.68 juta pada tahun 2013.
- b. Pada akhir tahun 2013, harta bersih semasa bagi Majlis Bandaraya Kuching Selatan berjumlah RM160.51 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM20.59 juta atau 14.7% berbanding dengan tahun 2012 sejumlah RM139.91 juta. Sementara itu, harta bersih semasa Majlis Bandaraya Miri menunjukkan pertambahan sejumlah RM4.13 juta atau 5.1% iaitu RM81.41 juta pada tahun 2012 berbanding RM85.54 juta pada tahun 2013.

- c. Majlis Perbandaran Padawan mempunyai harta bersih semasa sejumlah RM78.17 juta pada tahun 2013 iaitu penurunan sejumlah RM1.21 juta atau 1.5% berbanding RM79.38 juta pada tahun 2012. Majlis Perbandaran Sibu menunjukkan penurunan sejumlah RM5.21 juta atau 16.6% iaitu RM31.45 juta pada tahun 2012 berbanding RM26.25 juta pada tahun 2013.
- d. Pada tahun 2013 harta bersih semasa bagi 20 Majlis Daerah di Sarawak pula berjumlah RM300.71 juta. Jumlah ini menunjukkan penurunan sejumlah RM1.99 juta atau 0.7% berbanding RM302.70 juta pada tahun 2012.

13.5.10.5. Tuggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut kuasa *The Local Authorities Ordinance*, 1996. Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Harta pegangan yang dikenakan cukai taksiran adalah rumah kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik Kerajaan, kilang dan depot. Sehingga akhir tahun 2013, sejumlah RM212.83 juta cukai taksiran telah dikutip oleh PBT di Negeri Sarawak. Kutipan ini meningkat sejumlah RM3.37 juta atau 1.6% berbanding RM209.46 juta kutipan cukai taksiran pada tahun 2012. Jumlah hasil cukai taksiran yang dikutip di peringkat Bandaraya, Perbandaran dan Majlis Daerah bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 13.16**.

Jadual 13.16
Kutipan Cukai Taksiran Bagi Tempoh 2012 Dan 2013

Kategori PBT	Bilangan PBT	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Bandaraya	3	124.01	126.49	2.48	2.0
Perbandaran	2	54.56	55.61	1.05	1.9
Majlis Daerah	20	30.89	30.73	-1.16	-0.5
Jumlah	25	209.46	212.83	3.37	1.6

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

- b. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati jumlah tunggakan telah meningkat daripada RM69.50 juta pada tahun 2012 menjadi RM74.90 juta pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM5.40 juta atau 7.8%. Bagi kategori Bandaraya, jumlah tunggakan cukai taksiran tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM3.62 juta atau 11.9% berbanding tahun 2012. Bagi kategori Perbandaran, jumlah tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM0.94 juta atau 5.9% berbanding tahun 2012. Begitu juga dengan Majlis Daerah, keseluruhan tunggakan cukai telah menurun sejumlah RM0.84 juta atau 3.6%. Peningkatan tunggakan cukai ini menunjukkan PBT perlu berusaha untuk mengutip tunggakan cukai Majlis. Tuggakan cukai taksiran bagi keseluruhan PBT adalah seperti di **Jadual 13.17**.

Jadual 13.17
Tuggakan Cukai Taksiran Bagi Tempoh Tahun 2012 Dan 2013

Kategori PBT	Bilangan PBT	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Bandaraya	3	30.50	34.12	3.62	11.9
Perbandaran	2	15.97	16.91	0.94	5.9
Majlis Daerah	20	23.03	23.87	0.84	3.6
Jumlah	25	69.50	74.90	5.40	7.8

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

- c. Adalah didapati 17 PBT telah menunjukkan peningkatan bagi tuggakan cukai taksiran manakala 8 PBT telah menunjukkan penurunan bagi tuggakan cukai pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 iaitu Majlis Daerah Sri Aman, Sarikei, Dalat Dan Mukah, Bau, Kanowit, Lawas dan Lundu. Peningkatan tuggakan cukai secara keseluruhan yang dialami oleh PBT perlu diambil perhatian serius untuk mengukuhkan lagi kewangan Majlis. Antara sebab peningkatan tuggakan ini ialah sikap pemilik pegangan yang tidak prihatin dan kurang mengambil berat tanggungjawab untuk membayar cukai. Senarai Nilaian Majlis juga tidak dikemas kini menyebabkan pegangan yang sudah tidak wujud masih dikeluarkan bil serta kemudahan untuk pembayar cukai penduduk luar bandar yang agak menyukarkan dan penduduk luar bandar yang tidak berkemampuan untuk membayar cukai. Sehubungan itu, pihak Majlis perlu mengambil tindakan yang lebih serius untuk mengurangkan peningkatan tuggakan cukai taksiran seperti mengeluarkan dan menghantar notis tuntutan selepas tarikh genap bayaran, mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang, mengadakan kaunter bergerak dan menyita pegangan yang berkaitan.

13.6. SYOR AUDIT

13.6.1. Untuk memastikan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri bertambah kukuh, Badan Berkanun Negeri adalah disyorkan mengambil langkah seperti berikut:

13.6.1.1. Ketua Eksekutif/Pengurus Besar Badan Berkanun Negeri perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti Agensi yang dapat menjana pendapatan Badan Berkanun Negeri.

13.6.1.2. Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula kedudukan anak syarikat Badan Berkanun Negeri yang mengalami kerugian terkumpul yang semakin meningkat dan berstatus dorman. *Key Performance Index* untuk memantau prestasi anak syarikat perlu diwujudkan supaya prinsip *going-concern* anak syarikat yang terbabit dapat dikekalkan. Anak syarikat Badan Berkanun Negeri hendaklah mengamalkan tadbir urus yang baik.

13.6.1.3. Pengauditan berkala oleh Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri hendaklah dilaksanakan untuk penambahbaikan pengurusan kewangan bagi Badan Berkanun Negeri yang kecil dan belum mewujudkan Unit Audit Dalam.

13.6.2. Untuk memastikan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bertambah kukuh, Pihak Berkuasa Tempatan adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

13.6.2.1. Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti Sarawak perlu mengambil inisiatif untuk melaksanakan perakaunan berasaskan akruan bagi Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak dengan memberi keutamaan kepada Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Bandaraya Miri, Majlis Perbandaran Padawan dan Majlis Perbandaran Sibu. Jabatan Ketua Menteri dan Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti Sarawak juga perlu memastikan bahawa pengurusan aset tetap dan aset mudah alih di semua Pihak Berkuasa Tempatan diseragamkan dari segi prosedur dan amalan.

13.6.2.2. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menimbulang langkah yang berkesan dan mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil bagi mengurangkan trend tunggakan cukai taksiran yang kian meningkat. Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan pelaksanaan projek pembangunan yang telah dikenal pasti dijalankan dengan segera bagi mengelak pembaziran disebabkan oleh peningkatan kos dan hasrat Kerajaan menyediakan kemudahan infrastruktur kepada penduduk tercapai.

13.6.2.3. Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Pembangunan Komuniti perlu mewujudkan Unit Audit Dalam di peringkat kementerian bagi melaksanakan pengauditan terhadap Pihak Berkuasa Tempatan untuk memantapkan prestasi pengurusan kewangan mereka.

BAHAGIAN VI

Pembentangan

Laporan Ketua Audit Negara

Dan Mesyuarat Jawatankuasa

Kira-Kira Wang Awam Negeri



BAHAGIAN VI

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

14. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 18 November 2013. Manakala Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Sarawak Tahun 2012 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2012 Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 5 Mei 2014.

15. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

15.1. Sepanjang tahun 2013, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak belum bermesyuarat untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Sarawak Tahun 2011 dan 2012 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2011 dan 2012 Siri 1 hingga 3 setakat tarikh laporan ini.

15.2. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat dengan lebih kerap bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama yang belum selesai, membincangkan isu semasa yang mempunyai kepentingan umum serta memastikan syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri diambil tindakan oleh Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri.

15.3. Bagi melengkapkan kitaran akauntabiliti, Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri terhadap Laporan Ketua Audit Negara yang telah dibincangkan perlu disediakan dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. Laporan yang terkini dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 21 Mei 2013 adalah Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Ke-46 yang membincangkan mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.

PENUTUP



PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi pada tahun 2013 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2012 kerana Jabatan/Agensi telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, pemantauan berterusan dan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
13 Ogos 2014

LAMPIRAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada 31 Disember 2013; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

A
(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
28 Mei 2014





**PERNYATAAN
SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK
DAN AKAUNTAN NEGERI SARAWAK**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Perbendaharaan Negeri dan Kementerian/Jabatan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2013.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2013.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ahmad Tarmizi".

DATUK SRI AHMAD TARMIZI BIN HAJI SULAIMAN
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak
Tarikh : 28 Februari, 2014

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Jumastapha".

JUMASTAPHA BIN LAMAT
Akauntan Negeri
Sarawak
Tarikh : 28 Februari, 2014

Lampiran III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN Pada 31 Disember 2013

		<u>2013</u>	<u>2012</u>
	Nota	RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	87,412,076	70,235,526
PELABURAN	4	23,271,776,895	21,026,274,236
		<u>23,359,188,971</u>	<u>21,096,509,762</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	17,151,229,230	15,024,869,376
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	-	-
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	6,207,959,741	6,071,640,386
		<u>23,359,188,971</u>	<u>21,096,509,762</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

	<u>2013</u>	<u>2012</u>			
	Nota	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil					
Hasil Cukai		1,172,725,311		1,322,927,067	
Hasil Bukan Cukai		5,853,145,174		5,714,065,125	
Terimaan Bukan Hasil		11,637,095		30,712,221	
Pemberian Persekutuan & Bayaran Balik		125,521,092	7,163,028,672	119,731,169	7,187,435,582
Pinjaman					
Dalam Negeri		161,749,756		95,328,668	
Luar Negeri		-	161,749,756	-	95,328,668
Bantuan Luar Negeri					
Pinjaman Multilateral		-		-	
Pinjaman Bilateral		-		-	
Terimaan Modal					
Terimaan Balik Pinjaman		75,080,473		86,533,241	
Jualan Aset Modal		-		-	
Pelbagai Terimaan Modal		59,158,545		30,894,234	
Jualan Instrumen Kewangan		-	134,239,018	-	117,427,475
Terimaan Lain					
Terimaan Amanah		5,444,709,715		4,732,055,209	
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		-	5,444,709,715	-	4,732,055,209
Jumlah Terimaan					
		12,903,727,161		12,132,246,934	

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (Sambungan)
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

	Nota	2013 RM	2012 RM	2012 RM
BAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus	5			
Emolumen		651,911,759		579,442,670
Perkhidmatan dan Bekalan		560,299,469		533,171,091
Aset		27,213,210		31,745,691
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		305,982,693		278,042,879
Perbelanjaan Lain		<u>18,450,883</u>	<u>1,563,858,014</u>	<u>31,021,484</u>
				<u>1,453,423,815</u>
Perbelanjaan Pembangunan	7			
Langsung		3,287,697,835		2,985,994,624
Pinjaman		<u>95,221,392</u>	<u>3,382,919,227</u>	<u>83,938,447</u>
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	7	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Perbelanjaan Modal	4			
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>2,245,502,659</u>	<u>2,245,502,659</u>	<u>2,822,027,484</u>
Pinjaman Dalam Negeri	6			
Dalam Negeri		172,810,804		115,339,231
Luar Negeri		<u>-</u>	<u>172,810,804</u>	<u>115,339,231</u>
Bantuan Luar Negeri	6			
Pinjaman Multilateral		<u>-</u>		<u>-</u>
Pinjaman Bilateral		<u>-</u>		<u>-</u>
Bayaran Lain	7			
Akaun Amanah		<u>5,521,459,907</u>	<u>5,521,459,907</u>	<u>4,857,392,112</u>
Jumlah Bayaran		<u>12,886,550,611</u>		<u>12,318,115,713</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		17,176,550		(185,868,779)
Wang Tunai Pada 1 Januari		70,235,526		256,104,305
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>87,412,076</u>		<u>70,235,526</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran V

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Anggaran	<u>2013</u>		<u>2012</u> Sebenar	
			Sebenar			
			<i>RM</i>	<i>RM</i>		
HASIL	5	5,235,798,990	7,163,028,672	7,187,435,582		
Tolak:						
Belanja Mengurus	5	1,729,208,436	1,736,668,818	1,568,763,046		
LEBIHAN HASIL		3,506,590,554	5,426,359,854	5,618,672,536		
Tolak:						
Belanja Pembangunan	7	3,671,073,057	3,382,919,227	3,069,933,071		
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(164,482,503)	2,043,440,627	2,548,739,465		
DIBIAYAI OLEH:						
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		161,749,756	95,328,668		
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		134,239,018	117,427,475		
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah		(2,339,429,401)	(2,761,495,608)			
JUMLAH PEMBIAYAAN		(2,043,440,627)	(2,548,739,465)			

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM Pada 31 Disember 2013

	<u>2013</u>	<u>2012</u>
	Nota	RM
	RM	RM
MEMORANDUM ASET	8	
Pinjaman Boleh Dituntut	2,471,835,393	2,405,523,375
Pelaburan	4,305,605,820	4,053,667,151
MEMORANDUM LIABILITI	9	
Hutang Awam	2,267,357,771	2,237,320,535
Pelbagai Liabiliti	-	-

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013****DASAR DAN KAEADAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN****1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil Agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (DUN), kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaiannya seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.
- i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013**

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada Tunai dengan Perbendaharaan Kecil dan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	2013 <i>RM</i>	2012 <i>RM</i>
Wang Tunai Dalam Bank	59,974,152	45,240,581
Wang Tunai Dalam Perjalanan	27,140,521	24,519,625
Wang Tunai Dalam Tangan	297,403	475,320
JUMLAH WANG TUNAI	87,412,076	70,235,526

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	2013		2012	
	<i>Nilai Buku</i>		<i>Nilai Buku</i>	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
Simpanan Tetap	118,622,373	RM	22,957,500,000	RM
Saham	106,209,685	RM	89,444,837	RM
<i>Jumlah</i>	<i>224,832,058</i>	<i>23,046,944,837</i>	<i>324,106,874</i>	<i>20,512,500,000</i>
JUMLAH PELABURAN	23,271,776,895	RM	101,976,345	87,691,017
	<i>426,083,219</i>	<i>20,600,191,017</i>	21,026,274,236	RM

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakau semua urus niaga terima hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61).

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	2013		2012			
	<i>Anggaran</i>		<i>Sebenar</i>			
	<i>Anggaran</i>	<i>RM</i>	<i>%</i>	<i>Anggaran</i>	<i>RM</i>	<i>%</i>
BAKI PADA 1 JANUARI		15,024,869,376			12,456,196,840	
HASIL						
Hasil Cukai	1,067,328,591	1,172,725,311	109.87	1,322,927,067	139.36	

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Hasil Bukan Cukai	4,042,568,799	5,853,145,174	144.79	5,714,065,125	157.61
Terimaan Bukan Hasil	8,816,800	11,637,095	131.99	30,712,221	352.94
Pemberian Persekutuan Dan Bayaranbalik	117,084,800	125,521,092	107.21	119,731,169	101.15
<i>Jumlah Hasil</i>	<i>5,235,798,990</i>	<i>7,163,028,672</i>	<i>136.81</i>	<i>7,187,435,582</i>	<i>152.87</i>

PERBELANJAAN MENGURUS

Emolumen	661,131,464	651,911,759	98.61	579,442,670	100.50
Perkhidmatan dan Bekalan	548,963,329	560,299,469	102.07	533,171,091	108.11
Aset	29,893,545	27,213,210	91.03	31,745,691	108.37
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	473,466,899	478,793,497	101.13	393,382,110	102.39
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	15,753,199	18,450,883	117.12	31,021,484	100.20
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum caruman)</i>	<i>1,729,208,436</i>	<i>1,736,668,818</i>	<i>100.43</i>	<i>1,568,763,046</i>	<i>101.33</i>
<i>Caruman Kepada</i>					
<i>Kumpulan Wang Berkanun</i>	<i>3,300,000,000</i>	<i>3,300,000,000</i>	<i>-</i>	<i>3,050,000,000</i>	<i>-</i>
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas caruman)</i>	<i>5,029,208,436</i>	<i>5,036,668,818</i>	<i>100.15</i>	<i>4,618,763,046</i>	<i>101.33</i>
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>		<i>2,126,359,854</i>		<i>2,568,672,536</i>	
BAKI PADA 31 DISEMBER		<u>17,151,229,230</u>		<u>15,024,869,376</u>	

(a) **Hasil**

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	2013		2012	
			Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Royalti-Royalti	581,435,200	668,419,731	624,952,983	93.50	684,985,749	121.88
Cukai Jualan Negeri	317,000,000	317,000,000	472,126,114	148.94	561,614,918	177.17
Sewaan	45,350,000	50,400,000	43,848,815	87.00	42,001,286	95.68
Lain-Lain	31,336,860	31,508,860	31,797,399	100.92	34,325,114	130.08
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	<i>975,122,060</i>	<i>1,067,328,591</i>	<i>1,172,725,311</i>	<i>109.87</i>	<i>1,322,927,067</i>	<i>139.36</i>
HASIL BUKAN CUKAI						
Pampasan Gantian	1,629,000,000	2,170,000,000	2,607,505,226	120.16	2,745,562,468	120.95
Hasil Daripada Penjualan Barang	352,571,650	442,087,650	354,580,370	80.21	382,235,569	109.64
Faedah Dan Pendapatan Tanaman Modal	925,521,000	1,286,521,000	2,722,587,059	211.62	2,423,062,563	278.10
Lain-Lain	139,643,200	143,960,149	168,472,519	117.03	163,204,525	120.48
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	<i>3,046,735,850</i>	<i>4,042,568,799</i>	<i>5,853,145,174</i>	<i>144.79</i>	<i>5,714,065,125</i>	<i>157.61</i>
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pelupusan Aset Tetap	1,600,000	1,600,000	1,359,727	84.98	2,226,485	139.16
Terimaan Dari Pelbagai Sumber	1,323,000	1,323,000	2,395,003	181.03	22,354,585	1,689.69
Kompaun, Denda Dan Penalti	3,743,300	3,683,300	5,895,551	160.06	4,297,301	120.43
Lain-Lain	2,210,500	2,210,500	1,986,814	89.88	1,833,850	82.96
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	<i>8,876,800</i>	<i>8,816,800</i>	<i>11,637,095</i>	<i>131.99</i>	<i>30,712,221</i>	<i>352.94</i>

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

PEMBERIAN PERSEKUTUAN DAN BAYARANBALIK

Pemberian Mengikut Kiraan Kepala	34,000,000	34,866,000	34,866,120	100.00	34,489,920	101.44
Pemberian Bayaran Balik	56,215,000	52,728,800	56,759,326	107.64	53,954,581	98.32
Lain-Lain	29,490,000	29,490,000	33,895,646	114.94	31,286,668	106.09
<i>Jumlah Pemberian Persekutuan Dan Bayaranbalik</i>	<i>119,705,000</i>	<i>117,084,800</i>	<i>125,521,092</i>	<i>107.21</i>	<i>119,731,169</i>	<i>101.15</i>
JUMLAH HASIL	<u>4,150,439,710</u>	<u>5,235,798,990</u>	<u>7,163,028,672</u>	<u>136.81</u>	<u>7,187,435,582</u>	<u>152.87</u>

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

2013

	Anggaran Asal <i>RM</i>	Anggaran Dipinda <i>RM</i>	Sebenar <i>RM</i>	% <i>Anggaran</i>
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T.01 Peruntukan diRaja	367,770	876,000	876,000	100.00
T.02 Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri	2,060,000	4,199,500	4,131,850	98.39
T.03 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	500,538	699,538	692,880	99.05
T.05 Tanggungan Hutang Awam	91,799,541	172,810,807	172,810,804	100.00
T.06 Pelbagai Perkhidmatan	500,000	671,272	671,271	100.00
T.07 Ahli-Ahli Pentadbiran Dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (Pencen, Ganjaran dan Faedah Kemalangan)	5,600,010	32,920,010	32,776,956	99.57
T.08 Yang di-Pertua Negeri (Pencen, Ganjaran dan Lain-Lain Bayaran Ex-Gratia)	259,200	259,200	165,600	63.89
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	<i>101,087,059</i>	<i>212,436,327</i>	<i>212,125,361</i>	<i>99.85</i>
PERBELANJAAN BEKALAN				
B.11 Pejabat Yang Di-Pertua Negeri	6,271,146	6,312,138	6,902,884	109.36
B.12 Dewan Undangan Negeri Sarawak	7,488,325	25,618,601	25,369,154	99.03
B.13 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	5,343,881	5,343,881	5,134,813	96.09
B.14 Jabatan Ketua Menteri	271,284,727	283,625,464	286,186,303	100.90
B.15 Pentadbiran (Am)	19,334,926	29,112,906	22,205,365	76.27
B.16 Pentadbiran (Bahagian Kuching)	5,778,778	6,109,981	6,016,780	98.47
B.17 Pentadbiran (Bahagian Sri Aman)	4,608,091	4,873,502	5,112,321	104.90
B.18 Pentadbiran (Bahagian Sibu)	4,626,526	4,818,539	4,886,012	101.40
B.19 Pentadbiran (Bahagian Miri)	5,204,310	5,738,149	5,766,229	100.49
B.20 Pentadbiran (Bahagian Limbang)	4,766,289	4,997,080	5,020,256	100.46
B.21 Pentadbiran (Bahagian Sarikei)	4,701,276	5,083,475	5,029,214	98.93
B.22 Pentadbiran (Bahagian Kapit)	4,825,133	4,825,133	5,208,069	107.94
B.23 Pentadbiran (Bahagian Samarahan)	6,266,660	6,723,331	6,505,768	96.76
B.24 Pentadbiran (Bahagian Bintulu)	3,621,768	3,785,098	3,783,599	99.96

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

B.25 Kementerian Kewangan	140,470	140,470	131,589	93.68
B.26 Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	81,804,220	81,804,220	69,323,103	84.74
B.27 Unit Perancang Negeri	8,368,750	8,368,750	10,371,296	123.93
B.28 Jabatan Perbendaharaan Negeri	13,493,411	15,101,543	15,160,544	100.39
B.29 Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun	2,550,000,000	3,300,000,000	3,300,000,000	100.00
B.30 Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak	3,939,460	4,104,753	4,182,926	101.90
B.31 Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan	26,039,879	27,073,871	26,564,564	98.12
B.32 Jabatan Kerja Raya	154,158,966	169,152,606	169,691,199	100.32
B.33 Kerja Raya Berulang	143,000,000	143,000,000	156,325,024	109.32
B.34 Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar	66,105,185	67,252,118	67,444,100	100.29
B.35 Jabatan Hutan	55,710,972	55,710,972	59,297,078	106.44
B.36 Jabatan Tanah dan Survei	109,039,957	115,971,658	112,435,360	96.95
B.37 Kementerian Pemodenan Pertanian	4,090,545	4,678,287	4,654,598	99.49
B.38 Jabatan Pertanian	88,769,642	104,103,225	95,874,463	92.10
B.39 Jabatan Pengairan dan Saliran	43,888,345	45,604,639	45,111,159	98.92
B.40 Kementerian Pembangunan Sosial	64,374,885	65,825,806	71,060,361	107.95
B.41 Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti	11,381,171	12,929,171	13,941,399	107.83
B.42 Kuasa Tempatan	42,000,000	42,000,000	44,576,406	106.13
B.43 Majlis Bandaraya Kuching Selatan	5,000,000	5,000,000	5,250,000	105.00
B.44 Jabatan Muzium	8,185,649	8,239,774	8,220,653	99.77
B.45 Kementerian Perumahan	3,752,900	4,173,900	4,023,910	96.41
B.46 Kementerian Pembangunan Luar Bandar	3,023,296	3,567,421	3,316,892	92.98
B.47 Kementerian Pembangunan Perindustrian	4,307,169	4,865,910	4,844,715	99.56
B.48 Dewan Bandaraya Kuching Utara	16,500,000	16,500,000	18,129,000	109.87
B.49 Jabatan Agama Islam	22,810,768	24,275,102	22,822,682	94.02
B.50 Mahkamah Syariah	6,439,517	6,836,997	7,181,833	105.04
B.51 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak	39,431,514	40,030,120	43,336,355	108.26
B.52 Kementerian Pelancongan	6,839,516	8,069,055	14,137,699	175.21
B.71 Pentadbiran (Bahagian Mukah)	5,803,082	5,995,929	5,934,572	98.98
B.72 Pentadbiran (Bahagian Betong)	5,661,164	6,230,116	6,025,734	96.72
B.73 Kementerian Kemudahan Awam	5,183,376	8,126,550	6,917,097	85.12
B.74 Kementerian Kemajuan Tanah	4,475,079	5,852,292	6,288,753	107.46
B.75 Jabatan Perkhidmatan Pembetungan	1,621,882	1,621,882	1,370,379	84.49
B.76 Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga	5,995,469	7,597,694	7,471,247	98.34
<i>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</i>	<i>3,965,458,075</i>	<i>4,816,772,109</i>	<i>4,824,543,457</i>	<i>100.16</i>
PERBELANJAAN MENGURUS	4,066,545,134	5,029,208,436	5,036,668,818	100.15

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1a - Penyata Perbelanjaan Mengurus Mengikut Objek Am/Objek Sebagai dan Lampiran 1b - Penyata Perbelanjaan Mengurus Mengikut Program/Aktiviti/Sub-Aktiviti bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman mengikut bidang kuasa undang-undang Negeri.

Mulai tahun kewangan 2012, pinjaman telah diklasifikasi sebagai Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis* IPSAS.

Bayaran hutang Negeri yang merangkumi amaun pokok dan faedah tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T05 berjumlah RM172,810,804 seperti di Nota 5(b). Semua baki pinjaman dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	2013 (Debit)/Kredit RM	2012 (Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Dari Kerajaan Persekutuan Untuk:		
Kementerian Pembangunan Perindustrian	19,190,000	14,535,000
Kementerian Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar	-	6,711,412
Lembaga Air Sibu	20,296,894	-
Bekalan Air Luar Bandar Sarawak	78,805,893	51,612,256
Lembaga Air Kuching	16,972,778	5,000,000
Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak	1,700,000	3,800,000
Projek Naik Taraf Loji/Kolam Takungan Paip Utama Sri Aman	16,639,191	13,670,000
Lembaga Penyatuan Dan Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA)	8,145,000	-
JUMLAH PINJAMAN PADA 31 DISEMBER	161,749,756	95,328,668
PINDAHAN		
PINDAHAN KE		
Kumpulan Wang Pembangunan	161,749,756	95,328,668
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER	-	-

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, dan arahan amanah. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sebahagian urus niaga semasa terdiri daripada urus niaga Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan yang mengakaunkan urus niaga bagi Akaun Kawalan, Akaun Kena Bayar dan akaun seumpamanya yang tidak melibatkan terimaan atau bayaran sebenar.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	Baki pada 01.01.2013 (Debit)/Kredit RM	Debit RM	Kredit RM	Baki pada 31.12.2013 (Debit)/Kredit RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	3,376,602,597	3,382,919,227	3,595,988,774	3,589,672,144
Jumlah Kumpulan Wang Pembangunan	3,376,602,597	3,382,919,227	3,595,988,774	3,589,672,144
Akaun Penyelesaian Kerajaan	4,743,414	772,189,519	765,729,734	(1,716,371)
Akaun Perniagaan	7,824,907	68,219,379	79,775,595	19,381,123
Akaun Pinjaman	20,582,239	7,152,036	4,479,975	17,910,178
Akaun Dana Kontingensi	150,000,000	376,249,406	376,249,406	150,000,000
Akaun Amanah Pelbagai	1,714,358,439	2,993,559,694	2,885,893,066	1,606,691,811
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,897,508,999	4,217,370,034	4,112,127,776	1,792,266,741
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Amanah Khas	182,541,429	43,860,386	42,122,620	180,803,663
Amanah Am	33,834,456	273,022,484	262,899,509	23,711,481
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam	216,375,885	316,882,870	305,022,129	204,515,144

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

AKAUN DEPOSIT

Deposit Am	50,452,468	20,315,543	38,781,292	68,918,217
Deposit Khas	316,721,436	751,619,944	818,372,911	383,474,403
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	367,173,904	771,935,487	857,154,203	452,392,620

AKAUN KENA BAYAR

Akaun Kena Bayar	213,979,001	215,271,516	170,405,607	169,113,092
<i>Jumlah Akaun Kena Bayar</i>	213,979,001	215,271,516	170,405,607	169,113,092

JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN

6,071,640,386	8,904,379,134	9,040,698,489	6,207,959,741
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

Bayaran lain di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM5,521,459,907 merupakan baki bersih Akaun Amanah.

Lebih pembiayaan berjumlah RM2,043,440,627 di Penyata Prestasi Kewangan dibiayai oleh perubahan dalam Tunai, Pelaburan dan Amanah.

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- (i) Kumpulan Wang Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406).

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	<i>2013</i> <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>	<i>2012</i> <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>
BAKI PADA 1 JANUARI	3,376,602,597	3,183,779,525
TERIMAAN		
Pemberian Persekutuan	48,668,144	26,063,465
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	161,749,756	95,328,668
Caruman Dari Akaun Hasil Disatukan	3,300,000,000	3,050,000,000
Bayaran balik Pinjaman Daripada Badan Berkanun Dan Lain-Lain	75,080,473	86,533,241
Pelbagai	10,490,401	4,830,769
<i>Jumlah Terimaan</i>	3,595,988,774	3,262,756,143

BAYARAN

Perbelanjaan Pembangunan

Langsung	3,287,697,835	2,985,994,624
Pinjaman	95,221,392	83,938,447
<i>Jumlah Bayaran</i>	3,382,919,227	3,069,933,071

Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun

213,069,547	192,823,072
-------------	-------------

BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER

3,589,672,144	3,376,602,597
----------------------	----------------------

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

- (ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Akaun Dana Kontingensi dan Akaun Amanah Pelbagai yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	2013 (Debit)/Kredit RM	2012 (Debit)/Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN KERAJAAN		
Akaun Sernas Antara Pentadbiran	(9,159,714)	(1,355,190)
Akaun Penyelesaian Utama Perpendaharaan	7,348,891	6,019,469
Akaun Pendahuluan Persendirian (Pegawai Awam)	94,452	79,135
<i>Jumlah Akaun Penyelesaian Kerajaan</i>	<i>(1,716,371)</i>	<i>4,743,414</i>
AKAUN PERNIAGAAN		
Akaun Stor Tak Teruntuk Dan Kerja	19,381,123	7,824,907
<i>Jumlah Akaun Perniagaan</i>	<i>19,381,123</i>	<i>7,824,907</i>
AKAUN PINJAMAN		
Akaun Pinjaman Pengangkutan, Komputer Dan Alat/Perkkas Isi Rumah	17,910,178	20,582,239
<i>Jumlah Akaun Pinjaman</i>	<i>17,910,178</i>	<i>20,582,239</i>
AKAUN DANA KONTINGENSI		
Akaun Dana Kontingensi	150,000,000	150,000,000
<i>Jumlah Akaun Dana Kontingensi</i>	<i>150,000,000</i>	<i>150,000,000</i>
AKAUN AMANAH PELBAGAI		
Akaun Amanah Pelbagai	1,606,691,811	1,714,358,439
<i>Jumlah Akaun Amanah Pelbagai</i>	<i>1,606,691,811</i>	<i>1,714,358,439</i>
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	<u>1,792,266,741</u>	<u>1,897,508,999</u>
AKAUN KENA BAYAR		
Akaun Kena Bayar	169,113,092	213,979,001
<i>Jumlah Akaun Kena Bayar</i>	<i>169,113,092</i>	<i>213,979,001</i>
(b) Kumpulan Wang Amanah Awam		
Kumpulan Wang Amanah Awam mengakau terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957(Akta 61). Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.		
Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:		
	2013 (Debit)/Kredit RM	2012 (Debit)/Kredit RM
AMANAH KHAS		
Akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-Pekerja Tak Berpencen (GEPF)	28,599,091	28,105,817
Akaun Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru (TPF)	4,030,308	3,906,919
Akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (LAEPF)	3,831,647	3,765,902
Dana Lembaga Pengurusan Penyu	3,291,053	2,726,018
Dana Getah	12,736,423	11,988,817
Dana Kawasan Konsesi Hutan (Pemulihan Dan Pembangunan)	124,167,917	118,195,014

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Dana Boya Dan Api	3,952,208	13,658,859
Dana Amanah Penyu	195,017	194,083
<i>Jumlah Amanah Khas</i>	<i>180,803,664</i>	<i>182,541,429</i>

AMANAH AM

Akaun Wang Amanah Pelbagai	7,262,724	20,258,655
Akaun Penyelesaian Wang Amanah	16,448,756	13,575,801
<i>Jumlah Amanah Am</i>	<i>23,711,480</i>	<i>33,834,456</i>
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM		
<u>204,515,144</u>		
<u>216,375,885</u>		

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Khas. Deposit Am dan Deposit Khas adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai.

Akaun Deposit bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	<i>2013</i> <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>	<i>2012</i> <i>(Debit)/Kredit</i> <i>RM</i>
DEPOSIT AM		
Sekuriti	32,561,399	24,608,862
Estet	11,573,865	4,447,050
Am	17,220,393	15,113,451
Tender	1,622,709	1,289,021
Jabatan-Jabatan Lain	1,055,504	109,737
Jabatan Akauntan Negara Sarawak	4,884,347	4,884,347
<i>Jumlah Deposit Am</i>	<i>68,918,217</i>	<i>50,452,468</i>
DEPOSIT KHAS		
Jabatan Tanah Dan Survei	253,190,624	185,774,656
Jabatan Kerja Raya	107,458,577	110,735,672
Jabatan Pertanian	9,187,057	7,981,127
Jabatan Hutan	13,638,145	12,229,981
<i>Jumlah Deposit Khas</i>	<i>383,474,403</i>	<i>316,721,436</i>
JUMLAH AKAUN DEPOSIT		
<u>452,392,620</u>		
<u>367,173,904</u>		

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkunun, Pihak Berkuasa Tempatan, Skim Pinjaman Pelajar dan Pelbagai. Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2013.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	<i>Baki Belum Selesai pada</i>	<i>2013</i>	<i>2012</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	
Badan Berkanun	2,243,529,229	2,178,614,468	
Pihak Berkuasa Tempatan	3,086,286	4,367,428	
Skim Pinjaman Pelajar	502,337	502,337	
Pelbagai	224,717,541	222,039,142	
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	2,471,835,393	2,405,523,375	

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat. Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2013.

Pelaburan pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	<i>Nilai Buku</i>	<i>2013</i>	<i>2012</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	
Syarikat	4,305,605,820	4,053,667,151	
JUMLAH PELABURAN	4,305,605,820	4,053,667,151	

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Awam

Pada akhir tahun, hutang luar negeri dalam mata wang asing ditukar kepada nilai setara Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia seperti pada 31 Disember 2013.

Hutang Awam pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	<i>2013</i>	<i>2012</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
PINJAMAN		
Kerajaan Persekutuan	2,267,357,771	2,237,320,535
JUMLAH HUTANG AWAM	2,267,357,771	2,237,320,535

10. LIABILITI LUAR JANGKA

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu. Pada 31 Disember 2013, *back-to-back guarantee* yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia untuk kemudahan kredit yang diperolehi oleh entiti-entiti korporat yang berkaitan berjumlah RM98,445,000 juta pada tahun 2013 (2012 : RM306,670,339 juta).

Laporan terperinci mengenai Jaminan Berkanun boleh dirujuk kepada Lampiran 5 Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun.

11. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2013 berjumlah RM909,697,322 berdasarkan rekod Kementerian/Jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan, walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my